

Jilid I
Bil. 62



Hari Selasa
23hb Julai, 1991

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 10077]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1990 dan 1991)
[Ruangan 10155]

Jawatankuasa—

Jadual Pertama—

Maksud B.2, B.4, B.5, B.7 dan B.10 [Ruangan 10211]

Maksud B.13 [Ruangan 10242]

Maksud B.19 [Ruangan 10271]

Jadual Kedua—

Maksud B.7 [Ruangan 10211]

Maksud B.19 [Ruangan 10271]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat [Ruangan 10241]

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) 1990 [Ruangan 10155]

Jawatankuasa—

Maksud P.19 [Ruangan 10271]

KANDUNGAN—(samb.)

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) 1991 [Ruangan 10155]

Jawatankuasa—

Maksud P.7 dan P.8 [Ruangan 10211]

Maksud P.14 dan P.16 [Ruangan 10242]

Maksud P.18 [Ruangan 10252]

Maksud P.19 [Ruangan 10271]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P.,
P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO'
SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPIA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Lcdang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTIHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tapah).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTIHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Yang Berhormat DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHIEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jelai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasar Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelcibu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGU, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUIH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OIH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasar Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

Yang Berhormat TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).

- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASIIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.S.L.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).

Yang Berhormat DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,
B.C.K., P.J.K (Bagan Serai).

- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.L.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Selasa, 23hb Julai, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

**Timbalan Yang di-Pertua Tuan
Ong Tee Keat:** Yang Berhormat Tuan
Yim Chee Cheong.

*(Soalan No. 1. Y.B. Tuan Yim Chee
Cheong tidak hadir)*

**RAKYAT MISKIN MENERIMA
BANTUAN BULANAN**

2. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta
Menteri Perpaduan Negara dan Pem-
bangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) jumlah rakyat miskin yang menerima bantuan bulanan di seluruh negara setakat ini;
- (b) apakah Kerajaan bercadang untuk menambahkan bantuan bulanan ini memandangkan jumlah yang diberikan sekarang ini amat kecil dan tidak dapat membantu mereka yang teramat miskin ini; dan
- (c) apakah Kerajaan sedar masih ramai lagi yang sepatutnya menerima bantuan kebajikan bulanan ini dan apakah Kerajaan bercadang untuk menjalankan operasi mengenalpasti dan

pendaftaran secara besar-besaran golongan yang sepatutnya mendapat bantuan dan pertolongan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian
Perpaduan Negara dan Pembangunan
Masyarakat (Tuan Yong Khooon
Seng):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah rakyat miskin yang menerima bantuan bulanan di seluruh negara pada masa ini ialah 69,718 orang dengan jumlah bantuan sebanyak \$27,076,905 pada tahun 1990.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya kini sedang mengambil tindakan untuk memohon tambahan kepada kadar bantuan bulanan yang diberi sekarang.
- (c) Kementerian memang sedar bahawa ramai lagi rakyat golongan miskin yang sepatutnya menerima bantuan bulanan. Untuk mendaftarkan golongan ini, ketua-ketua masyarakat dan pemimpin-pemimpin tempatan digalakkan mengenalpasti dan merujuk mereka yang memerlukan bantuan ke Jabatan Kebajikan Masyarakat. Adalah didapati bahawa langkah-langkah yang diambil pada masa ini adalah memadai.

**Tuan Ahmad Shukri bin Haji
Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah \$27 juta yang disebutkan tadi iaitu bantuan yang

diberikan kepada golongan termiskin ini meliputi juga bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri.

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah bantuan di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Bantuan ini diberi kepada orang-orang tua, kanak-kanak dan ada juga bantuan am.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, bolchkah Timbalan Menteri berkenaan memberitahu kepada saya bahawa terdapat mereka yang mendapat bantuan ini setelah bertukar alamat dalam keadaan yang sama iaitu miskin, bantuannya dipotong dan tidak diberi, sama ada betul atau tidak. Minta pencerangan.

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah, saya bukan Timbalan Menteri, saya Setiausaha Parlimen. Kalau ada kes-kes yang spesifik, sila rujuk kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

HOSPITAL BESAR TUANKU RAHIMAH KLANG— KEKURANGAN KAKITANGAN

3. **Tuan Fong Kui Lun** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah tindakan yang Kementerianya lakukan untuk menambah bilangan kakitangan termasuk Jururawat yang didapati terlalu kurang di Hospital Besar Tuanku Rahimah, Klang serta kemudahan-kemudahan yang tidak mencukupi sehingga menimbulkan teguran daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sendiri baru-baru ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan adalah sentiasa memandang berat akan masalah yang dihadapi oleh hospital-hospital dan klinik-klinik di

bawah kawalan Kementerian terutamanya jika sekiranya menghadapi masalah kekurangan kakitangan. Berhubung dengan masalah kekurangan kakitangan di Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang, usaha-usaha telah pun dan sedang dilaksanakan dari masa ke semasa untuk menambah bilangan kakitangan melalui pengwujudkan jawatan-jawatan baru dan penempatan kakitangan bagi mengisi jawatan-jawatan yang kosong mengikut keperluannya.

Namun demikian, kejayaan usaha-usaha tersebut khususnya pengambilan ke perkhidmatan-perkhidmatan perubatan dan kesihatan, adalah bergantung kepada penawaran calon-calon yang layak dipertimbangkan bagi lantikan ke perkhidmatan-perkhidmatan tersebut.

Berkaitan dengan kemudahan-kemudahan pula, Kementerian sentiasa berusaha meninggikan taraf kemudahan sepertimana yang telahpun dipertingkatkan beberapa kali untuk mempertingkatkan lagi perkhidmatan kepada pesakit. Bagi tahun 1991, usaha-usaha sedang dijalankan untuk mengwujudkan perkhidmatan haemodialysis dan langkah-langkah untuk penyediaan bangunan dan perolehan peralatan sedang dijalankan.

Di samping itu, perkhidmatan lain juga di pertingkatkan dengan pembekalan seunit automated chemistry analyser, dengan izin, bagi makmal, seunit operating microscope, dengan izin, bagi Unit Mata, obstetric bed dan ultrasound linear scanner, dengan izin, bagi Unit Obstetrik dan Ginekologi dan berbagai-bagai peralatan bagi Unit Otopedik.

CUTI UMUM BAGI HARI GAWAI DAYAK

4. **Tuan Jawah Anak Gerang** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk

memberi cuti umum di seluruh negara kepada hari perayaan suku-suku kaum seperti Hari Gawai Dayak untuk suku kaum Dayak sebagai penghormatan Kerajaan kepada kaum tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, cuti am terbahagi kepada dua jenis, iaitu cuti am Persekutuan dan cuti am Negeri. Cuti am Persekutuan adalah cuti am yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan, manakala cuti am Negeri diluluskan oleh Kerajaan Negeri.

Pada asasnya, cuti am Persekutuan melibatkan kepentingan umum di seluruh negara; memandangkan jumlah cuti am Persekutuan sekarang adalah banyak iaitu sejumlah 12 hari dalam setahun, maka buat masa ini Kerajaan belum lagi bercadang untuk menambah cuti am melebihi jumlah yang ada sekarang.

Berkaitan dengan Hari Gawai Dayak yang dirayakan pada awal bulan Jun tiap-tiap tahun, ianya sudah lama dijadikan hari cuti am di Negeri Sarawak. Amat baik kiranya tradisi itu sentiasa dikekalkan sebagai tanda penghormatan Kerajaan dan rakyat, di samping ianya dirayakan oleh suku-suku kaum dan masyarakat berkenaan di Negeri Sarawak.

Tuan Jawah Anak Gerang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun negara kita sudah lama merdeka lebih 30 tahun, masih juga kedengaran dari orang ramai, khasnya orang-orang di Semenanjung, perkataan-perkataan seperti ini: "Awak datang dari manakah? Saya datang dari negeri Sarawak. Ya, Sarawak. Sarawak mana itu? Sarawak dalam Malaysia." Ini menunjukkan banyak orang di Semenanjung sini tidak tahu....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Apa soalnya, Yang Berhormat?

Tuan Jawah Anak Gerang: Soalnya, perayaan-perayaan seperti perayaan Hari Gawai, saya rasa haruslah diberi cuti umum di seluruh Malaysia supaya orang-orang Semenanjung, khasnya orang ramai, bukan sahaja orang ramai, Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan pun, Menteri-menteri pun tidak sedar bahawa di Malaysia ini....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, jangan berucap.

Tuan Jawah Anak Gerang: Bukan berucap. Saya hendak tanya....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu merupakan kenyataan, bukan soalan.

Tuan Jawah Anak Gerang: Sedar atau tidak perayaan ini akan menyedarkan orang ramai ataupun Ahli-ahli Dewan Rakyat ataupun Menteri-menteri supaya bukan sahaja Melayu atau Cina ataupun India yang berada di Malaysia ini tetapi orang Kadazan ataupun orang Dayak pun ada di sini. Jadi, saya membuat rayuan supaya hari perayaan Hari Gawai ini dipertimbangkan.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, memberi cuti am kepada satu-satu hari perayaan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak akan menjamin nasional integrasi yang beliau ingin diadakan di negara kita ini. Jadi, pada hemat saya, Ahli Yang Berhormat itu kalau betul-betul beliau jujur merapatkan rakyat Malaysia dari Semenanjung, dari Sarawak dan Sabah, satu caranya ialah untuk memberikan perangsang di Sarawak dan juga mana-

mana beliau pergi untuk menimbulkan kasih-sayang atau cinta kepada negara menerusi integrasi nasional.

Tuan Sim Kwang Yang: Memandangkan bahawa bangsa Dayak merupakan bangsa yang paling besar di negeri Sarawak ini, 43.5% daripada penduduk-penduduk Sarawak adalah daripada bangsa Dayak dan mereka bersama-sama dengan bangsa Kadazan dan lain-lainnya di Malaysia Timur ini sudahpun menyumbangkan banyak kepada kemerdekaan. Ramai juga berkorban dalam perjuangan konfrantasi dan dalam peperangan menentang komunis. Adakah Yang Berhormat Menteri sendiri sebagai tokoh yang paling besar dari negeri Sarawak dalam Kabinet ini, bolehkah dia dalam kapasiti peribadi dia, masuk ke Jemaah Menteri sekali lagi memohon supaya Hari Gawai Dayak ini dipertingkatkan kepada tahap cuti am kepada peringkat Persekutuan untuk menetapkan keadaan istimewa bangsa Dayak ini supaya mereka tidak merasakan mereka anak yatim kepada Malaysia ini? Maka mereka barulah boleh cinta kepada Malaysia ini. Sekian, terima kasih. Ngap Sayot!

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafikan perjuangan kemerdekaan yang telah diusahakan oleh kaum Kadazan, kaum Dayak dan sebagainya di Sabah dan Sarawak. Tetapi ini tidak kena dengan isu yang dihadapi dalam soalan asal yang dikemukakan kepada kita ini. Jadi, hari percutian am yang ditanya di sini tidak ada kena-mengena, dengan Kerajaan Persekutuan tidak menghargai kepada kaum-kaum berkenaan. Sebenarnya, Kerajaan Persekutuan memang menghargai perjuangan-perjuangan kaum-kaum Dayak, Kadazan dan sebagainya di negeri Sabah dan Sarawak untuk mencapai kemerdekaan Sabah dan Sarawak dalam Malaysia.

SUKAN DI MALAYSIA— PRESTASI DAN MUTU

5. Tuan Billy Abit Joo minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) projek-projek khas untuk mempertingkatkan prestasi dan mutu sukan dan olahraga di Malaysia;
- (b) sama ada projek-projek tersebut berhasil; dan
- (c) selain dari projek-projek khas, adakah peruntukan dipanjangkan ke Sarawak dan jumlahnya bagi tahun 1990/1991.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Dato' Ismail bin Said): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Projek-projek khas yang sedang dijalankan oleh Kementerian melalui Majlis Sukan Negara adalah seperti berikut:

(i) *Program Tunas Cemerlang*

Program ini adalah merupakan program bersepadu di antara Majlis Sukan Negara dan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Negeri yang berkenaan. Objektif program ini ialah untuk mengenal pasti bakat sukan di kalangan pelajar-pelajar bagi dipertingkatkan ke tahap yang lebih tinggi, memastikan kesinambungan latihan dan pendedahan atlit, mempertingkatkan kelengkapan dan kemudahan sukan di sekolah-sekolah di samping menyediakan peluang penyertaan yang luas dan pembinaan kemahiran individu.

Atlit-atlit yang dipilih adalah antara umur 12 hingga 14 tahun dan mereka ditempatkan di sekolah-sekolah yang dipilih dan pusat latihan akan disediakan dengan kemudahan peralatan dan kepakaran bagi membolehkan mereka menjalani latihan yang berkualiti sepanjang tahun. Ini juga selaras dengan tujuan program berkenaan di mana atlit dan jurulatih berada di bawah satu bumbung.

Sebanyak 6 jenis sukan telah dipilih di bawah program ini iaitu bola-sepak, tenis, badminton, olahraga, sepak takraw dan hoki.

Sehingga ini, sebanyak 161 bilangan sekolah digunakan sebagai pusat latihan yang melibatkan seramai 3,307 atlit dan 292 jurulatih yang dilantik untuk melaksanakan program ini di seluruh negara.

(ii) *Program Pelapis*

Program ini adalah bertujuan untuk memilih dan melatih atlit-atlit muda yang berpotensi dengan harapan mereka kelak akan mengambil tempat atlit-atlit elit. Atlit-atlit yang dikenal pasti akan diberi berbagai bantuan latihan dan insentif di samping penyertaan di kejohanan tempatan dan antarabangsa.

Sebanyak 10 jenis sukan iaitu olahraga, boling, bola tampar

(lelaki/wanita), sepak takraw, ping-pong, bola keranjang, bina badan, skuash, kapal layar dan kriket diberi bantuan oleh Majlis Sukan Negara untuk melaksanakan program ini.

(iii) *Mewujudkan Program Persediaan Latihan Ke Arah Sukan SEA ke XVI 1991*

Program Latihan Dua Tahun ini memperuntukkan sebanyak \$3,500,136.70 iaitu \$1,681,145 untuk tahun 1990 dan \$1,818,919.50 untuk tahun 1991. Peruntukan ini adalah untuk membiayai aktiviti-aktiviti seperti Latihan Pusat, Pertandingan Luar Negeri, Pendedahan, Elaun Jurulatih dan Peralatan. Program ini merangkumi 24 jenis sukan yang akan dipertandingkan di Sukan SEA di Manila kelak.

(b) *Pencapaian*

(i) Bagi Program Tunas Cemerlang, di Kejohanan Olahraga MSSM baru-baru ini, peserta-peserta dari program ini telah berjaya memperolehi sebanyak 7 pingat emas, 13 perak dan 6 pingat gangsa, dan pencapaian ini menunjukkan bahawa program ini dapat mempertingkatkan prestasi dan mutu sukan negara.

(ii) Di bawah Program Pelapis, Rabia Abdul Salam telah memperbaiki rekod peribadi 400 meter (Wanita) dan R. Shanti dalam 200 meter

(Wanita). Rabia dan Gin Peng dipilih ke Sukan Asia 90. Pasukan Bola Tampar (Lelaki/Wanita) telah mengekalkan tempat ke 3 di belakang Indonesia dan Thailand. Pasukan Bola Keranjang telahpun mendapat tempat keenam keseluruhan lelaki dan tempat ketujuh keseluruhan wanita.

- (c) (i) Kementerian Belia dan Sukan tidak memperuntukkan bantuan tetap kepada negeri Sarawak. Walau bagaimanapun, Kementerian melalui Majlis Sukan Negara telah membantu mendapatkan gran sejumlah S1 juta dari Kerajaan Pusat kepada Majlis Sukan Negeri Sarawak bagi mengelolakan Sukan Malaysia yang ke 3 di Kuching dalam tahun 1990.

Di samping itu, pihak Majlis Sukan Negara memberi bantuan pengangkutan peserta-peserta dari Semenanjung Malaysia menyertai Sukan Malaysia di Kuching.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mempunyai satu kepercayaan iaitu tiap-tiap satu tindakan yang kita hendak ambil itu hendaklah dimulakan dari awal lagi. Berlandaskan itu, adakah rancangan Kementerian untuk mengadakan satu pendedahan motivasi ataupun latihan awal semenjak di bangku sekolah, yang muda-muda primary satu lagi untuk satu pendekatan dan melatih anak-anak kita lagi di bangku sekolah dan seterusnya memberi scholarship dengan izin, untuk anak-

anak menunjukkan bakat, bukan di peringkat universiti tetapi di peringkat sekolah menengah rendah dan atas, untuk memajukan sukan untuk negara.

Dato' Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana dalam jawapan yang saya sebutkan sebentar tadi, pihak Kementerian memang ada mempunyai program sebagaimana yang disarankan oleh Yang Berhormat iaitu Program Tunas Cemerlang. Untuk makluman Yang Berhormat, misalnya, di negeri Sarawak kita telah memilih 11 buah sekolah untuk digunakan sebagai pusat latihan yang melibatkan seramai 243 atlit dan 20 orang jurulatih untuk melaksanakan program yang saya sebutkan tadi.

Mengenai untuk mengadakan biasiswa kepada atlit-atlit yang berjaya, pihak Kementerian sedang memikirkannya juga tetapi belum ada keputusan yang muktamad mengenainya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Mohamed Kamal bin Hussain.

(Soalan No. 6 Y.B. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain tidak hadir).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Gooi Hock Seng.

(Soalan No. 7 Y.B. Tuan Gooi Hock Seng tidak hadir).

HARGA BARANG-BARANG PETROLEUM

8. Tuan Harrison Nhai Laing minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) mengapa harga minyak benzin di Ulu Baram empat belas ringgit satu gelen sedangkan kilang memproses minyak ada di Lutong, Miri dan tidak jauh; dan

- (b) apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengawal dan menurunkan harga minyak benzin di kawasan Baram khususnya dan di seluruh Sarawak amnya.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga runcit barang-barang petroleum bagi kawasan Ulu Baram adalah lebih tinggi dibandingkan dengan kawasan-kawasan lain di Sarawak. Ini disebabkan kos pengangkutan bagi membekalkan barang-barang petroleum di kawasan berkenaan adalah lebih tinggi. Umpamanya, bekalan barang-barang petroleum bagi Marudi dan Long Lama adalah dibawa melalui jalan sungai daripada pusat pembekalan di Lutong, Miri. Bekalan barang-barang petroleum bagi Bario pula terpaksa dibawa melalui pengangkutan udara oleh pengusaha-pengusaha pengangkutan udara persendirian. Ini menyebabkan paras harga runcit barang-barang petroleum bagi Bario adalah antara 2 hingga 3 kali ganda lebih tinggi jika dibandingkan dengan paras harga di Marudi dan Long Lama. Keadaan ini tidak dapat dielakkan memandangkan kos pengangkutan udara dan insurans yang tinggi terpaksa ditanggung oleh pihak pembekal.

Kerajaan dari masa ke semasa akan mengkaji kedudukan paras harga di kawasan Bario dan kawasan-kawasan lain di Sarawak apabila terdapat perubahan-perubahan dalam sistem perhubungan dan pemasaran bagi kawasan-kawasan berkenaan.

RUMAH KTM DIBINA SEMULA

9. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada "Quarters" KTM yang dibina di zaman penjajah

yang berkeadaan yang amat teruk akan diubahsuai atau dibina semula supaya lebih selesa dengan keadaan masa kini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak dinafikan bahawa terdapat rumah-rumah KTM yang tidak lagi sesuai dengan keadaan masa kini kerana ianya dibina sebelum Perang Dunia Kedua lagi. KTM telah mengambil tindakan secara berperingkat untuk mengubahsuai rumah-rumah tersebut seperti berikut:

- (i) memperuntukkan tandas moden dan meter air dan elektrik berasingan yang mana setakat ini 60% daripada rumah-rumah tersebut telahpun mendapat kemudahan-kemudahan ini dan usaha akan diteruskan supaya semua rumah dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan itu;
- (ii) dengan peruntukan yang ada KTM setakat ini telah membina semula 269 unit rumah kakitangan yang dibina menggunakan konkrit dan batu-bata. Rumah-rumah ini adalah lebih selesa untuk diduduki; dan
- (iii) sebanyak 400 unit rumah pangsa sedang dibina di Bangsar dan dijangka siap pada akhir tahun 1992.

PROJEK PEMBANGUNAN BERSEPADU ENDAU-ROMPIN

10. Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) kedudukan program pembangunan pertanian di kawasan Endau-Rompin; dan

(b) adakah Kerajaan bercadang untuk meneruskan program pembangunan tersebut memandangkan peruntukan yang besar telah dibelanjakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada kedua-dua soalan (a) dan (b), saya percaya kawasan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah kawasan Projek Pembangunan Bersepadu Endau-Rompin (IADP). Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, projek ini telah ditamatkan pada akhir tahun 1986 berikutan dengan perubahan dasar mengenai dengan kadar saradiri Dasar Beras Negara. Dalam membuat perubahan dasar tersebut, Kerajaan telah memutuskan supaya Projek Pertanian Bersepadu Endau-Rompin dikeluarkan daripada salah satu kawasan jelapang padi negara dan corak tanaman projek ini ditukarkan daripada tanaman padi kepada lain-lain tanaman yang lebih menguntungkan.

Dengan pembubaran IADP itu, dilaksanakan projek ini telah diserahkan daripada Kementerian Pertanian kepada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah ketika itu kerana didapati sebahagian besar kawasan tersebut sesuai ditanam dengan tanaman kelapa sawit. Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara bersama dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Pahang telah diberikan tanggungjawab menyediakan program pembangunan semula kawasan tersebut di mana pembangunan seterusnya melibatkan agensi-agensi di bawah Kementerian berkenaan iaitu FELDA, FELCRA dan DARA.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, agensi di bawah Kementerian Pertanian yang terlibat dengan pembangunan semula kawasan pertanian Endau-Rompin ialah Jabatan Pengairan dan Saliran. Sebanyak \$18 juta telah dipohon di bawah Rancangan Malaysia Keenam bagi menyediakan

infrastruktur pengairan dan saliran. Manakala kerjasama LKIM dan LPP diperolehi bagi program penempatan semula nelayan-nelayan dan pengambilan peserta-peserta untuk rancangan pembangunan pertanian di kawasan projek.

RANCANGAN TANAH SECARA ESTET

11. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) sejauhmana kejayaan cadangan menguruskan rancangan kemajuan tanah secara estet;
- (b) bagaimana penerimaan peserta rancangan tanah; dan
- (c) apa tindakan yang diambil untuk memastikan kejayaan skim peneroka tanah setelah generasi peneroka yang sedia ada digantikan dengan generasi baru.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mohd. Yasin bin Kamari): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) sehingga kini pelaksanaan cadangan mengurus rancangan tanah secara estet khususnya yang melibatkan FELDA adalah seperti berikut:
 - (i) Sejumlah 151 buah rancangan telah dikenalpasti untuk diuruskan secara estet. Rancangan-rancangan ini mempunyai jumlah keluasan 246,675 hektar dan masih lagi belum ditempatkan peserta-peserta.
 - (ii) Tindakan sedang diambil untuk menubuhkan dua buah syarikat untuk menguruskan dua dari rancangan-rancangan ini, iaitu Ladang FELDA Selancar 6 dan Ladang

FELDA Selendang 2, kedua-duanya di negeri Pahang.

(iii) Tindakan juga sedang dilaksanakan bagi pengambilan peserta dan pekerja yang diperlukan untuk kedua-dua rancangan ini. Bilangan pekerja yang diperlukan ialah 208 orang untuk Selancar 6 dan 177 orang untuk Selendang 2. Untuk tujuan ini 1,239 permohonan telah diterima dan dari jumlah ini seramai 1,137 orang telah hadir untuk temuduga.

(b) Oleh kerana rancangan-rancangan yang akan diurus secara estet adalah rancangan-rancangan yang belum ditempatkan peneroka, maka peneroka-peneroka yang telah sedia ada di rancangan-rancangan tanah sekarang tidak terlibat dengan pengurusan secara estet ini. Oleh yang demikian sambutan atau penerimaan mereka tidaklah berkenaan. Adalah terlalu awal untuk membuat penilaian mengenai sambutan dari mereka yang bakal menjadi pekerja di rancangan-rancangan yang akan diuruskan secara estet ini. Bagaimanapun, dalam pengambilan pekerja bagi rancangan Selancar 6 dan Selendang 2, sebanyak 1,239 permohonan telah diterima untuk mengisi keperluan seramai 385 pekerja. Dari jumlah permohonan ini seramai 1,137 orang atau 91.7% telah hadir untuk ditemuduga. Sekiranya kehadiran untuk temuduga dijadikan ukuran, maka bolehlah dikatakan sambutan dari bakal pekerja atau peserta adalah baik.

(c) Di antara langkah-langkah yang diambil untuk memastikan kejayaan skim rancangan tanah setelah generasi peneroka yang sedia ada diganti dengan generasi baru ialah mengenalpasti anak-anak peneroka yang paling sesuai dari segi pengalaman, minat, tahap pendidikan dan tingkat umur untuk mengambilalih tempat bapa mereka bila diperlukan. Program latihan untuk bakal pengganti peneroka dilaksanakan dengan tujuan melengkapkan mereka dengan pengetahuan dan pengalaman yang perlu supaya mereka dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan baik apabila mereka mengambilalih tempat bapa mereka kelak.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagi peneroka yang dikira generasi baru ini, bagaimanakah approach masa depan kerana tanah baru tidak diperuntukkan dan bagaimanakah caranya untuk memenuhi sebagaimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.?

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari: Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah dijelaskan tadi ialah bahawa generasi muda anak-anak peneroka yang ada, yang telah dikenalpasti ataupun bagi memastikan mereka dapat mengambilalih tugas dan tanggungjawab peneroka yang telah bertambah tua; akan didedahkan kepada berbagai-bagai skim latihan, kursus-kursus pertanian, bimbingan kemahiran, dan lain-lain yang dijalankan bukan sahaja oleh FELDA sendiri, tetapi oleh agensi-agensi Kerajaan yang lain.

Kemudian kepada generasi anak-anak peneroka muda yang lainnya juga akan diberikan peluang-peluang seperti juga generasi muda yang lain, yang bukan merupakan anak-anak peneroka dalam lapangan-lapangan yang mereka sesuai.

Tuan Haji Shukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam menjalankan kemajuan tanah secara estet tadi Kerajaan akan menubuhkan beberapa buah syarikat seperti difahamkan tadi. Soalannya bagaimanakah hubungan antara syarikat ini dengan pihak Kerajaan. Adakah Kerajaan mempunyai hubungan dengan syarikat ini dari segi kawalan dan jika ada hubungan apakah bentuk hubungan atau kawalannya di mana Kerajaan boleh mengawal syarikat ini setelah mereka beroperasi kelak?

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dijelaskan, FELDA akan menubuhkan syarikat-syarikat apabila masanya telah sampai dan syarikat ini akan dimiliki secara bersama di mana 51% adalah dimiliki oleh FELDA dan 49% oleh pekerja ataupun peneroka-peneroka yang terpilih di dalam skim ataupun program yang baru ini.

TELEFON SOLAR/MINI HIDRO DI RUMAH PANJANG, SARAWAK

12. Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Kerajaan bercadang:

- (a) untuk menyediakan kemudahan telefon solar di rumah-rumah panjang dan kampung-kampung;
- (b) membina mini-hydro power di Sarawak; dan
- (c) menyediakan kemudahan telefon awam di Pekan Tawau.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sukacita saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa penyediaan kemudahan telefon awam di kawasan luar bandar termasuk kampung-

kampung dan rumah-rumah panjang dilaksanakan di bawah Rancangan Telefon Awam Luarbandar, Telekom Malaysia. Adalah dimaklumkan juga bahawa kuasa solar hanya digunakan apabila tidak terdapat bekalan elektrik konvensional.

Pada akhir tahun 1990 terdapat sejumlah 139 telefon awam luarbandar di seluruh kawasan luarbandar Sarawak. Daripada jumlah ini sebanyak 43 merupakan telefon awam ATUR yang menggunakan kuasa solar. Dalam tahun 1991 ini, pihak Telekom Malaysia bercadang untuk memasang sejumlah 122 telefon awam luarbandar di negeri Sarawak. Daripada jumlah ini sebanyak 26 lokasi akan dibekalkan dengan telefon awam luarbandar yang menggunakan kuasa solar.

- (b) Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, beberapa projek minihidro akan dilaksanakan iaitu:

| <i>Projek</i> | <i>Keupayaan Kos (\$ Juta)</i> | |
|---------------------------|--------------------------------|-----|
| Sungai Mendamit (Limbang) | 5mw | 66 |
| Sungai Kota (Lawas) | 3.5 mw | 15 |
| Sungai Kejin (Marudi) | 200 kw | 6.9 |
| Sungai Pasir (Lundu) | 800 kw | 5.8 |

- (c) Mengenai Pekan Tatau, sukacita saya memaklumkan bahawa pada masa kini sudah pun terdapat dua buah telefon awam di Pekan Tatau. Kedua-dua telefon awam ini menggunakan sistem ATUR. Buat masa kini jumlah yang tersedia ada ini adalah mencukupi bagi memenuhi permintaan penduduk Pekan Tatau. Walau bagaimanapun, sekiranya permintaan didapati bertambah, pihak Telekom Malaysia akan menimbang untuk menambahkan lagi bilangan telefon awam di Pekan Tatau.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kriteria yang telah digunakan untuk menentukan kawasan yang dibekalkan dengan perkhidmatan telefon awam di luarbandar negeri Sarawak ini, sebab walaupun 143 telefon awam sudah dipasang pada tahun 1990, tetapi memandangkan bahawa bilangan kampung-kampung di negeri Sarawak ini, maka apakah rancangan sudah ditentukan supaya usaha untuk membekalkan telefon perkhidmatan awam ini boleh dipertingkatkan supaya mereka yang diam dalam kampung jauh dari bandar seperti Marudi, Baram, Belaga dan Ludu boleh minta bantuan dari dunia luar secara telefon itu.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, jumlah telefon yang disebutkan tadi iaitu 139 pada tahun 1990 dan 122 pada tahun 1991 merupakan telefon awam luarbandar yang menggunakan sistem ATUR. Ini tidak termasuk telefon-telefon awam luarbandar yang digunakan secara biasa iaitu bukan secara ATUR ataupun secara Country Set yang menggunakan kuasa solar dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, misalnya kalau kita ambil Pekan Tatau, Pekan Tatau sebenarnya mempunyai Ibusawat bermuatan 150 talian dan sehingga masa kini hanya 139 talian sahaja digunakan dan ini termasuk juga dua telefon awam luarbandar dan kita sedia untuk membekalkan lebih banyak lagi telefon awam luar bandar sekiranya didapati bahawa kawasan-kawasan ini sesuai. Tetapi bagi Country Set dan juga ATUR kita akan mendapat bekalan peralatan yang lebih banyak pada akhir tahun ini dan pihak Telekom Malaysia akan dapat memberikan lebih banyak lagi projek telefon awam luarbandar ini ke negeri Sarawak dan juga ke negeri-negeri lain pada tahun hadapan.

Dr Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pembinaan mini-hidro electric power di Sarawak, bolehkah saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada hasil-kajian Kerajaan mengkaji projek hidro di Lembah Sg. Rajang akan diumumkan dan apakah perbezaan antara projek Bakun dan projek yang baru ini. Kalau projek Bakun ditolak disebabkan pertimbangan alam sekitar, penduduk-penduduk di kawasan terlibat, apakah perbezaan di antara kedua-dua projek ini.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, soalan asal ialah membina mini-hidro power di Sarawak dan tidak termasuk membina projek hydro-power di Bakun di Sarawak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya setuju. Batang Lupar.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, walaupun sesiapa yang mengatakan tak boleh bina hydro-power itu, saya sokonglah dibinakan hydro-power seberapa banyak yang boleh di negeri Sarawak.

Soalan tambahan. Oleh kerana keadaan di Sarawak itu tempatnya besar dan ada kemungkinan projek hidro walau bagaimana banyak pun sama ada "maxi" ataupun mini-hidro yang hendak dibinakan, mungkin tak dapat menyelesaikan masalah menjanakan kuasa di seluruh Sarawak terutama sekali di kawasan persisiran dan pedalaman. Adakah Kementerian bercadang selain daripada solar, yang dikatakan mahal, menggunakan kuasa angin di atas bukit atau di tepi laut?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana menyokong sekiranya

Kerajaan ada hasrat untuk membina projek-projek hidro di Sarawak. Pada masa kini di Malaysia kita menggunakan 3,800 mw kuasa dan rezab yang ada di Sarawak berjumlah 20,000 mw, tetapi sebenarnya ini soalan lain.

Berkenaan dengan kuasa angin seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, saya sendiri tidak ada butir-butir di hadapan saya di sini. Walau bagaimanapun, sekiranya perkara ini viable maka bolehlah kita membuat kajian di masa yang akan datang.

POLIS MARIN DI SABAH

13. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah beliau sedar bahawa Polis Marin adalah lebih diperlukan daripada Tentera untuk mengawas dan mengawal perairan pantai timur Sabah daripada serangan lanun dan juga kegiatan penyeludupan. Apakah perlu Kerajaan menghantar satu Batalion Tentera ke Sabah seperti yang diumumkan baru-baru ini.

Menteri Pertahanan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, secara prinsip, Dasar Pertahanan Negara telah membentangkan peranan, tugas dan tanggungjawab agensi-agensi yang terlibat dengan keselamatan. Arahan MKN, Akta ZEE, Seksyen 24 dan Seksyen 46/47 Akta Perikanan telah membentangkan satu garispanduan pemisahan tugas antara agensi-agensi terutama dari segi pengawalan pantai dan pertahanan dari serangan-serangan lanun selaras dengan Dasar Pertahanan Negara.

Schubungan dengan itu, mengikut suasana di Sabah, Polis DiRaja Malaysia adalah lebih berkesan dari pihak Tentera bagi menyelesaikan masalah ini. Namun Tentera Darat diberikan peranan tertentu mengikut Dasar Pertahanan Negara, dan ketiga-tiga Akta ini mengambil langkah preventif bagi mengelakkan sebarang kemungkinan dari merebak.

Langkah yang diambil terlebih dahulu diselesaikan bersama dengan Kementerian Dalam Negeri agar tindakan ini tidak bercanggah dengan Dasar Pertahanan Negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kaedah aturgerak ini tidak menyalahi dasar tersebut. Tentera Darat cuma diaturgerak di Pulau Persisiran gunanya sebagai deterrent, satu filosofi asas dalam Dasar Pertahanan Negara.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Pertahanan bercadang untuk menghantar lebih ramai lagi Polis Marin ataupun Tentera Laut DiRaja Malaysia untuk mengawasi dan mengawal perairan Timur Sabah serta membanteras kegiatan lanun-lanun yang kian bertambah pada ketika ini?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan sedang menimbang dengan seriusnya langkah-langkah tambahan yang boleh diambil untuk membanteras kegiatan lanun. Tugas utama akan diserahkan kepada pihak Polis, khususnya Polis Marin, iaitu sebuah badan di bawah kelolaan Kementerian Dalam Negeri.

Dari segi Kementerian Pertahanan, kita juga akan melibatkan dalam gerakan ini dengan menambahkan lagi penyeliaan-penyeliaan yang dapat dilakukan di sepanjang pantai Sabah.

BANTAHAN PUAN SEPIAH BINTI MAARIF

14. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada sedar bantahan Puan Sepiah bte Maarif yang tanahnya lot 1189 EMR 2233 di Bukit Perah, Batu Kikir, di Negeri Sembilan diambil kerana projek jalanraya Batu Kikir-Padang Lebar. Kalau ya, mengapa tidak ada budi bicara Kerajaan menyelesaikan kebimbangan Puan Sepiah.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting): Tuan Yang di-Pertua, Jalan Batu Kikir-Terentang, Daerah Jempol, Negeri Sembilan adalah jalan negeri. Projek menaiktaraf jalan tersebut dan perkara mengenai pengambilan balik tanah itu adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sembilan. Oleh sebab itu soalan ini lebih sesuai ditujukan kepada Kerajaan Negeri Sembilan.

Walau bagaimanapun, saya mengambil kesempatan ini untuk menjawabnya secara ringkas.

Tuan Yang di-Pertua, Lot 1189, EMR 2233 di Kampung Bukit Perah, Batu Kikir adalah terlibat dengan projek menaiktaraf jalan Batu Kikir-Terentang, Fasa 2, Daerah Jempol, Negeri Sembilan yang dijangka dimulakan pada akhir tahun ini. Dalam kes ini, rumah puan Sepiah binti Maarif terletak di tengah jalan projek yang berkenaan. Oleh yang demikian, tanahnya terpaksa diambilalih.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses pengambilan balik tanah itu telah dibuat dalam tahun 1990 dan Pejabat Tanah Jempol telah menaksirkan pampasan sebanyak \$12,102.40 bagi pengambilan balik tanah seluas 0.203 hektar serta kos memindahkan sebuah rumah kayu, kos pemindahan dan kos kesusahan kepada Puan Sepiah binti Maarif itu. Pemilik tanah tersebut tidak bersetuju dengan quantum bayaran pampasan tanah dan oleh yang demikian, kes ini telah pun dirujuk kepada Mahkamah untuk timbang-tara. Sekian.

Tuan Liew Ah Kim: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu menerangkan mengapa Pejabat Tanah di Jempol yang berkenaan tidak mengambil kira faktor apabila Puan Sepiah binti Maarif itu telah pun memberikan tanah untuk pembinaan sekolah di situ sebanyak satu atau dua kali? Mengapa

Pejabat Tanah itu tidak mengambil kira atas sumbangan yang diberi oleh pemilik yang berkenaan itu?

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi, perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sembilan. Sama ada Pegawai Daerah Jempol itu mengambil kira atau tidak, sepatutnya soalan ini ditujukan kepada Kerajaan Negeri Sembilan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Dr. V. David.

(Soalan No. 15 Y.B. Dr. V. David tidak hadir)

GAJI MINIMA BAGI PEKERJA

16. Tuan Saidin bin Adam minta Menteri Sumber Manusia menyatakan memandangkan Akta Pekerja kita tidak ada menetapkan gaji minima untuk pekerja-pekerja, maka apakah langkah-langkah dan usaha-usaha yang telah diambil oleh Kementerian Sumber Manusia untuk:

- (a) memastikan pihak majikan tidak membayar gaji minima kepada pekerja-pekerja mereka sesuka hati mereka; dan
- (b) supaya negara Malaysia tidak dilabelkan sebagai Negara Buruh Murah.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (a) Di bawah Akta Majlis Penetapan Gaji Tahun 1947, gaji minima ditetapkan bagi pekerja-pekerja di sektor perhidangan dan hotel, pekerja-pekerja yang bekerja sebagai pembantu-pembantu kedai, pekerja-pekerja wayang gambar dan pemunggah-pemunggah kapal dan pengendali-pengendali muatan di Pulau Pinang. Bagi

pekerja-pekerja yang berkesatuan, gaji dan syarat-syarat pekerjaan adalah mengikut perjanjian bersama yang dipersetujui oleh pihak majikan dan pihak kesatuan. Bagi pekerja tidak berkesatuan pula, gaji seseorang pekerja ditetapkan di antara pekerja perseorangan dan majikan berkenaan. Tanpa mengira apa cara jua gaji ditetapkan, pekerja-pekerja diberi perlindungan undang-undang bagi menentukan bahawa majikan-majikan tidak membayar gaji kurang daripada kadar yang dipersetujui atau ditetapkan.

- (b) Malaysia tidak lagi dianggap sebagai Negara Buruh Murah oleh pelabur-pelabur asing. Walau bagaimanapun, kos buruh di negara ini bolch dikatakan berpatutan dan masih rendah jika dibandingkan dengan kos buruh di negara-negara yang telah maju.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan fikir sama ada Akta 1947 itu telah lama diwujudkan dan tidak diubahsuai sehingga hari ini? Adakah ini satu langkah di mana Kerajaan telah cuai untuk mempertahankan kepentingan pekerja-pekerja?

Kedua, memandangkan kadar bayaran bagi pekerja-pekerja akan ditentukan oleh pihak majikan atas perjanjian di antara dua pihak, tidakkah Kerajaan menimbangkan mengadakan satu perjanjian am yang mana satu bayaran minima akan ditentukan oleh Kerajaan supaya penindasan-penindasan pekerja tidak akan wujud lagi.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan pertama, beberapa pindaan telahpun dibuat berkenaan dengan Akta Majlis Penetapan Gaji, 1947.

Menjawab soalan kedua, di negara kita, ada terdapat market forces yang menetapkan kadar gaji.

PEMBUANGAN SISA TOKSIK DARI KILANG

17. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman minta Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) jumlah kilang-kilang yang tidak mempunyai tempat pembuangan sisa toksik yang teratur di negara ini dan kuantiti sebenar sisa-sisa toksik di negara ini;
- (b) berapakah jumlah kilang-kilang yang telah diambil tindakan berhubung dengan pembuangan sisa-sisa toksik di dalam sungai-sungai yang digunakan sebagai tadahan dan bagi penapisan air seperti di Sungai Skudai, Johor; dan
- (c) hasil kajian terperinci yang telah dibuat oleh dua buah syarikat antarabangsa berhubung dengan penubuhan suatu kemudahan bagi pengolahan dan penyimpanan sisa-sisa toksik yang merbahaya yang telah diolah dan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian berhubung dengan perkara ini.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan (a), jumlah kilang-kilang yang tidak mempunyai tempat pembuangan sisa toksik yang teratur dan kuantiti sebenar sisa-sisa toksik di negara ini adalah lebih kurang 1,000 buah kilang yang dikenalpasti dan lebih kurang 400,000 meter padu setahun bahan tersebut.

Untuk menjawab soalan (b), belum ada mana-mana kilang dikenakan tindakan mahkamah kerana melepaskan buangan terjadual ke dalam sungai-sungai.

Bagi jawapan (c), kajian kesan-kesan alam sekitar yang terperinci bagi tapak kemudahan pengolahan dan pelupusan pembuangan terjadual oleh satu daripada dua syarikat yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu sedang dijalankan. Kerajaan akan menimbang dan membuat ketetapan mengenai tapak ini sebaik sahaja laporan kajian kesan-kesan alam sekitar ini siap dinilai dan diluluskan.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, tentang pusat pembuangan sisa-sisa yang dikaji oleh satu syarikat dari Norway itu, bolehkah pihak Kerajaan memberi satu jaminan bahawa laporan EIA yang sedang disediakan ini dijadikan satu dokumen umum dan direleasekan kepada orang ramai supaya sesiapa sahaja termasuk mereka yang duduk di sekitar kawasan tempat pembuangan ini, boleh memeriksa, mengkaji dan membuat bantahan jika mereka mahu. Adakah ia boleh direleasekan kepada orang ramai?

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, lebih 400,000 cubic meter sisa-sisa toksik yang dikeluarkan daripada lebih 1,000 kilang setiap tahun sekarang adalah disimpan dalam tong sahaja, sama ada di kilang sendiri atau di tempat yang lain. Maka apakah langkah sudah diambil oleh pihak Kerajaan untuk menjalankan spot-check supaya memastikan bahawa sisa-sisa toksik ini tidak bocor dan masuk ke sistem perairan misalnya sungai-sungai seperti yang sudah dilaporkan dalam satu kes di Kepong ataupun di Pantai Remis itu? Apakah langkah akan diambil supaya menentukan semua kilang baru perlu membuat rancangan kepada Kementerian berkenaan untuk mereka memasang kemudahan-kemudahan membersihkan sisa-sisa sebelum ia

dibuang supaya mengurangkan risiko yang terlibat untuk mengawal masalah pencemaran alam sekitar ini yang saya agak dalam tempoh lima sehingga sepuluh tahun akan dijadikan isu politik utama di negeri ini ekoran daripada rancangan perindustrian negara kita ini?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada sebarang syarikat dari Norway buat masa sekarang diberi peluang untuk membuat kajian EIA tentang mana-mana tapak yang ditetapkan untuk membina pusat pembuangan atau pusat pelupusan buangan terjadual.

Mengenai laporan kajian EIA ini, saya boleh jelas kepada Dewan yang mulia ini bahawa setiap kajian EIA yang dihantar kepada Jabatan Alam Sekitar adalah satu dokumen umum atau public document yang boleh diperiksa secara teliti di Jabatan Alam Sekitar. Oleh sebab itu, apabila kajian EIA ini telah siap dan diluluskan, Jabatan Alam Sekitar akan menyediakan dokumen ini supaya orang ramai dapat memeriksanya.

Bagi menjawab soalan kedua, tentang kilang-kilang baru yang dibina atau diluluskan, memang ada satu Jawatankuasa yang ditetapkan di mana setiap permohonan dari kilang itu adalah diperiksa dengan teliti di mana antaranya pegawai dari Jabatan Alam Sekitar akan memberi komen dan sebagainya tentang kesan-kesan alam sekitar. Oleh sebab itu, maka tidak ada masalah tentang syarat-syarat yang ditetapkan kepada pihak pengilang baru ini.

Saya sedar dan akui, untuk kilang-kilang yang lama bahan buangan terjadual ini yang disimpan oleh mereka ditapak kilang-kilang mereka sekarang, adalah menjadi satu perkara yang agak rumit sedikit oleh sebab tapak-tapak itu kadangkala ada sesak sedikit. Maka untuk pihak pengilang adalah nyata, kalau kita dapat menyediakan satu pusat untuk mereka menyimpan bahan-bahan

buangan terjadual ini, mereka akan sambut cadangan ini dengan baik. Tetapi sebelum ada pusat ini, maka mengikut Section 7 of the Environmental Quality (Schedule Waste) Regulations, dengan izin, mereka terpaksa menyediakan penstoran bagi menyimpan bahan-bahan pembuangan terjadual ini dengan cara yang baik dan selamat. Jabatan Alam Sekitar memang ada rancangan dan program untuk membuat spot-check atau seruan tentang perkara ini dan di mana ada sebarang kecuaiian tentang Section 7 ini, memanglah tindakan akan diambil terhadap pihak pengilang.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu mengapa Kerajaan selalu bertindak begitu lewat apabila didapati ada kebocoran atau pembuangan sisa-sisa toksik di merata-rata tempat yang didapati atau dapat dibaca dari suratkhbar, baru dia sedar. Mengapa tidak diambil tindakan sebelum ianya dibuang di merata-rata tempat?

Kedua, mengapa Kerajaan tidak mengambil langkah sebelum kilang-kilang ataupun sisa-sisa toksik itu dikeluarkan daripada kilangnya supaya dapat dikawal atau dapat dilindungi alam sekitar untuk kepentingan orang ramai. Mengapa tidak buat? Tiap-tiap kali, lewat-lewat. Apabila orang dapat penyakit, masuk hospital barulah minta laporan, minta kajian—itu terlewatlah, orang sudah mati. *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, jangan berucap ya. *(Ketawa)*

Tuan Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Ahli yang Berhormat dari Ipoh. Sebenarnya Kementerian saya memang sedar apa yang dilaporkan oleh surat-surat akhbar. Apa yang saya hendak jelaskan di sini ialah di dalam Lembah Kelang (Klang Valley) sahaja terdapat hampir 3,000 kilang-kilang yang boleh dianggap sebagai kilang haram

(backyard factories). Oleh sebab terdapat banyak kilang seperti ini maka ada rumit untuk mengikat kilang-kilang tersebut di bawah Environmental Quality (Scheduled Waste) Regulations yang saya sebutkan tadi. Kementerian saya tidak dapat sebarang maklumat tentang alamat dan sebagainya bagi kilang-kilang ini. Oleh sebab itu, maka ada rumit sedikit untuk pegawai-pegawai membuat rondaan dan sebagainya supaya kita dapat menangkap sesuatu pekilang itu bila mereka membuang bahan-bahan pembuangan terjadual ke sungai atau lain-lain tapak. Keadaan ini bukanlah tentang isu kerajinan pegawai-pegawai daripada Jabatan Alam Sekitar untuk mengawal situasi tersebut. Saya mengambil peluang ini untuk meminta Ahli-ahli Yang Berhormat dan orang ramai membantu Jabatan Alam Sekitar ini supaya membuat laporan tentang bahan-bahan pembuangan terjadual yang dibuang oleh pihak pekilang di mana-mana tapak dengan cara yang tidak mengikut peraturan atau undang-undang.

Soalan kedua, memang kita tidak dapat melaksanakan apa yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat tadi untuk menyekat keluaran bahan-bahan pembuangan terjadual sebelum ia dikeluarkan dari kilang-kilang. Ini kerana kita tidak ada mencukupi pegawai-pegawai untuk mengawal perkara ini. Cadangan Ahli Yang Berhormat memang tidak praktikal, dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat sekalian, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telahpun cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 6, 7, 15 dan 18 hingga 56 adalah diberi di bawah ini)

SEKOLAH BANTUAN MODAL SRJK(T) CONVENT SEREMBAN

1. Tuan Yin Chee Cheong minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) Bangunan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) Covent, Seremban telah diumumkan sebagai bangunan merbahaya, meminta Menteri menjelaskan sama ada bangunan baru akan didirikan untuk menggantikan sekolah tersebut; dan
- (b) sama ada Kementerian mengarahkan sekolah tersebut menerima murid-murid darjah satu pada tahun 1991, jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tidak makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) SRJK(T) Convent Seremban ialah sebuah Sekolah Bantuan Modal yang tiada bangunan sendiri, sekarang menumpang di bangunan SRK Convent di sebelah petang. Bangunan tersebut telah diisytiharkan tidak selamat oleh pihak Majlis Perbandaran Seremban. Murid-murid sekolah tersebut akan berpindah bersama dengan murid-murid SRK Convent apabila sekolah baru yang dibina dalam Rancangan Malaysia Kecnam akan menumpang di sekolah tersebut sebagaimana sekarang ini. Bangunan sekolah baru ini dijangka siap pada akhir tahun 1993.
- (b) Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan pada mulanya mengarahkan supaya sekolah tidak menerima kemasukan kanak-kanak ke Tahun 1 (1991/1992). Walau bagaimanapun, pihak Jabatan akan mempertimbangkan pengambilan untuk satu kelas Tahun 1 sebagaimana

pada tahun 1990/1991 yang lepas. Ini bertujuan mengurangkan kesesakan dan juga menjamin keselamatan murid-murid.

HARGA IMPORT BAHAN MAKANAN

6. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain minta Menteri Pertanian menyatakan berapakah jumlah harga pengimportan bahan-bahan makanan seperti beras, sayuran, ikan dan buah-buahan ke Malaysia. Jika jumlah tersebut tidak menguntungkan negara, apakah usaha-usaha bagi memperbaiki keadaan seperti menambah pengeluaran tempatan dan mengurangkan pengimportan.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Perangkaan awal tahun 1990 menunjukkan jumlah nilai import bahan-bahan makanan berikut ke Malaysia ialah; beras \$270.1 juta; sayuran \$366.9 juta; buah-buahan \$262.9 juta dan ikan \$368.2 juta. Malaysia masih mengimport bahan-bahan makanan tersebut walaupun dari segi pertukaran asing ianya tidak menguntungkan. Pengimportan ini perlu bagi menampung kekurangan bekalan tempatan dan juga kerana ianya tidak boleh dikeluarkan di negara ini disebabkan masalah agroklim dan tidak berdayamaju ekonomi.

Sungguhpun begitu, Kerajaan sentiasa mengambil berat dan berusaha mengatasi masalah tersebut menerusi dasar pengeluaran makanan bagi penggantian import. Untuk menjayakan dasar tersebut, berbagai usaha telah dan sedang dijalankan, di antaranya termasuklah:

- (i) menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur, kredit dan insentif bagi menggalakkan penglibatan petani dan sektor swasta dalam pengeluaran makanan;

- (ii) menggiatkan lagi penyelidikan bagi menghasilkan varieti benih yang lebih bermutu di samping pengurangan kos dan meningkatkan produktiviti;
- (iii) menggalakkan penggunaan bahan-bahan makanan tempatan menerusi pelbagai kempen.
- (iv) menggalakkan eksport dengan menyediakan pelbagai insentif bagi menambah nilai eksport bahan-bahan makanan tertentu yang boleh dikeluarkan di negara ini, untuk mewujudkan imbalan dagangan yang positif.

PERGOLAKAN DI MYANMAR

7. **Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah Malaysia dan ahli-ahli negara dari ASEAN setuju tentang apa yang terjadi di Myanmar, sekiranya tidak, apakah tindakan yang telah diadakan oleh Malaysia dan negara ASEAN untuk membantu negara Myanmar memulangkan demokrasi.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Malaysia menyedari bahawa pergolakan di Myanmar tidak disenangi oleh berbagai pihak termasuk rakyat Myanmar sendiri yang inginkan suatu Kerajaan yang mereka pilih sendiri.

Dalam hal ini, kita berharap pihak-pihak yang berkenaan di Myanmar akan dapat menyelesaikan masalah politik sesama sendiri dengan secara aman dan damai melalui perundingan. Ini adalah kerana kita yakin bahawa sebarang campurtangan dari luar, selain dari tidak disenangi, akan juga membawa kesan yang negatif. Selaras dengan ini, Malaysia sebagai anggota ASEAN tidak bercadang untuk mengambil apa-apa tindakan yang berkemungkinan akan

ditafsirkan sebagai campurtangan dalam hal ehwal dalam negara tersebut.

PUSAT KESIHATAN DI PUCHONG

15. **Dr V. David** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) memandangkan bilangan penduduk terus bertambah dan memandangkan Rumah Sakit Kumpulan Ladang di Batu 12, Puchong yang ditutup, bolehkah Kementerian menimbang serta melulus cadangan untuk menukarkan Pusat Kesihatan Batu 14, Puchong, menjadikannya sebuah Rumah Sakit; dan
- (b) adakah Kementerian berhasrat untuk membina sebuah Rumah Sakit, di Serdang, Selangor.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):

- (a) Pusat Kesihatan Batu 14 Puchong terletak 8 km dari Hospital Kinrara 15 km dari Hospital Universiti dan 20 km dari Hospital Besar Klang yang menyediakan perkhidmatan kepakaran. Ketiga-tiga hospital ini dapat dihubungi dengan jalanraya yang baik.

Adalah didapati bahawa hospital-hospital ini memadai untuk menampung keperluan rawatan bagi penduduk-penduduk di kawasan tersebut buat masa sekarang. Oleh yang demikian, Kementerian Kesihatan tidak bercadang untuk menaikkan taraf Pusat Kesihatan Batu 14 Puchong kepada sebuah hospital buat masa ini.

- (b) Dalam Rancangan Malaysia Keenam, Kementerian Kesihatan tidak ada cadangan untuk membina sebuah Hospital Daerah di Serdang. Keputusan ini

dibuat daripada hasil analisa situasi keperluan kesihatan bagi seluruh negara yang dibuat semasa menyediakan Rancangan Malaysia Keenam. Analisa, menunjukkan bahawa keutamaan untuk menyediakan sebuah hospital di kawasan ini rendah jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan lain terutama sekali kawasan-kawasan pendalaman yang didapati lebih berkurangan dari segi keadaan infrastruktur asas serta taraf sosio-ekonomi penduduk.

Kementerian Kesihatan akan mempertingkatkan semula keperluan perkhidmatan bagi kawasan ini mengikut keutamaan serta keupayaan sumber bagi Rancangan Malaysia Ketujuh.

TOXIC WASTE—BUANGAN

18. Tuan Haji Ishak bin Arshad minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) apakah beliau sedar terdapat kilang-kilang di negara ini membuang "toxic waste" ke sungai-sungai di negara ini;
- (b) sekiranya ya, sila nyatakan sungai dan syarikat di negara ini;
- (c) apakah tindakan Kementerian terhadap perkara tersebut.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui):

- (a) Saya sedar kemungkinan adanya kilang-kilang yang membuang buangan terjadual ke sungai-sungai di negara ini.
- (b) Sehingga kini belum ada kilang-kilang yang ditangkap sisa toksik ke dalam sungai.
- (c) Pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan mengambil tindakan wajar

terhadap mereka yang dikenalpasti melakukan kesalahan. Di samping itu, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar juga memberi bantuan teknikal khususnya kepada kilang-kilang kecil untuk menyelesaikan masalah yang mereka hadapi.

PEPERIKSAAN SPM— MEWAJIBKAN KELULUSAN BAHASA INGGERIS

19. Dato' Haji Mohamad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilakah Kerajaan akan melaksanakan syarat untuk mewajibkan kelulusan bahasa Inggeris di dalam peperiksaan SPM; dan
- (b) bagaimanakah rancangan Kerajaan untuk mengatasi kekurangan guru bahasa Inggeris khususnya di sekolah-sekolah luar bandar.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan yang sama atau hampir sama yang bersangkutan dengan isu mata-pelajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Kedah telah pun dijawab sekaligus pada 17hb Jun 1991. Oleh itu, tidak ada apa-apa tambahan yang ingin dinyatakan. Terima kasih.

ORANG-ORANG TERBIAR

20. Tuan Ahmad bin Nor minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) adakah Kementerian sedar dengan masalah "orang-orang terbiar" yang merayau di sekitar bandar Georgetown yang berkali-kali telah didedahkan oleh media massa tetapi tidak mendapat perhatian oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat; dan

- (b) sampai bilakah pihak Kementerian mahu terus buat tidak nampak sedangkan kewujudan orang-orang terbiar ini dapat dilihat siang dan malam oleh orang-orang tempatan dan pelancong-pelancong asing, dan bilakah boleh pihak Kementerian menempatkan semula tempat tinggal golongan yang daif ini semoga kehidupan mereka mendapat perlindungan yang sewajarnya.

Tuan Yong Khoon Seng:

- (a) Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sememangnya sedar bahawa terdapat orang-orang terbiar yang merayau di sekitar bandar besar termasuk Georgetown. Namun demikian, adalah tidak benar bahawa mereka tidak diberi perhatian oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, serbuan kerap dilaksanakan supaya mereka dapat diselamatkan dan diberi perlindungan dan pemulihan di Pusat Pemulihan Pengemis atau di Rumah Orang Tua. Pada tahun 1987 hingga 1990, sebanyak 92 serbuan telah dijalankan di Pulau Pinang.

**PERISYTIHARAN HAK ASASI
MANUSIA ANTARABANGSA**

21. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau bercadang untuk membentangkan Perisytiharan Hak Asasi Manusia Antarabangsa yang diluluskan oleh Bangsa-bangsa Bersatu pada 10hb Disember 1948 untuk dibahas dan diluluskan oleh Dewan Rakyat, dan jika tidak, mengapa.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Kerajaan tidak bercadang untuk membentangkan Perisytiharan Hak Asasi Manusia Antarabangsa untuk dibahaskan di Dewan ini. Hak Asasi Manusia di Malaysia adalah sentiasa terjamin. Oleh yang demikian, tidak perlu perkara itu dibentang dalam Dewan yang mulia ini.

**ANGKATAN TENTERA—
KERAHAN TENAGA**

22. Datin Ling Chooi Sieng minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan bercadang untuk mengerah (conscript) rakyat negara ini untuk menyertai angkatan tentera pada masa akan datang;
- (b) jika ya, nyatakan golongan (target group) yang mana pengerahan ini akan disasarkan; dan
- (c) jika ya, berikan sebab mengapa pengerahan ini akan dikenakan ke atas mereka.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Memandangkan saya telah memberi jawapan kepada soalan ini pada 22hb Julai 1991, (semalam) ketika menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari SibU. Oleh itu, saya tidak bercadang untuk mengulangi atau menambah apa-apa perkara yang berkaitan dengannya.

**PEKERJA CCB DAN
PENDEPOSIT—MENDAPATKAN
WANG SIMPANAN**

23. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kewangan menyatakan kedudukan:

- (a) Co-operative Central Bank (CCB), bilakah pekerja-pekerja CCB dan pendepositor-pendepositor boleh mendapat wang simpanan mereka;

- (b) 24 buah Koperasi Pengambil Deposit (KPD) yang dibekukan pada 8-8-86 sama ada kesemua 588,000 pendepositor telah mendapat 100% bayaran wang deposit mereka dan berapa banyakkah yang dibayar dengan ekuiti dalam Kewangan Usaha Makmur Bhd. serta mengapakah saham tersebut belum lagi disenaraikan dalam BSKL seperti yang dijanjikan oleh Bank Negara akan dilakukan dalam tahun 1990; dan
- (c) KPD-KPD MIC seperti KPD Belia Majujaya dan KPD Pelbagai Nesa dan skim bayaran yang dicadangkan serta sama ada tempoh bayaran boleh dikurangkan ke 2 tahun, kalau tidak mengapa.

**Timbalan Menteri Kewangan
(Tuan Abdul Ghani bin Othman):**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Pusat Kerjasama Berhad (CCB) telah diletakkan di bawah penerimaan (receivership) pada 7hb Mac 1989 menurut Peraturan-peraturan Perlu (Perlindungan Kepada Pendepositor) 1986. Sehingga kini, belum ada ketetapan mengenai tarikh sebenar bagi pihak pekerja-pekerja CCB dan pendepositor-pendepositor boleh mendapat balik wang simpanan mereka kerana perkara ini telah dibawa ke Mahkamah untuk mendapat penunjuk, (direction) mengenai pelaksanaan pembayaran kepada pihak-pihak yang berkenaan.
- (b) Pendepositor-pendepositor bagi 23 daripada 24 buah Koperasi Pengambilan Deposit (KPD) yang telah dibekukan dalam tahun 1986 telah menerima sepenuhnya pembayaran balik deposit mereka. Pembayaran

balik itu dibuat sama ada dalam bentuk tunai ataupun dalam bentuk gabungan tunai dan ekuiti, selaras dengan skim-skim penyelamat yang telah diluluskan.

Bagi pendepositor-pendepositor dalam sebuah KPD lagi, iaitu Koperasi Rakyat Berhad, yang mempunyai 39,328 pendepositor, mereka telah menerima 75% daripada bayaran balik deposit mereka dalam bentuk tunai. Baki bayaran balik sebanyak 25% lagi dijangka akan dibayar dalam bulan Disember 1991 selaras dengan Skim Penyelamat yang telah diluluskan. Berhubung dengan 12 KPD yang diambilalih oleh Syarikat Kewangan Usahasama Makmur Berhad (KUMB), pendepositor-pendepositornya telah dibayar secara tunai sebanyak \$393 juta dan bentuk saham yang bernilai \$315 juta. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini KUMB belum lagi memenuhi syarat-syarat untuk disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, bagi membolehkan para pendepositor KPD-KPD yang diambilalih oleh KUMB mendapat baki pembayaran balik dengan secepat mungkin, Kementerian Kewangan telah pun meluluskan cadangan supaya MBF Finance Berhad mengambilalih KUMB baru-baru ini. Melalui pelaksanaan cadangan tersebut, para pendepositor KPD yang kini merupakan pemegang-pemegang saham KUMB akan dapat menukarkan saham-saham KUMB mereka kepada tunai berasaskan ringgit-ke-ringgit.

- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, Bank Buruh (Malaysia) Berhad telah mengambil penyerahakan

mutlak deposit-deposit daripada pendeposit-pendeposit Syarikat Kerjasama Nesa Pelbagai Berhad dan Koperasi Belia Majujaya Berhad. Sebagai balasannya, Bank Buruh (M) Bhd. telah bersetuju untuk membuat pembayaran balik kepada pendeposit-pendeposit secara ansuran yang sama (equal instalments) dalam tempoh 5 tahun. Walau bagaimanapun, bagi deposit yang jumlahnya tidak melebihi \$500, pembayaran akan dibuat secara sekaligus (one lump sum).

Dalam menentukan skim pembayaran balik serta jangka-masa pembayaran akan dibuat Bank Buruh (Malaysia) Berhad telah mengambilalih beberapa faktor termasuk sumber dana penyelamat yang diperlukan supaya pendeposit bagi kedua-dua koperasi ini boleh mendapat balik sepenuhnya deposit mereka. Skim Penyelamat ini merupakan skim yang optima memandangkan faktor-faktor yang sedia ada pada masa itu.

PROJEK PERKILANGAN DI KELANTAN

24. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan bilangan kilangan yang ditutup di Kelantan sejak pilihanraya umum lalu dan bilangan pelabur yang bercadang menarik modalnya dari negeri itu. Jika ada, apakah sebabnya. Apakah kerjasama yang dapat diberikan kepada Kelantan bagi memajukan industri dan perdagangan di negeri ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng): Berasaskan rekod projek-projek perkilangan yang telah diluluskan di bawah Akta Penyelarasan

Perindustrian 1975, adalah didapati sebanyak 122 projek perkilangan telah diluluskan di negeri Kelantan di antara tahun 1980-1990 dengan jumlah cadangan modal pelaburan sebanyak \$501.06 juta. Daripada ini, sebanyak 14 projek terlibat pelaburan asing dengan jumlah cadangan modal pelaburan sebanyak \$196.3 juta. Pelaburan ini dalam industri tekstil, elektrik dan elektronik, makanan, kayu, barang-barang getah dan barang-barang bukan logam.

Mengikut rekod juga, tidak ada kilang yang tutup sejak Pilihanraya Umum lalu. Bilangan projek-projek dengan pelaburan asing juga tidak berubah selepas Pilihanraya Umum pada bulan Oktober, 1990.

Kerajaan tidak ada program yang khusus bagi membangunkan perindustrian dan perdagangan di setiap negeri. Tiap-tiap negeri mempunyai ciri-ciri tersendiri untuk menarik pelabur-pelabur. Namun demikian, sebagai langkah untuk menggalakkan pelabur-pelabur mendirikan projek-projek di negeri-negeri yang kurang menjadi tumpuan pelabur-pelabur di masa ini, perhatian akan diberi kepada aspek-aspek berikut:

- (a) Memperbaiki infrastruktur dan bekalan kemudahan di kawasan-kawasan tersebut supaya daya tarikan kawasan-kawasan ini kepada pelabur dapat dipertingkatkan.
- (b) Menggalakkan industri-industri spesifik bertempat di satu-satu kawasan berasaskan sumber-sumber semula jadi di kawasan tersebut.
- (c) Memastikan kerendah-kerendah pentadbiran tidak menjadi penghalang kepada pelabur-pelabur dengan menggalakkan

Kerajaan Negeri mengadakan Pusat-pusat Penyelarasan Pelaburan dan mengurangkan prosedur-prosedur bagi mendapatkan kelulusan penubuhan projek.

- (d) Menggalakkan Kerajaan-kerajaan Negeri mengadakan skim insentif sendiri bagi menarik pelaburan seperti mengurangkan kadar premium tanah. Menyediakan pusat latihan, mempercepatkan masa memproses penukaran syarat tanah dan sebagainya.

JAWATAN KOSONG DI KILANG ELEKTRONIK

25. Tuan Haji Mohamad bin Sabu minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan sedar bahawa kadar gaji yang terlalu rendah kini menyebabkan kurangnya sambutan terhadap jawatan-jawatan kosong di kilang-kilang elektronik di negara ini;
- (b) apakah dalam usaha untuk menarik pelaburan asing ke negara ini, Kerajaan menawarkan pekerja-pekerja murah kepada pelabur-pelabur asing dan menggubalkan Akta Buruh yang lebih menyebelahi kepentingan pelabur asing; dan
- (c) adakah Kerajaan sedar bahawa gaji yang terlalu rendah dan eksploitasi yang keterlaluan di pihak majikan menyebabkan pekerja-pekerja wanita terjebak dalam pencemaran akhlak.

Dato' M. Mahalingam:

- (a) Kerajaan tidak sedar dan tidak ada laporan yang diterima sehingga kini yang menyatakan

bahawa kadar gaji yang terlalu rendah menyebabkan kurangnya sambutan terhadap jawatan-jawatan kosong di kilang-kilang elektronik di negara ini. Sebaliknya, adalah diketahui umum bahawa kadar gaji yang ditawarkan oleh kilang-kilang elektronik adalah lebih baik jika dibandingkan dengan yang ditawarkan oleh kebanyakan industri lain. Di samping itu, kemudahan di tempat kerja seperti sistem hawa dingin, kemudahan pengangkutan dan berbagai insentif yang lain, menyebabkan lebih ramai yang memilih untuk bekerja di kilang-kilang elektronik daripada kilang-kilang lain.

- (b) Kerajaan tidak pernah menjanjikan penawaran tenaga kerja yang murah di negara ini kepada pelabur. Walau bagaimanapun, kos buruh di negara ini bolehlah dikatakan berpatutan dan masih rendah jika dibandingkan dengan kos buruh negara-negara yang telah maju. Sebenarnya, usaha Kerajaan bagi menarik pelaburan ke negara ini bukan lagi berasaskan kepada kos buruh, tetapi juga kepada aspek-aspek lain seperti kestabilan politik, kemudahan infrastruktur, tenaga kerja yang berpendidikan, berkemahiran, mudah dilatih serta berproduktiviti tinggi dan galakan-galakan pelaburan. Adalah tidak benar Kerajaan menggubal undang-undang buruh yang menyebelahi kepentingan pelabur asing. Undang-undang Buruh dan lain-lain undang-undang yang ada di negara ini adalah digubal bagi menjaga kepentingan kedua-dua belah pihak dan juga bagi memastikan bahawa hak-hak pekerja dipelihara dan di samping itu kepentingan para pelabur atau majikan tidak diabaikan.

- (c) Kerajaan tidak sedar dan tidak ada menerima laporan bahawa gaji yang rendah dan eksploitasi majikan menyebabkan pekerja-pekerja wanita terjebak dalam pencemaran akhlak. Sebaliknya, dan pada hakikatnya, dalam keadaan pasaran buruh yang ketat sekarang ini, kadar upah pekerja-pekerja pada keseluruhannya telah semakin meningkat dan dengan itu pendapatan mereka menjadi bertambah baik.

PEMBAHAGIAN SAHAM KEPADA BUMIPUTERA

26. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) bagaimanakah pembahagian saham-saham yang diperuntukkan kepada Bumiputera dalam syarikat-syarikat yang teguh seperti TEN dilaksanakan; dan
- (b) bagaimanakah bentuk kawalan yang dibuat oleh Kerajaan untuk memastikan pembahagian tersebut tidak terdedah kepada amalan pilih kasih dan perancangan kepentingan pihak-pihak tertentu.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menurut amalan sekarang, cara pembahagian saham kepada kaum bumiputera bagi saham-saham syarikat yang diapong dan disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur adalah dengan memberi keutamaan kepada institusi-institusi yang mempunyai kepentingan bumiputera seperti Permodalan Nasional Berhad, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Lembaga Urusan Tabung Haji, Yayasan-yayasan Negeri dan Syarikat-syarikat Bumiputera lain yang difikirkan wajar menerimanya. Di samping itu, bagi saham yang diperuntukkan kepada orang awam

melalui proses cabutan (balloting), jumlah sekurang-kurangnya 30% hendaklah dikhaskan kepada kaum bumiputera.

Cara-cara yang diamalkan ini adalah difikirkan mempunyai ciri-ciri kawalan dari segi menentukan pembahagian saham-saham ini dibuat secara adil dan saksama. Cara-cara pembahagian saham melalui institusi bumiputera menentukan lebih ramai bumiputera akan menikmati faedah-faedahnya serta memegangnya dalam tempoh jangka panjang.

KESELAMATAN LAPANGAN TERBANG DI MALAYSIA— KAJIAN

27. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apakah hasil kajian badan penyiasat yang dibentuk oleh Kementerian untuk mengkaji keselamatan lapangan terbang dan perjalanan udara berikutan peristiwa rampasan pesawat Singapore Airlines (SIA) oleh empat rakyat Pakistan pada 26hb Mac, 1991; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk memaklumkan sepenuhnya hasil kajian itu kepada umum.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:

- (a) Badan Menilai Semula Sistem Keselamatan Lapangan Terbang di seluruh Malaysia, yang telah ditubuhkan sedang melaksanakan tugasnya mengikut bidang rujukan yang ditetapkan. Badan tersebut pada masa ini masih dalam peringkat akhir penyediaan laporan.
- (b) Mengenai pertanyaan sama ada Kerajaan bercadang memaklumkan sepenuhnya laporan

Badan Menilai Semula Sistem Keselamatan Lapangan Terbang di seluruh Malaysia, suka saya memaklumkan bahawa ianya akan ditentukan selepas Kerajaan menerima laporan dan tindakan pentadbiran yang sesuai diambil.

PEJABAT PEMBANGUNAN PERSEKUTUAN DI KELANTAN

28. Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah justifikasi dari segi demokrasi bagi Kerajaan mengadakan Pejabat Pembangunan Persekutuan di negeri Kelantan;
- (b) apakah Pengarah Pembangunan Persekutuan dibenarkan memberi taklimat dan berdialog dengan semua wakil-wakil rakyat; dan
- (c) di bawah peruntukan undang-undang apakah ianya ditubuh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dato Wong See Wah:

- (a) Pejabat Pembangunan Persekutuan diwujudkan untuk mengawal rapi setiap peringkat perancangan, proses mengenal-pasti projek, pemilihan tapak projek, penentuan keutamaan projek serta pelaksanaan projek-projek pembangunan Persekutuan di Negeri Kelantan.

Di samping itu, penubuhan jabatan tersebut akan melicinkan proses pengesanan pelaksanaan pembangunan sejajar dengan peraturan Kerajaan Pusat

- (b) Tugas Pengarah Pembangunan Persekutuan yang utama ialah untuk memastikan projek Persekutuan di negeri Kelantan dilaksanakan secara sempurna

dan mencapai matlamat. Dalam konteks ini, beliau boleh menggunakan beberapa pendekatan yang munasabah semata-mata untuk menjamin pelaksanaan projek berkenaan berjalan secara lebih berkesan.

- (c) Penubuhan Jabatan ini tidak dirujuk kepada mana-mana perbekalan undang-undang tertentu, tetapi ianya adalah lebih merupakan keputusan pentadbiran dan dorongan untuk menyempurnakan tanggung-jawab Kerajaan Persekutuan dalam pembangunan negeri berkenaan khususnya bagi projek-projek pembangunan Persekutuan.

FELDA—HAKMILIK KEKAL PENEROKA

29. Tuan Haji Ibrahim bin Pateh Mohamed minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) bilakah hak milik kekal ke atas tanah akan diberikan kepada peneroka-peneroka FELDA di seluruh negara; dan
- (b) apakah benar FELDA akan diswastakan.

Tuan. Mohd Yasin bin Kamari:

- (a) Peneroka diberikan hakmilik tanah secara individu setelah mereka selesai menjelaskan Bayaran Memiliki Harta (BMH) dan lain-lain bayaran yang perlu kepada Kerajaan Negeri, bagi pembangunan kawasan ladang dan lot rumah mereka. Bayaran tersebut dijadual untuk dijelaskan oleh peneroka dalam jangkamasa 15 tahun dan mulai dikutip apabila ladang mencapai titik pulang modal bagi sawit dan apabila peneroka mula menoreh bagi getah. Jumlah peneroka di

seluruh negara adalah seramai 119,180 orang. Daripada sejumlah 25,773 peneroka yang telah selesai menjelaskan BMH seramai 12,895 telah menerima hakmilik.

- (b) Yang dirancang pada masa ini ialah supaya Perbadanan-perbadanan FELDA yang telah ditubuhkan di bawah Ordinan Kemajuan Tanah bagi memberikan perkhidmatan hilir kepada aktiviti utama FELDA dirasakan boleh diuruskan dan dijadikan sebagai syarikat-syarikat dan beroperasi sepenuhnya di bawah Akta Syarikat. Urusan menukarkan Perbadanan-perbadanan itu kepada syarikat sedang diuruskan.

LANTIKAN HAKIM DAN BILIK BICARA

30. Tuan Joseph Voon Shin Choi minta Menteri Kehakiman menyatakan sama ada bilangan bilik bicara dan bilangan perlantikan para hakim akan ditambah di Sabah untuk mempercepatkan lagi pemerosesan kes-kes yang terpaksa ditangguh oleh sebab kekurangan-kekurangan tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Kementerian sentiasa mengkaji berkenaan keperluan penambahan bilik bicara dan perjawatan untuk tiap-tiap negeri apabila diperlukan. Pengkajian ini bukan hanya dari segi kakitangan, malahan meningkatkan keselesaan mahkamah yang sedia ada.

Untuk makluman Yang Berhormat, empat buah bilik bicara Mahkamah Tinggi Sandakan telahpun siap diubahsuai dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam, projek bangunan tambahan untuk dua buah bilik bicara Mahkamah Tinggi dan tiga buah bilik bicara Mahkamah Sesyen akan dilaksanakan. Tender untuk menguruskan kerja-kerja ini telahpun ditutup pada 8hb Julai, 1991 dan ianya dijangka siap pada pertengahan tahun 1993. Manakala berkenaan perlantikan Hakim dan juga kakitangan sokongan, ianya akan dibuat selaras dengan bilik bicara yang sedia ada.

KESESAKAN LALULINTAS

31. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Kerja Raya menyatakan punca utama yang menimbulkan kesesakan lalulintas di bandar-bandar besar dan langkah-langkah telah, sedang dan akan diambil untuk mengatasinya.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, punca utama kesesakan lalulintas ialah disebabkan oleh pembangunan pesat di bandar-bandar besar dan ini seterusnya mengakibatkan berlakunya perkara-perkara berikut:

- (i) Peningkatan Bilangan Penduduk yang Tinggi—Pembangunan pesat telah menarik lebih ramai penduduk dari luar bandar berhijrah ke bandar-bandar untuk mencari pekerjaan serta menikmati kemudahan asas yang disediakan. Akibatnya, bilangan penduduk meningkat dengan cepat dan membawa kepada peningkatan di dalam permintaan termasuk untuk kemudahan pengangkutan.
- (ii) Peningkatan Dalam Pendapatan Penduduk di Bandar—Pertambahan dalam Keluaran Kasar Dalam Negara (GPN) khusus-

nya di bandar-bandar telah mengakibatkan peningkatan dalam bilangan pemilikan kenderaan.

Butir-butir berikut menunjukkan pertumbuhan dalam pemilikan kenderaan bagi beberapa bandar besar di antara 1985-1990 seperti berikut:

| Negeri | 1985 | 1990 | Peratus Kadar Pertumbuhan |
|----------------|---------|---------|------------------------------|
| P.Pinang | 399,356 | 546,313 | 6.3 |
| Perak | 525,089 | 629,307 | 3.5 |
| Johor | 636,722 | 814,319 | 4.8 |
| W. Persekutuan | 327,602 | 514,322 | 8.9 |

- (iii) Ketidacukupan Kemudahan Pengangkutan Awam—Oleh kerana bilangan penduduk bertambah dengan cepat di bandar-bandar besar, kemudahan pengangkutan awam telah tidak dapat menampung keperluan permintaan dari penduduk-penduduk bandar. Maka penduduk-penduduk terpaksa mencari jalan keluar dengan memiliki kenderaan sendiri.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi mengatasi masalah kesesakan di bandar-bandar besar, beberapa langkah telah, sedang dan akan diambil. Di antara langkah yang telah diambil ialah melaksanakan kajian pengangkutan bandar seperti kajian pengangkutan Lembah Kelang, Pulau Pinang, Kota Bharu, Ipoh, Muar, Pelan Induk Kuala Lumpur dan sebagainya. Sebahagian dari syor-syor dari kajian-kajian ini telahpun dilaksanakan seperti Skim Penyuraian Trafik (Traffic Dispersal Scheme) bagi Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.

Kajian serta projek yang sedang dilaksanakan melibatkan kajian pengangkutan bandar di bandar-bandar seperti Tawau dan sebagainya serta projek-projek yang sedang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Di samping kajian-kajian dan projek-projek yang telah dan sedang dijalankan seperti di atas, lebih banyak kajian dan projek pengangkutan bandar akan dijalankan di masa-masa akan datang termasuk lain-lain bandar yang dianggap perlu. Untuk Wilayah Lembah Kelang, beberapa projek pengangkutan awam seperti landasan keretapi berkembar, projek rel transit ringan, monorel dan sebagainya akan dipertimbangkan dan sebahagiannya sedang dilaksanakan oleh Kerajaan.

PELANCONG ASING MELAWAT MALAYSIA

32. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) bilangan pelancong asing yang melawat Malaysia dan jumlah pertukaran asing yang diperolehi dalam tahun 1990 serta sasaran bilangan dan jumlah pertukaran asing bagi tahun 1991; dan
- (b) jika ada langkah positif yang akan diambil oleh Kementerian untuk membantu menganjur dan membangunkan industri pelancongan di Sarawak.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Suliman):

- (a) Berdasarkan rekod daripada Jabatan Imigresen, Malaysia telah menerima seramai 7.4 juta pelancong pada tahun 1990, iaitu memperlihatkan pertambahan sebanyak 54.3% berbanding dengan tahun 1989. Dengan jumlah kedatangan tersebut, adalah dianggarkan bahawa ianya telah membawa hasil sebanyak \$4.47 billion, iaitu pertambahan sebanyak 59.6% berbanding dengan \$2.80 billion pada tahun 1989.

Kementerian saya telah menetapkan pertambahan sebanyak 10.0% dalam ketibaan pelancong sebagai sasaran bagi tahun 1991.

- (b) Kementerian ini memang mempunyai beberapa rancangan, khususnya di dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam untuk membantu negeri Sarawak untuk membangunkan industri pelancongannya. Antaranya ialah mempertingkatkan kemudahan-kemudahan pelancongan yang terdapat di Taman Negara Mulu, Bako, Niah dan Santubong. Sebenarnya, Kementerian bercadang untuk meningkatkan kemudahan-kemudahan infrastruktur bagi keseluruhan Taman-taman Negara Sarawak yang mengandungi gua-gua dan alam semula jadi yang menarik, merupakan satu tarikan yang utama bagi para pelancong untuk mengunjungi negeri Sarawak. Di samping itu, Kementerian ini juga memberi penekanan penting kepada negeri Sarawak di dalam usaha-usaha pemasaran dan penggalakkan pelancongan bagi membangunkan industri pelancongan di Sarawak.

INDUSTRI ELEKTRONIK— GALAKAN

33. **Puan Rohani binti Abd. Karim** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan berdasarkan kepada beberapa faktor seperti berikut iaitu berkurungnya sumber tenaga manusia di Semenanjung Malaysia khususnya untuk menampung industri elektronik yang berkembang; wujudnya zon Perdagangan Bebas yang pertama di Sarawak untuk menarik kemasukan industri elektronik yang merupakan industri baru/perintis yang digalakkan di Sarawak; yang perlunya para pelabur dalam industri elektronik

digalakkan menempatkan kilang mereka di Malaysia seperti di Sarawak dan tidak berpindah atau mencari lokasi lain di luar, ekoran daripada kekurangan tenaga buruh di Semenanjung Malaysia. Adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan insentif pelaburan tambahan atau istimewa untuk industri elektronik di Sarawak selain daripada insentif yang sedia ada untuk seluruh Malaysia. Jika ada, apakah insentif-insentif istimewa yang akan dicadangkan tersebut dan bilakah ianya boleh dikuatkuasakan. Jika tidak ada, apakah Kerajaan boleh mempertimbangkan perkara ini dengan sewajarnya demi untuk menarik kemasukan pelaburan asing dalam industri elektronik di Sarawak dan apakah langkah-langkah lain yang telah dan akan dibuat oleh Kerajaan supaya industri elektronik boleh tertarik untuk melabur di negeri seperti Sarawak.

Tuan Chua Jui Meng: Kerajaan tidak ada program penggalakan pelaburan yang khusus untuk tiap negeri. Dasar penggalakan pelaburan negara adalah untuk menggalakkan pelaburan di Malaysia. Kerajaan tidak memberi keutamaan kepada mana-mana negeri. Tiap-tiap negeri mempunyai ciri-cirinya tersendiri untuk menarik pelabur-pelabur. Oleh itu, terpujanglah kepada pelabur-pelabur untuk memilih di negeri mana mereka hendaklah mendirikan projek-projek mereka setelah mengambil kira ciri-ciri negeri tersebut dengan jenis projek mereka. Namun begitu, Kerajaan Negeri boleh berperanan mengenalpasti industri yang sesuai didirikan di negeri Sarawak dan menyediakan kemudahan-kemudahan yang diperlukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berbagai usaha telah diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan lebih banyak pelaburan ke negeri ini. Di antara usaha-usaha ini adalah untuk menyediakan galakan-galakan cukai

dan mengurangkan kerenah-kerenah birokratik berhubung dengan kelulusan dan pelaksanaan projek.

Di samping itu, Kerajaan juga menghantar misi-misi pengalakkan pelaburan keluar negeri dan Kerajaan-kerajaan Negeri juga dijemput ikut serta dalam misi-misi pengalakkan pelaburan ini.

Sebagai langkah untuk menggalakkan pelabur-pelabur mendirikan projek-projek di negeri-negeri yang kurang menjadi tumpuan pelabur-pelabur di masa ini, perhatian harus diberi kepada aspek-aspek berikut:

- (a) Memperbaiki infrastruktur dan bekalan kemudahan di kawasan-kawasan tersebut supaya daya tarikan kawasan-kawasan ini kepada pelabur dapat dipertingkatkan.
- (b) Menggalakkan industri-industri spesifik bertempat di satu-satu kawasan berasaskan sumber-sumber semula jadi di kawasan tersebut, misalnya industri berasaskan kayu dan pertanian di negeri Sarawak.
- (c) Memastikan kerenah-kerenah pentadbiran tidak menjadi penghalang kepada pelabur-pelabur dengan menggalakkan Kerajaan Negeri mengadakan Pusat-pusat Penyelarasan Pelaburan dan mengurangkan prosedur-prosedur bagi mendapat kelulusan penubuhan projek.
- (d) Menggalakkan Kerajaan-kerajaan Negeri mengadakan skim insentif sendiri bagi menarik pelaburan seperti mengurangkan kadar premium tanah, menyediakan pusat latihan, mempercepatkan masa memproses penukaran syarat tanah dan sebagainya.

WAWASAN 2020

34. Dr Kua Kia Soong minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) selaras dengan wawasan Perdana Menteri untuk mencipta sebuah masyarakat membangun pada 2020. Bilakah Kerajaan akan meratifikasikan International Covenant on Civil and Political Rights dan juga International Covenant on Cultural and Social Rights;
- (b) adakah Kerajaan Malaysia akan mencadangkan penubuhan ASEAN Human Rights Commission and Court sebagai satu cara yang bermakna untuk memupuk integrasi ASEAN; dan
- (c) adakah National Human Rights Society akan didaftarkan tidak lama lagi bukan hanya untuk menunjukkan Kerajaan menghormati hak asasi manusia, tetapi juga sebagai memperingati Tunku Abdul Rahman, yang menjadi salah seorang penaung Persatuan tersebut.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:

- (a) Pencapaian objektif-objektif wawasan 2020 tidaklah bergantung kepada ratifikasi 'International Covenant on Civil and Political Rights' dan 'International Covenant on Cultural and Social Rights'. Seperti rancangan-rancangan pembangunan yang lepas, yang telah berjaya memberi kesejahteraan ekonomi dan kestabilan politik untuk rakyat, Kerajaan yakin bahawa wawasan 2020 akan berjaya sama ada kedua-dua 'covenants' itu diratifikasikan atau tidak.

- (b) Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan 'ASEAN human Rights Commission and Court.'
- (c) Berhubung dengan soalan ini, adalah dimaklumkan bahawa Persatuan Kebangsaan Hak Asasi Manusia (HAKAM) (National Human Rights Society) telah didaftarkan pada 14hb Jun, 1991.

LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUCHING—MELUASKAN

35. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk terus melaksanakan projek mengembangkan Lapangan Terbang Antarabangsa Bandaraya Kuching, khususnya meningkatkan taraf "runway".

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Kerajaan telah mengkaji tentang keperluan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching yang sedia ada dan berpendapat kemudahan-kemudahan lapangan terbang ini termasuk landasan masih boleh memenuhi keperluan trafik buat beberapa tahun akan datang. Kementerian Pengangkutan hanya merancang untuk membesarkan bangunan terminal dan tapak memakir pesawat di mana peruntukan telah disediakan.

PEMBAZIRAN AIR

36. Tuan Ruhanie bin Ahmad minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) apakah benar laporan Jabatan Bekalan Air yang dikeluarkan baru-baru ini bahawa di antara Jun 1988 hingga Oktober 1989, 43% daripada jumlah air bersih dengan kos sebanyak \$106 juta telah terbuang ataupun dibazirkan akibat beberapa sebab tertentu; dan

- (b) apakah punca-punca utama pembaziran tersebut, apakah cara-cara untuk mengatasinya dan siapakah yang bertanggungjawab untuk memastikan pembaziran seperti ini tidak akan berulang lagi di masa-masa akan datang.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Jawapan pertanyaan Ahli Yang Berhormat telah pun diberikan di dalam Dewan yang mulia ini pada 10hb Julai, 1991 lalu.

GAGASAN EAEG

37. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian menyatakan:

- (a) sejauh manakah penerimaan negara-negara serantau terhadap Gagasan Kesatuan Ekonomi Asia Timur (EAEG) yang dicadangkan oleh Malaysia;
- (b) bagaimanakah sikap negara-negara maju terhadap cadangan ini seperti Amerika dan negara-negara dalam Kesatuan Eropah (EC);
- (c) apakah pencapaian terakhir berhubung dengan Gagasan ini; dan
- (d) apakah langkah-langkah yang ada untuk merealisasikan hasrat penubuhan ini dan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Malaysia sehingga tercapainya cita-cita penubuhan Gagasan Kesatuan Ekonomi Asia Timur (EAEG) ini.

Tuan Chua Jui Meng: Soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat ini adalah berkaitan dengan soalan yang telah dijawab bagi pihak Kementerian saya oleh Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dalam Dewan yang mulia

ini ketika dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada kawasan Kota Melaka pada 18hb Jun, 1991. Jawapan tersebut juga telah meliputi soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari kawasan lembah Pantai pada 17hb Jun, 1991, kawasan Kuala Kedah pada 17hb Jun, 1991 dan 18hb Jun, 1991, kawasan Klang pada 17hb Jun, kawasan Machang pada 19hb Jun, 1991, kawasan Arau pada 19hb Jun, 1991, kawasan Kepong pada 27hb Jun, 1991, kawasan Tumpat pada 10hb Julai, 1991, kawasan Sibul pada 18hb Julai, 1991 dan kawasan Seremban pada 22hb Julai, 1991. Oleh yang demikian, saya tiada apa-apa maklumat tambahan yang hendak disampaikan.

PASUKAN PETUGAS KHAS DI LABUAN

38. Tuan Fong Kui Lun minta Menteri Kewangan menyatakan apakah kriteria yang mendorong Kerajaan memutuskan bekas Menteri Kewangan, Datuk Paduka Daim Zainuddin mengetuai pasukan petugas khas bagi pembangunan infrastruktur Pulau Labuan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Jawapan berkaitan dengan perkara ini telah pun dibuat pada 18hb Jun, 1991 iaitu semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat daripada Kepong. Oleh itu, saya tidak bercadang untuk mengulangi jawapannya.

PEKERJA ASING DI SYARIKAT PELOMBONGAN/PEMBALAKAN

39. Tuan Billy Abit Joo minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada syarikat pembalakan dan perlombongan dibenarkan mengambil rakyat asing sebagai pekerja;
- (b) jika dibenarkan, apakah syarat-syarat yang dikenakan jika ada; dan

- (c) berapakah jumlah rakyat asing yang diambil bekerja kayu balak dan lombong di Bahagian Kapit dan apakah pekerjaan mereka dengan angka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):

- (a) Pekerja-pekerja asing ada dibenar bekerja di syarikat-syarikat perlombongan atau pembalakan di atas asas merit sesuatu kes.
- (b) Syarat-syarat yang dikenakan ke atas semua pekerja asing yang bekerja di negeri ini ialah:
 - (i) masuk ke sini secara teratur; iaitu mempunyai pasport yang sah;
 - (ii) memohon permit/pas kerja di Jabatan Imigresen;
 - (iii) mendapat kelulusan daripada pihak Jabatan Tenaga Rakyat.

- (c) Jumlah rakyat asing yang diambil bekerja di Bahagian Kapit di dalam sektor pembalakan dan perlombongan adalah seramai 838 orang. Pecahannya adalah seperti berikut:

| | | |
|-------------------|---|------------|
| Sektor Pembalakan | - | 837 orang. |
| Pengaruh Syarikat | - | 1 orang |
| Pekerja Mahir | - | 33 orang |
| Buruh | - | 803 orang |
| | | Jumlah: |
| | | 837 orang |

Sektor Perlombongan - 1 orang.
(Ahli Geologi)

Jumlah keseluruhan: 838 orang.

CHINA TOWN

40. Dato' Haji Mohd. Shariff bin Jajang minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan keputusan Kerajaan

terhadap rancangan MCA untuk mewujudkan Pusat Kebudayaan Cina atau China Town di dalam negara ini:

- (a) apakah kesan dan implikasi kepada perpaduan kaum; dan
- (b) apakah tindakan Kerajaan sekiranya MCA tetap berkeras untuk mewujudkan Pusat Kebudayaan tersebut.

Tuan Yong Khong Seng: Kerajaan belum lagi membuat apa-apa keputusan terhadap cadangan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat. Cadangan tersebut masih di dalam kajian dan pertimbangan Kerajaan.

PENDATANG TANPA IZIN DI SABAH

41. Tuan Philip Yong Chiew Lip minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan kepada kemasukan pendatang tanpa izin di negeri Sabah melalui perairan terlalu senang maka akan membuat usaha pendaftaran tersebut sia-sia sahaja. Adakah sebarang tindakan perondaan di perairan yang diambil oleh Kerajaan Pusat untuk menyekat kemasukan lebih ramai lagi pendatang tanpa izin ke negeri Sabah.

Tuan Ong Ka Ting: Pendapat Ahli Yang Berhormat dari kawasan Parlimen Gaya bahawa usaha pendaftaran yang dijalankan adalah sia-sia sahaja adalah tidak benar. Gerakan pendaftaran yang dijalankan oleh Pasukan Khas Persekutuan, Majlis Keselamatan Negara adalah merupakan sebahagian dari langkah yang telah diambil bagi menyelesaikan masalah pendatang luar negeri di Sabah dan Wilayah Persekutuan. Melalui pendaftaran ini, kita dapat mengetahui jumlah dan identiti pendatang luar negeri, memudahkan perancangan tindakan-tindakan pencegahan dan pengusiran dan seterusnya mengambil langkah-langkah ke arah penyelesaian masalah

pendatang luar negeri di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan secara menyeluruh dan berkesan.

Memandangkan keadaan geografi negeri Sabah yang panjang pantainya lebih kurang 1,500 km, adalah agak sukar untuk mengambil tindakan ke atas kemasukan pendatang tanpa izin ke negeri tersebut. Walau bagaimanapun, pihak penguatkuasa maritim, terutamanya TLDM, TUDM dan Polis Merin sentiasa menjalankan rondaan pencegahan untuk menghalang kemasukan pendatang luar negeri. Bagi jangkamasa Januari hingga Mei 1991 ini sahaja, pihak penguatkuasa maritim telah mengambil tindakan terhadap 140 bot dan seramai 1,303 pendatang luar negeri. Bot-bot dan semua pendatang yang dikesan di laut telah diperiksa dan diusir keluar dari perairan kita.

GOLONGAN TERMISKIN—KAJIAN

42. Tuan Jawah Anak Gerang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kajian terhadap golongan termiskin sudah dibuat dan dari kajian tersebut bilangan yang bolch dikatakan termiskin mengikut negeri di seluruh negara.

Tuan Douglas Unggah Embas:

- (a) beberapa kajian mengenai golongan termiskin telah dijalankan oleh berbagai pihak dari semasa ke semasa. Bolch dikatakan semua agensi Kerajaan yang terlibat dengan pembangunan pertanian dan luar bandar telah menjalankan kajian masing-masing dan mempunyai data-data tertentu mengenai golongan termiskin. Bagi tujuan mendapatkan maklumat di peringkat negara, Penyiasatan Pendapatan Isirumah yang dijalankan oleh Kerajaan telah dapat memberi maklumat-maklumat asas mengenai

golongan termiskin dari segi pendapatan dan anggaran bilangan isirumah termiskin.

- (b) berdasarkan Penyiasatan Pendapatan Isirumah 1989, setakat ini jumlah keluarga termiskin di seluruh negara ialah sebanyak kira-kira 143,100. Taburan mengikut negeri adalah seperti berikut:

**Anggaran Bilangan Isirumah
Termiskin Mengikut Negeri
1990**

| Negeri | Bilangan Isirumah Termiskin |
|---------------------------|-----------------------------|
| Johor | 7,166 |
| Kedah | 23,596 |
| Kelantan | 16,704 |
| Melaka | 4,108 |
| Negeri Sembilan | 3,012 |
| Pahang | 4,747 |
| Pulau Pinang | 4,610 |
| Perak | 20,036 |
| Perlis | 1,369 |
| Selangor | 5,203 |
| Terengganu | 15,335 |
| Wilayah Persekutuan (K.L) | 1,415 |
| Semenanjung Malaysia | 107,300 |
| Sabah | 24,700 |
| Sarawak | 11,100 |
| Malaysia | 143,100 |

- (c) memandangkan data-data ini merupakan anggaran-anggaran secara penyiasatan, adalah menjadi kebiasaan ianya perlu diubahsuai dan kemaskinkan dengan menggunakan maklumat-maklumat lanjut, khasnya yang berpunca dari agensi-agensi berkenaan dan juga pejabat-pejabat dcaerah. Selaras dengan hasrat inilah sebagaimana yang dinyatakan dalam RRP2, Kerajaan akan memperkemaskan lagi daftar khas golongan termiskin diseluruh negara dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam ini.

KILANG HARAM

43. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) perlukah pihak Kementerian mengambil tindakan segera dalam bentuk operasi bagi menghapuskan kilang-kilang haram di negara kita; dan
- (b) apakah kesan-kesan negatif yang mungkin timbul sekiranya tindakan seumpama itu diambil.

Tuan Chua Jui Meng: Soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat ini adalah berkaitan dengan soalan yang telah dijawab oleh saya pada 27hb Jun, 1991 ketika dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Maran. Jawapan tersebut juga telah meliputi soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari kawasan Larut pada 12hb Julai, 1991 dan kawasan Bagan pada 16hb Julai, 1991. Oleh yang demikian, saya tiada apa-apa maklumat tambahan yang hendak disampaikan.

MAJLIS TEMPATAN— PEMILIHAN AHLI

44. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada pilihanraya bagi memilih Ahli Majlis Tempatan termasuk Datuk Bandar DBKL akan diadakan semula, bagi memulihkan demokrasi. Kalau tidak, apakah alasan sebenar amalan demokrasi dibunuh pada peringkat Majlis Tempatan, Majlis Perbandaran dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa pemilihan Ahli Majlis secara lantikan oleh Pihakberkuasa Negeri telah diamalkan sekian lama dan adalah

didapati bahawa sistem perlantikan ini berjalan dengan baik tanpa menimbulkan masalah. Disamping itu, sistem perlantikan ini juga dapat memperlihatkan prestasi yang baik kepada Ahli-ahli Majlis berkenaan.

Di atas alasan-alasan di atas, Kementerian saya berpendapat bahawa sistem perlantikan bagi Ahli-ahli Majlis akan tetap diteruskan dan tidak ada cadangan untuk menukar sistem yang sedia ada.

LAPANGAN TERBANG MUKAH—MELUASKAN

45. Tuan Joseph Mauh Ak Ikeh minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kerajaan ada cadangan untuk meluaskan atau memperbaiki Lapangan Terbang dan Terminal di Mukah, Sarawak.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Di dalam Rancangan Malaysia Kelima, jumlah kira \$2.0 juta telahpun dibelanjakan untuk mempertingkatkan lapangan terbang Mukah. Di bawah projek peningkatan Lapangan Terbang Mukah, landasan terbang telah dipanjangkan dari 1,800 kaki kepada 3,600 kaki dan diturap (sealed) menjadi "all weather runway". Sebuah terminal baru juga telah dibina di bawah projek peningkatan ini. Buat masa ini, kerja-kerja peningkatan landasan dan pembinaan bangunan terminal adalah didapati mencukupi untuk memenuhi permintaan trafik di masa-masa yang akan datang.

MASYARAKAT PENYAYANG

46. Tuan G. Palanivel minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan dalam usaha menambahkan keberkesanan konsep kerajaan untuk mewujudkan masyarakat yang penyayang, adakah

pihak Kementerian Perusahaan Awam bercadang untuk menetapkan syarat-syarat sekurang-kurangnya supaya pengusaha Bas Ekspres mengurangkan bayaran kepada orang-orang yang sudah bersara atau "senior citizens", dan juga meminta supaya pengusaha bas dalam bandar memberikan tambang percuma kepada mereka.

Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Nor): Kementerian Perusahaan Awam sememangnya menyokong langkah Kerajaan untuk mewujudkan masyarakat yang penyayang. Elemen mewujudkan masyarakat penyayang dalam menetapkan kadar tambang bagi pengangkutan awam telah lama diambilkira kerana pada masa ini tambang untuk kanak-kanak 6 hingga 14 tahun adalah dikenakan setengah tambang apabila mereka menaiki perkhidmatan bas berhenti-henti atau bas ekspres. Cadangan Yang Berhormat untuk mengurangkan bayaran tambang kepada orang-orang yang sudah bersara atau "senior citizens" perlu diadakan kajian secara terperinci dan seterusnya mendapatkan pandangan daripada pihak-pihak lain yang berkaitan. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perusahaan Awam pada masa ini sedang menumpukan perhatiannya kepada usaha-usaha untuk mewujudkan perkhidmatan pengangkutan awam yang selesa, selamat dan berkesan.

GAGASAN EAEG—SAMBUTAN

47. Tuan Jason Wong Sing Nang minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) perkembangan kempen untuk menubuhkan EAEG (East Asia Economic Group); dan
- (b) bagaimana dengan sambutan dari negara lain di ASEAN.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:

- (a) Di dalam memperkenalkan inisiatif EAEG ini pada bulan Disember 1990 yang lalu, antara langkah-langkah awal yang telah kita ambil ialah dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri mengutus surat kepada Ketua-ketua Negara/Kerajaan ASEAN untuk memberitahu mereka mengenai inisiatif Malaysia tersebut. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah berpeluang untuk membincangkan inisiatif ini dengan Presiden Suharto semasa lawatan beliau ke Jakarta dan juga dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei semasa di Bali; dengan Perdana Menteri Singapura dan juga dengan Perdana Menteri Thai, iaitu semasa lawatan-lawatan rasmi pemimpin-pemimpin tersebut ke Malaysia.

Di samping itu, Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri telah juga berpeluang untuk membincangkan inisiatif tersebut dengan rakan-rakan sejawat mereka dari negara-negara ASEAN.

Sukacita saya maklumkan bahawa di Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan ASEAN di Kuala Lumpur pada 14hb-16hb Mei yang lalu, ASEAN telah membincangkan kertas kerja yang Malaysia sediakan mengenai EAEG ini. Mesyuarat tersebut telah memutuskan supaya dibentuk satu kumpulan kerja iaitu "Kumpulan Kerja ASEAN Mengenai EAEG (ASEAN Working Group on EAEG)" untuk mengkaji cadangan tersebut dengan lebih lanjut dan melaporkan

hasil-hasil kajian mereka kepada Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN ke 24 (24th AMM) yang diadakan baru-baru ini dan juga kepada Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN yang dijadualkan dalam bulan Oktober nanti.

Kumpulan Kerja ini dalam mesyuaratnya yang pertama pada 4hb-5hb Julai yang lalu di Kuala Lumpur telah membincangkan dengan mendalam mengenai rasional/konsep penubuhan EAEG dengan berpandukan kertas kerja yang disediakan oleh Malaysia.

- (b) Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN ke 24 yang telah bersidang dari 19hb-20hb Julai yang lalu telah membincangkan laporan yang disediakan oleh Kumpulan Kerja Mengenai EAEG. Dalam hal ini, Menteri-menteri ASEAN tersebut telah:
- (i) menyatakan rasa puas hati mereka terhadap kemajuan yang telah dicapai berhubung dengan kajian lanjut yang dibuat mengenai konsep EAEG ini;
 - (ii) bersetuju supaya cadangan tersebut dikaji secara lebih mendalam dan dimajukan lagi; dan
 - (iii) memutuskan bahawa mesyuarat-mesyuarat seterusnya diperlukan dan Mesyuarat Kedua Kumpulan Kerja ASEAN Mengenai EAEG ini diadakan di Singapura. Laporan mesyuarat tersebut akan dikemukakan kepada Menteri-menteri Luar dan Menteri-menteri Ekonomi ASEAN semasa mesyuarat mereka di

Kuala Lumpur pada
7hb-8hb Oktober, 1991
nanti.

TAHANAN ISA

48. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan orang-orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk sebab-sebab politik dan memberi butir-butir mengenai fakta tuduhan-tuduhan dan dakwaan-dakwaannya untuk penahanan-penahanan tersebut.

Tuan Ong Ka Ting: Saya ingin menjelaskan di sini bahawa tidak ada seorangpun yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN) 1960 atas sebab-sebab politik. Sungguhpun ada di antara orang-orang tahanan yang mungkin menjadi anggota mana-mana parti politik, penahanan mereka adalah semata-mata kerana kegiatan mereka yang menimbulkan mudarat kepada keselamatan negara dan mengganggu-gugat ketenteraman awam. Ini adalah selaras dengan kuasa-kuasa yang diberi di bawah undang-undang berkenaan di mana seseorang itu boleh ditahan dengan tujuan untuk mencegahnya dari bertindak dengan cara yang mendatangkan mudarat kepada:

- (a) keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya; atau
- (b) senggaraan perkhidmatan-perkhidmatan perlu (essential services); atau
- (c) kehidupan ekonomi.

PEKERJA ASING—AGENSI DIBENARKAN

49. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah lesen untuk membawa masuk pekerja-pekerja luar negeri yang telah dikeluarkan

oleh Kementerian sehingga bulan April, 1991;

- (b) berapakah jumlah syarikat yang memegang lesen ini yang telah beroperasi dan berapakah jumlah pekerja-pekerja luar negeri yang bekerja di negara ini dengan cara yang sah; dan
- (c) apakah punca-punca yang menyebabkan pekerja-pekerja asing memasuki negara ini tanpa menggunakan saluran-saluran yang sah untuk bekerja di negara ini.

Tuan Ong Ka Ting:

- (a) Sehingga bulan April 1991, jumlah agensi yang telah diberikan kebenaran untuk membawa masuk pekerja-pekerja asing ialah sebanyak 22 buah.
- (b) Daripada jumlah ini, sebanyak 19 agensi sahaja yang sedang beroperasi. Setakat ini jumlah pekerja asing yang telah dibawa masuk ke negara ini adalah seramai 24,613 orang.
- (c) Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan ramai pekerja-pekerja asing memasuki negara ini tanpa mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Di antaranya ialah perbatasan Wilayah di negara ini adalah begitu panjang dan sukar untuk mengawal semua pelusuk-pelusuk kemasukan. Lagipun ada di antara mereka yang familiar dengan keadaan di daerah-daerah perbatasan dan mempunyai pertalian keluarga.

Selain daripada itu, terdapat juga sebilangan majikan di negara ini yang mengambil mereka ini kerana kesukaran untuk mendapatkan pekerja-pekerja tempatan dan terdorong oleh faktor kos pekerja asing yang rendah.

KAPALSELAM—PEMBELIAN

50. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah perkembangan mengenai rancangan Kerajaan untuk membeli kapalselam dari Britain. Adakah benar Kerajaan menghadapi masalah berhubung dengan pembelian kapalselam tersebut.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Britain telah mengemukakan tawaran penjualan sebuah kapalselam terpakai melalui Memorandum Persefahaman Malaysia/Britain. Walau bagaimanapun, pekej yang ditawarkan tidak memenuhi keperluan TLDM dan ianya digantikan dengan kapal permukaan jenis Korvet.

Britain seterusnya mengemukakan semula pekej tawaran yang setanding dengan negara lain yang turut mengemukakan tawaran penjualan kapalselam. Kesemua pekej tawaran penjualan sedang dinilai.

Setakat ini tiada masalah khusus yang dihadapi kecuali pihak Britain perlu bersaing dengan tawaran-tawaran dari negara seperti Jerman, Belanda, Sweden dan Perancis apabila keperluan pembelian dibuat.

SKIM RUMAH MURAH

51. Tuan Harrison Ngau Laing minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) mengapa program membuat Skim Rumah Murah tidak dilaksanakan di Marudi dan Long Lama; dan
- (b) mengapa Skim Rumah Murah ini juga tidak dilaksanakan di kampung-kampung pendalaman di mana ia diperlukan oleh ramai penduduk-penduduk tempatan.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Keputusan mengadakan Skim Rumah Murah di bawah program Perumahan Awam Kos Rendah adalah dibuat oleh Kerajaan Negeri. Oleh itu, saya mencadangkan Yang Berhormat memajukan soalan ini atau Yang Berhormat membuat cadangan kepada Kerajaan Negeri Sarawak.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedar bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri mengambil kira faktor dalam membuat pertimbangan sama ada sesuatu Skim Rumah Murah itu sesuai diadakan atau tidak.

HOSPITAL BARU DI SUNGAI PETANI

52. Tuan Che Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah Kerajaan berhasrat untuk membina sebuah hospital baru yang lebih lengkap dan canggih di Sungai Petani bagi menggantikan hospital lama, selaras dengan tahap perkembangan serta pesepatan bandar Sungai Petani itu sendiri.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Kementerian Kesihatan tidak bercadang untuk membina sebuah hospital baru di Sungai Petani bagi menggantikan hospital lama. Bagaimanapun, Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah untuk memperingkatkan kemudahan-kemudahan di hospital sedia ada supaya perkhidmatan yang diberi selaras dengan kehendak penduduk tempatan. Misalnya satu blok wad 4-tingkat sedang dalam peringkat pembinaan dan dijangka akan siap sebelum akhir tahun ini. Di samping itu, pada masa ini kajian pelan induk Hospital Daerah Sungai Petani sedang dilaksanakan dan kerja-kerja pembinaan untuk Fasa 1 pembangunan semula berdasarkan pada pelan induk yang disediakan itu akan dimulakan pada tahun 1993.

**UNIVERSITI TEMPATAN—
PROGRAM PENYELIDIKAN**

53. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Universiti-universiti tempatan akan merancang program khas untuk kajian, penyelidikan serta pengajaran budaya, cara hidup, sejarah dan ciri-ciri antropologi kaum bumiputera bukan Melayu di negeri Sabah dan Sarawak seperti Kadazan, Iban, Bidayuh dan sebagainya.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sesuatu program Penyelidikan dan Pembangunan yang dirancang untuk dilaksanakan di institusi pengajian tinggi tempatan adalah berdasarkan kepada keperluan akademik sesuatu bidang dan hasil dari penyelidikan tersebut dapat digunakan bukan sahaja oleh mereka yang menjalankan penyelidikan tersebut bahkan juga masyarakat umum.

Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, peruntukan akan diberikan bagi institusi-institusi pengajian tinggi tempatan menjalankan program Penyelidikan dan Pembangunan dalam bidang Sains Sosial. Peruntukan berkenaan termasuk kajian mengenai kumpulan etnik bumiputera di Sabah dan Sarawak.

Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, peruntukan sebanyak \$6.68 juta disediakan bagi institusi pengajian tinggi tempatan menjalankan program Penyelidikan dan Pembangunan dalam bidang Sains Sosial. Daripada peruntukan berkenaan, terdapat beberapa kajian mengenai kumpulan etnik bumiputera di Sabah dan Sarawak yang telah pun mendapat peruntukan. Antara kajian yang akan dijalankan ialah oleh Universiti Pertanian Malaysia (UPM) mengenai kumpulan etnik di daerah Belaga, Sarawak.

TAMBANG PENERBANGAN

54. Dr V. David minta Pengangkutan menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar tentang jurang perbezaan antara tambang kapalterbang dari Kuala Lumpur ke destinasi-destinasi di Asia dalam mana tambang ke destinasi-destinasi di Eropah adalah lebih murah;
- (b) adakah Menteri sedar bahawa perjalanan kapalterbang dari Kuala Lumpur ke Perth di Australia adalah lebih murah daripada perjalanan kapalterbang ke Colombo, Madras atau Bombay, walaupun Perth adalah lebih jauh dan mengambil masa penerbangan lima jam dan Madras adalah berhampiran dan mengambil masa penerbangan lebih kurang tiga jam sahaja; dan
- (c) adakah Kementerian Pengangkutan ingin menimbang dengan teliti kadar tambang Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) selaras dengan penyusunan semula operasi MAS dan menentukan bahawa tambang MAS adalah lebih realistik kepada jauhnya sesuatu perjalanan kapalterbang dari Kuala Lumpur.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Saya ingin menggabungkan jawapan bagi soalan (a) dan (b) sepertimana berikut:

- (a) & (b) Tambang-tambang penerbangan bagi sektor-sektor antarabangsa termasuk di antara Kuala Lumpur dan destinasi-destinasi di Asia dan Eropah, serta ke Perth, Colombo, Madras dan Bombay adalah ditetapkan dengan berasaskan kepada kadar-kadar tambang yang disyorkan oleh IATA (International Air

Transport Association) ataupun disyorkan oleh syarikat-syarikat penerbangan secara bilateral, dengan mendapat persetujuan daripada negara masing-masing. Tambang ini adalah merupakan kadar tambang rasmi ataupun "official or published fares, yang mana memerlukan kelulusan Kerajaan masing-masing.

Adalah tidak benar bahawa tambang-tambang rasmi dari Kuala Lumpur ke Eropah, lebih murah berbanding dari tambang-tambang rasmi ke Asia. Ahli Yang Berhormat tidak menyebutkan secara spesifik sektor-sektor di Eropah di mana beliau mendapati tambang-tambang adalah lebih murah dari tambang-tambang di Asia. Walau bagaimanapun, sebagai satu perbandingan umum, tambang ekonomi rasmi sehala dari Kuala Lumpur ke London ialah sebanyak \$3,988; sementara ke Amsterdam, Brussels, Frankfurt dan Paris ialah \$3,757. Perlu dijelaskan bahawa tambang ekonomi rasmi sehala dari Kuala Lumpur ke Hongkong ialah \$949, ke Tokyo ialah \$1,891, ke Jakarta ialah \$493 dan Manila ialah \$807. Dari perbandingan ini adalah jelas bahawa tambang-tambang rasmi ke Eropah adalah lebih tinggi dari tambang-tambang rasmi ke Asia.

Ahli Yang Berhormat juga menyatakan bahawa tambang dari Kuala Lumpur ke Perth adalah lebih murah dari tambang-tambang ke Colombo, Madras dan Bombay walaupun Perth adalah lebih jauh. Satu perbandingan tambang-tambang ke destinasi-destinasi ini menunjukkan bahawa ini adalah tidak benar. Tambang ekonomi rasmi sehala dari Kuala Lumpur ke

Perth ialah \$2,101, sementara ke Colombo ialah \$1,079, ke Madras ialah \$1,187 dan ke Bombay ialah \$1,477.

- (c) Ingin saya menyatakan bahawa kadar-kadar tambang yang disyorkan oleh IATA ataupun syarikat-syarikat penerbangan, biasanya ditetapkan dengan mengambilkira berbagai faktor termasuk jarak jauh. Dalam hal ini, tambang-tambang MAS sememangnya ditetapkan selaras, di antara lainnya, dengan jarak jauh sesuatu destinasi dari Kuala Lumpur.

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA—KONTRAK PEMBINAAN

55. Dr Sanusi bin Daeng Mariok minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) benarkah kontrak pembinaan Kampus Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di Gombak diserahkan kepada suami Puan Margerat Thatcher. Jika benar, apakah tawaran itu dibuat atas sebab-sebab dagang atau demi diplomasi;
- (b) jika tidak benar, syarikat manakah yang diberi tawaran membinanya; dan
- (c) apakah kriteria yang diambil dalam meluluskan tender tersebut.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek kampus Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di Gombak masih lagi pada peringkat perundingan. Oleh itu, kriteria tender dan kontrak pembinaan kampus berkenaan belum lagi dibuat dan ditawarkan kepada mana-mana kontraktor.

**PROJEK KECIL DI BUKIT
MERTAJAM**

56. Tuan Chian Heng Kai minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah belanja bagi projek-projek kecil bagi Kawasan Parlimen Bukit Mertajam dalam tahun 1989 dan 1990 mengikut pecahan tahun; dan
- (b) bolehkah Ahli Parlimen Kawasan Bukit Mertajam memperolehi senarai projek-projek kecil itu. Jika ya, dapat daripada siapa; jika tidak, mengapa.

Dato Wong See Wah:

- (a) Jumlah perbelanjaan bagi projek-projek kecil yang dimaksudkan mengikut tahun adalah seperti berikut:

| Tahun | Perbelanjaan | Bil. Projek |
|-------|--------------|-------------|
| 1989 | \$308,186.91 | 62 |
| 1990 | \$499,845.32 | 98 |

- (b) Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam bolehlah membuat semakan senarai projek-projek tersebut di Pejabat Daerah Seberang Prai Tengah.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN TAMBAHAN
(1990 DAN 1991)**

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

**ANGGARAN PEMBANGUNAN
(TAMBAHAN) (BIL. 3) 1990**

DAN

**ANGGARAN PEMBANGUNAN
(TAMBAHAN) (BIL. 1) 1991**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan

yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1990 dan 1991) dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$3,873,100,550 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan:

- (1) bagi tahun kewangan 1990, untuk menampung sejumlah \$191,369,110 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1990 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 1991 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua-belas penyata tersebut; dan

- (2) bagi tahun kewangan 1991, untuk menampung sejumlah \$3,681,731,440 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang-ruang pertama Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1991 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 6 Tahun 1991 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua-belas penyata tersebut." (22hb Julai, 1991)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Pasir Mas diminta sambung.

3.34 *ptg.*

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyambung ucapan perbahasan saya semalam mengenai dengan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1990 dan 1991) dan usul yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga merujuk kepada Program Pertanian di mana di dalam Butiran 01500, mukasurat 16, Kertas Perintah 6A diperlukan sebanyak \$20,325,000. Di sini saya ingin menganjur dan mencadangkan terutamanya Taman Pertanian, iaitu Taman Pertanian Bukit Cerakah yang sekarang ini sudah menjadi satu tempat tumpuan yang sudahpun mendapat nama yang kita kira satu kejayaan bagi pihak Kementerian Pertanian, terutamanya membentuk satu taman yang boleh menjadi tarikan pelancong. Maka saya berpendapat sudah sampai masanya Taman Pertanian Bukit Cerakah ini ditadbirkan oleh satu perbadanan atau satu lembaga walaupun saiznya tidak besar tetapi supaya ia dapat terus dimajukan dengan lebih terperinci lagi supaya ianya menjadi taman yang mendapat nama di seluruh dunia nanti, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara Perbendaharaan – P.28 dalam Butiran 02300 Perwaja Terengganu diperlukan \$400,000,000 untuk projek 'rolling mill'. Di sini saya hanya ingin membuat sedikit komen dan pandangan mengenai dengan Perwaja Terengganu yang kita tahu sedikit masa dahulu sememangnya menghadapi kerugian yang besar dan sekarang sudahpun dibaikpulih di bawah pengurusan yang baru dan harapan kita ialah Perwaja Terengganu dapat meningkatkan prestasi yang sewajarnya sesuai dengan pelaburan yang telah

dibuat dan objektif Perwaja Terengganu ini ditubuhkan. Oleh itu, saya ingin bertanya pihak Kementerian Kewangan nanti untuk penjelasan, iaitu kerugian yang dialami oleh Perwaja dahulu apakah ianya didapati kembali dari segi keuntungannya berasaskan kepada prestasi yang ada sekarang? Dengan publisiti yang dibuat sekarang ini bahawa Perwaja Terengganu sudahpun dibaikpulih dari segi prestasinya sehinggalah cara penyelesaiannya nanti yang saya dengar khabar ialah melalui public listing iaitu hendak disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur.

Kalau inilah caranya, saya berpendapat ianya tidak bijak kerana seolah-olah kita sebagaimana yang disebut, dengan izin, passing the buck to the public. Maknanya, kita menycerahkan tanggungan yang rugi selama ini kepada orang ramai untuk membeli saham. Perwaja Terengganu wajar disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur nanti apabila mencapai prestasi yang baik sesudah pengurusan yang ada sekarang dapat membuktikan bahawa segala hutang, segala kerugian yang dialami selama ini dapat dipungut kembali dan barulah ianya disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur untuk dibeli oleh rakyat yang berminat dalam pemilikan saham.

Perkara yang kedua mengenai dengan Perbendaharaan, Tuan Yang di-Pertua, ada dua isu yang saya ingin bangkitkan di bawah Perbendaharaan ini, iaitu di bawah B.28 dan B.29, iaitu ada dua perkara bersabit dengan amalan sekarang mengenai dengan sistem tender pukal. Yang kita tahu mengikut penyelidikan daripada Laporan Ketua Audit Negara dan kajian daripada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, kita dapati sistem tender pukal dahulu yang kita harap boleh merendahkan lagi harga apabila Kerajaan memerlu atau mengeluarkan sesuatu tender terutamanya dalam perkara-perkara yang berbentuk supply yang diperlukan oleh Jabatan Kerajaan. Dengan cara

sistem pukal diharap harganya lebih murah kerana dibeli secara borong ataupun dalam bentuk pukal, tetapi yang kita dapati ada juga sistem yang diamalkan sekarang ini dari segi tender harganya lebih mahal daripada amalan dahulu. Saya boleh beri satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, dalam Laporan Ketua Audit Negara salah satu contohnya ialah diwaktu tender propeller shaft yang harga \$1,981 seunit dalam kontrak, manakala di pasaran luar ialah \$480 sahaja.

Seperti mana juga workshop Perskutuan, JKR membuktikan harga dari segi alat ganti berjumlah \$7,738.00 di luar kontrak berbanding dengan harga \$20,761.00 dalam kontrak pusat. Ini salah satu contoh. Oleh itu, saya ingin menyarankan tanpa menyebut lain-lain contoh lagi, yang banyak diperkatakan dalam Laporan Audit supaya sistem tender pukal ini dikaji semula supaya ianya menepati dengan matlamat. Kalau sistem tender pukal itu untuk betul-betul menguntungkan Kerajaan, maka harga yang ditawarkan dalam kontrak pusat mestilah sama dengan harga di luar pasaran luar ataupun sekurang-kurangnya lebih rendah daripada pasaran yang di luar kalau dikira dari segi sistem tender pukal. Kalau tidak, ianya tidak bermakna dan boleh kita mengesyaki—saya tidak buat tuduhan, tetapi kita boleh mengesyaki—ada permainan yang tidak sihat jika harga itu berbeza sekali kalau kita lihat tender-tender sebelum ini dan pihak Kementerian Kewangan mesti memberi perhatian serius supaya audit pada tahun-tahun akan datang tidak lagi kita ketemui perbezaan harga seperti yang kita lihat sekarang ini.

Perkara yang kedua bersabit dengan franchise holder. Saya juga ingin memaklumkan di sini, bahawa syarikat-syarikat bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan sebagai pembekal banyak memegang franchise holder daripada syarikat-syarikat luar, tetapi sudah mula ada permainan yang

tidak sihat. Saya difahamkan di mana syarikat-syarikat principal ini sesudah mereka melantik golongan bumiputera dan dapat memperkenalkan ataupun dapat satu tawaran, tetapi selepas itu mereka sudah mempunyai hubungan dan cuba hendak menidakkan franchise holder yang terawal, iaitu cuba potong jalan. Ini pernah juga berlaku.

Saya tidak bercadang hendak beri contoh, tetapi saya percaya Kementerian Kewangan memahami apa yang saya bangkitkan ini supaya mengawasi principal holder ataupun syarikat-syarikat luar yang melantik bumiputera sebagai agen supaya jangan separuh jalan mereka ini menekan dan cuba mengeneipkan kepentingan bumiputera sesudah mereka dapat bertapak dalam negara ini, sesudah mereka dapat berhubung secara terus dengan pegawai-pegawai di Kementerian-kementerian di negara ini supaya mereka tidak dianiyai sesudah mereka membuat pelaburan dalam usaha memperkenalkan franchise yang mereka pegang sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya ingin menyentuh Perusahaan Awam—P. 33, ini juga sekadar untuk memenuhi kewajipan dan tanggungjawab kita. Sekali lagi saya hendak merujuk masalah lesen kenderaan, yang baru-baru ini mengenai dengan sikap atau tindakan yang dibuat oleh pemilik-pemilik teksi Saujana. Walaupun jawapan telah diberi waktu saya bertanya di Dewan yang mulia ini melalui soalan tambahan, tetapi saya yakin bahawasanya perkara ini perlulah dibangkitkan sekali lagi supaya mendapat jawapan yang tegas daripada pihak Lembaga Perlesenan Kementerian Perusahaan Awam mengenai dengan komitmen Syarikat Saujana kepada pemandu-pemandu teksi. Baru-baru ini mereka telah berkumpul di hadapan kawasan Dewan Rakyat ini, di luar kawasan Dewan Rakyat baru-baru ini dan juga ada keluar dalam akhbar tentang sikap tidak puas

hati mereka bagaimana mereka ini dianiyai dan diindas oleh pemegang permit-permit iaitu Syarikat Saujana yang kita maksudkan ini. 200 permit teksi yang diberi kepada Syarikat Saujana ini dan Memorandum yang telah dihantarkan kepada Kementerian Perusahaan Awam dan juga saya mempunyai salinannya, Tuan Yang di-Pertua, nyata sekali bahawa Syarikat Saujana tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Lembaga Perlesenan ini.

Saya ingin menyarankan supaya Kementerian tidak berdolak-dalik lagi dalam membela mereka yang tertindas, dalam memenuhi tanggungjawab kita dalam konteks masyarakat penyayang. Sudah tidak patut lagi kita memberi alasan ataupun bertolak ansur dengan permainan yang dibuat oleh pemegang permit Syarikat Saujana ini. Saya ingin menganjurkan jika mereka tidak memenuhi janji mereka sebagaimana syarat yang ditetapkan dari segi pemilikan saham, sewa dan sebagainya, Lembaga Perlesenan berkewajipan menarik semula 200 permit teksi yang diberi kepada Syarikat Saujana ini. Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak, pihak Kementerian mestilah memperjelaskan dengan sejelas-jelasnya bagaimana mereka tidak boleh memainkan peranan dari segi menentukan supaya mereka ini diberi pembelaan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang keempat yang saya hendak bangkitkan di sini—Kementerian Kerja Raya, iaitu Jalanraya dan Jambatan, mukasurat 45, P.52, hanya sekadar pandangan saya dan cadangan saya iaitu sekarang ini kita membina banyak jalan-jalan raya, jambatan dan sebagainya, tetapi satu perkara yang mungkin terlupa ataupun mungkin disedari iaitu pertama, kita lihat sesudah jalanraya ini dibuat, terutamanya di kawasan-kawasan yang melewati kawasan luar bandar ataupun di bandar sekali pun, jarang ada street lights (lampu jalan)—tidak ada.

Di Kuala Lumpur ya, melebihi lampu, di setengah-setengah bandar melebihi lampu, tetapi kalau kita pergi ke luar bandar, walaupun jalan itu jalan JKR, tetapi tidak ada lampu. Kalau kita pergi ke Kedah, kita pergi ke Terengganu, Kelantan, mana-mana negeri ini dan lihat walaupun ada lebuhraya, but there is no street lights, dengan izin. Jadi, saya hendak minta supaya Kementerian Kerja Raya dengan kerjasama Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos walaupun LLN ataupun Tenaga Nasional (TEN) akan diswastakan, tetapi pembinaan lebuhraya mesti seiring dengan keperluan kehendak street lights, ataupun pembinaan lampu di jalan-jalan raya ini, sekurang-kurangnya kalau tidak ada 10 depa satu tiang lampu pun tidak apalah, sekurang-kurangnya ada satu kilometer satu lampu pun sekurang-kurangnya ada juga lampu bagi kemudahan pengguna-pengguna jalanraya. Kalau kereta rosak, berlaku apa-apa kecemasan ada tempat, ada lampu daripada dalam gelap walaupun lebuhraya itu dibina dengan harga beratus juta ringgit. TEN yang akan menjadi syarikat swasta nanti, yang akan diswastakan nanti, yang kita tahu ini adalah merupakan monopoli membuat keuntungan yang begitu besar.

Saya ingin menyarankan supaya menjadi kewajipan mereka dari segi sumbangan percuma, sekurang-kurangnya membina street lights ini supaya negara kita ini diterangi sekurang-kurangnya di tempat-tempat yang gelap yang saya maksudkan tadi, terutamanya di lebuhraya ini ataupun di jalan-jalan yang bertaraf jalan JKR. Kalau tidak, apa guna ada lebuhraya, pada waktu malam tak nampak, macam dalam hutan belantara.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh soal Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri—Penyelidikan Pasaran Luar Negeri. Ini ada kaitan sedikit, Tuan Yang di-Pertua, dengan wakil kita di luar

negeri—Trade Commissioners, dengan izin. Pernah dibangkitkan dahulu dalam Dewan yang mulia ini, saya hendak tahu prestasi Trade Commissioners ini dan saya ingin menyarankan sudah sampai masanya Kerajaan mempertimbangkan melantik Trade Commissioners ini dari kalangan orang-orang yang ada pengalaman dari segi perniagaan, sebab saya dapati, ini bukan tuduhan, ada juga Trade Commissioners ini macam Duta-duta. Adalah kerja lebih kurangnya di pejabat luar negeri yang hendak promote perniagaan kita ini, dan lebih banyak habis masa di Lapangan Terbang tunggu tetamu-tetamu datang, siapa datang daripada Malaysia, tetapi tugas untuk menjual negara kita dari segi perdagangan sejauh mana berkesan dan bukan mereka ini tidak membuat apa-apa sumbangan selama ini, tetapi prestasi mereka patut dan sewajarnya ditingkatkan.

Saya harap Kementerian Perdagangan menyemak semula prestasi setiap Trade Commissioners kita di seluruh dunia yang ada sekarang ini supaya ianya benar-benar cekap dan sesuai dengan perbelanjaan kita membuka pejabat di luar negeri. Kalau ada Trade Commissioners, kita pula terpaksa hantar rombongan pergi cari pelabur, apa gunanya? Cukup kita ada dengan wakil duta kita melalui Kementerian Luar Negeri. Tidak payah lagi Trade Commissioners, kecuali peranan mereka dapat dimaksimumkan untuk kebaikan negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya saya ingin menyentuh mengenai dengan Kementerian Pendidikan iaitu P.26, bersabit dengan soal peningkatan Bahasa Malaysia kita sebagai bahasa rasmi negara dan peranan ini ialah Pusat Pembangunan Kurikulum di antara lain boleh memberi sumbangan \$400,000 peruntukan—mukasurat 27. Di samping itu juga, untuk meningkatkan bahasa Inggeris. Saya ingin membangkitkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa

tidak boleh tidur nyenyak kalau saya tidak menyentuh iaitu kenyataan ataupun ucapan yang dibuat oleh Ahli Parlimen dari Segamat—jiran saya di sini—mengenai dengan cadangan beliau, oleh kerana ada kesedaran pentingnya bahasa Inggeris—orang bercakap soal bahasa Inggeris, kita pun hendak bercakap soal bahasa Inggeris sehingga tersasul bercakap meminta bahasa Inggeris supaya dijadikan bahasa rasmi negara.

Ia sudah menjadi isu politik sekarang ini dan sudah ada pihak-pihak berkenaan yang sememangnya wajar mereka mengambil tindakan demikian, kerana cadangan seumpama itu menyentuh soal Akta Hasutan. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi tidak boleh dipersoalkan lagi, sememangnya dilindungi oleh undang-undang dan jika menyentuh, ianya bertentangan dengan Akta Hasutan walaupun dalam Dewan yang mulia ini. Tetapi cadangan telah dibuat, laporan Polis telah dibuat oleh pihak-pihak berkenaan, saya baca dalam akhbar dan saya ingin menyarankan supaya Ahli Parlimen dari Segamat ini supaya menarik balik kenyataannya dalam Dewan yang mulia ini sebagai satu pembetulan, jika tidak, saya cukup kesal dan beliau bertanggungjawab atas kenyataan tersebut. Ini soal prinsip, Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak, dia boleh menimbulkan macam-macam tafsiran.

Saya difahamkan kenyataan ini dibuat mungkin kerana pemilihan di dalam MIC sekarang ini. Soal kedudukan bahasa, soal kedudukan agama, soal kedudukan hak istimewa orang-orang Melayu, perkara-perkara yang sudah dilindungi oleh undang-undang, jangan sekali-kali dipergunakan sebagai isu dalam mana-mana parti politik. Ianya merupakan satu perkara hasutan yang tidak boleh disentuh sama sekali. Dan jika disentuh, mereka ini mesti bertanggungjawab. Jangan pula selepas ini, baru hendak membuat pembetulan sesudah adanya pemilihan

dalam MIC. Ini soal prinsip, soal conscience kita dalam mempertahankan perkara-perkara yang ada kena-mengena dengan kepentingan negara.

Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya baca dalam akhbar bahawa Presiden MIC sendiri ada membuat kenyataan bahawa tidak lama lagi Ahli Parlimen dari Segamat akan dilantik sebagai Setiausaha Parlimen. Saya hendak meminta dan merayu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya menimbang semula cadangan ini sehingga Ahli Parlimen dari Segamat membuat kenyataan terbuka dan menarik balik mengenai kenyataan yang kita anggap sensitif ini. Kerana apabila seseorang wakil dilantik dalam Kerajaan, dalam Kabinet, mereka mewakili imej Kerajaan, mewakili imej negara, mewakili dasar yang dibawa oleh kepimpinan Kerajaan yang ada pada hari ini. Dengan sebab itu, perkara-perkara seperti ini mesti kita tegur, Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya, saya ingin merujuk kepada Kertas Perintah 6A. Secara keseluruhan di sini, Tuan Yang di-Pertua, mukasurat 3—Ekonomi, Perdagangan dan Perindustrian menerima 18.6%. Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar—17%. Manakala diperingkat sosial pula, Pembangunan Masyarakat dan Kampong—1.8%. Perkhidmatan Kebajikan Masyarakat—0.7% dalam peruntukan atau perbelanjaan Tambahan Pembangunan tahun 1991. Saya kira ini kecil. Kalau kita berasaskan kepada Dasar Pembangunan Nasional yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menuju ke arah Wawasan 2020 terutamanya dalam bidang pertanian dan pembangunan luar bandar, sekurang-kurangnya dia mesti sama peruntukan. Kalau ada tambahan pada masa akan datang, sama dengan perdagangan dan perindustrian terutama dalam bidang pertanian dan pembangunan luar bandar.

Samalah juga dengan pembangunan masyarakat kampong dan perkhidmatan kebajikan masyarakat 0.7% yang dikatakan masyarakat penyayang. Ini tidak cukup. Saya sokong seberapa banyak tetapi tidaklah membazir—tetapi sekurang-kurangnya ianya benar-benar mencerminkan masyarakat penyayang yang hendak dilahirkan oleh pimpinan negara sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan di sini, sebagai rumusan, kewajipan saya sebagai Ahli Dewan yang mulia ini, perkara yang penting sentiasa saya bangkit atau pertahankan ialah pembelaan kepada golongan yang dhaif atau masyarakat luar bandar. Bagi saya inilah agenda kerana saya mewakili golongan masyarakat luar bandar. Saya mewakili orang-orang Melayu yang masih miskin di luar bandar, yang tertindas dan yang memerlukan kepada pembelaan dan sebagainya.

Maka oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk seperti program membantu golongan termiskin. Tambahan sebanyak \$10,473,600 dikehendaki untuk membiayai berbagai projek golongan termiskin dalam Rancangan Malaysia Keenam seperti makanan kanak-kanak termiskin di Tadika, menyediakan buku-buku perpustakaan, projek makan dan pemakanan dan pemulihan sikap warga termiskin. Ini dalam Rancangan Malaysia Keenam. Ini tidak cukup. Saya percaya peruntukan ini perlu ditambah, kerana kita tahu golongan termiskin dalam negara kita ini dari segi keadaan sebenarnya masih ramai lagi, masih berselerak di seluruh negara. Maka saya juga berharap program dan aktiviti yang bukan sahaja tertumpu seperti yang dijelaskan dalam Kertas Perintah 6A mukasurat 53 ini sahaja, di bawah Butiran 03200 tetapi juga ditambah lagi kegiatan-kegiatan lain. Mesti dikenalpasti lain-lain program yang kita kira boleh membantu golongan termiskin ini.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga rancangan pemulihan kampung sebanyak \$5,900,000 dalam Rancangan Malaysia Keenam pun tidak cukup untuk pemulihan kampung. Yang kita lihat kampung-kampung di luar bandar kalau kita kata hendak membaikpulih sungguh di kampung-kampung atau hendak memajukan semula di kampung-kampung yang kita lihat di luar bandar sekarang ini. Sebab selama ini kita sedang menekan kepada pembangunan dalam kawasan sekitar bandar, baik dari segi jalan, baik dari segi jambat, baik dari segi kemudahan-kemudahan infrastruktur lain tetapi biarlah peruntukan tambahan untuk projek-projek luar bandar biarlah sesuai dengan apa yang kita belanja di bandar, barulah seimbang dari segi pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak mengizinkan dan saya tahu bahawa perbincangan ini hanya sehari sahaja, saya tidak mahu mengambil masa pihak-pihak lain untuk sama-sama turut memberi pandangan. Saya rasa saya sudah menjangkakan kewajipan saya dengan bertanggungjawab dan tidak mahu menggunakan masa yang tidak tentu arah, mempermainkan Dewan yang mulia ini seperti dilakukan oleh setengah-setengah Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak Pembangunan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Tanjong.

3.56 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, dihadapan kita adalah empat set Anggaran Perbelanjaan Tambahan untuk 1990 dan 1991, dan sebenarnya Anggaran untuk Pembangunan Tambahan tahun 1991 satu anggaran yang besar. Mungkin selepas kelulusan Rancangan Malaysia Keenam dan oleh kerana itu sangat mustahak, saya rasa bahawa kita perlu memastikan bahawa kita ada satu Perkhidmatan Awam yang begitu cekap,

boleh bertindak supaya semua rancangan-rancangan yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini boleh dilaksanakan dengan sempurna.

Di sini saya mahu khasnya oleh kerana untuk menentukan bahawa kita ada satu Perkhidmatan Awam yang cekap, yang competence, satu pra-syarat ialah bahawa hak-hak kakitangan-kakitangan Perkhidmatan Awam dihormati khasnya oleh pihak atasan dan semua masalah-masalah, sungutan-sungutan mereka mengenai syarat-syarat dan gaji mereka patutlah dilayani oleh pihak Kerajaan.

Di sini saya menyentuh secara khas atau spesifiknya mengenai satu masalah yang selamanya sudah berlanjutan selama tiga tahun iaitu tentang penyerapan pegawai-pegawai Perkhidmatan Tadbir Am kepada Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik untuk menyatukan dan menyusun semula Perkhidmatan Awam, masalah ini belum diselesaikan dengan memuaskan. Walaupun dengan penubuhan sebuah Jawatankuasa Khas yang diketuai oleh bekas Ketua Pengarah Pendidikan, Tan Sri Murad Mohd Noor pada awal tahun lalu, tetapi sungguhpun begitu dalam dua tiga tahun ini masalah belum diatasi.

Saya difahami bahawa Kerajaan telah mengambil keputusan untuk meneruskan penyerapan pegawai-pegawai PTA ke dalam PTD yang telah gagal untuk mengambil kira aduan-aduan dan ketidakpuasan pegawai-pegawai PTA sebagaimana yang dikemukakan oleh Persatuan Pegawai-pegawai PTA (PERTAM). Saya menggesa Kerajaan supaya menghormati dengan sepenuhnya hak-hak dan kepentingan-kepentingan pegawai-pegawai PTA dalam pelaksanaan untuk menyatu dan menyusun semula Perkhidmatan Awam kerana satu Perkhidmatan Awam yang tidak berpuas hati, tidak dapat mempertingkatkan sama ada kecekapan Kerajaan atau

memenuhi hasrat rakyat yang semakin meningkat. Bantahan terbesar pegawai-pegawai PTA ialah bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam melayani PTA sebagai surbordinate kepada PTD dan bahawa di dalam penerapan dan penyatuan, kesemua pegawai PTA akan menghadapi kerugian dari segi kekananan, prospek naik pangkat dan peluang-peluang kemajuan kerjanya.

PERTAM telah menyatakan bahawa tiada kemajuan daripada perbincangan-perbincangan yang diadakan di antara PTD dan JPA ke atas pelaksanaan penerapan kerana PTD dan JPA enggan menyetujui dan bertolak-ansur mengenai permintaan-permintaan PTA. Jika masalah PTA dan PTD ini tidak diselesaikan dengan memuaskan, mutu perkhidmatan awam akan terjejas di bawah Rancangan Malaysia Keenam, begitu juga dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua.

PERTAM telah mengemukakan satu kes yang kukuh untuk pegawai-pegawai PTA. Walaupun niat Kerajaan mengadakan rancangan penyusunan semula sektor perkhidmatan pentadbiran ini adalah baik, pelaksanaan yang dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam amatlah dikesali kerana syarat-syarat yang dikenakan kepada pegawai-pegawai PTA adalah menekan dan keterlaluan. Bagi sebilangan besar pegawai PTA, mereka berpendapat bahawa tawaran yang dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam bukan sahaja tidak bermakna, malahan pada hakikatnya bukan merupakan satu pilihan. Sama ada mereka menerima atau menolak tawaran opsyen ini, implikasinya kepada pegawai PTA adalah berat dan mereka akan tetap mengalami kerugian dari berbagai sudut. Kerugian-kerugian yang akan dialami oleh pegawai-pegawai PTA ialah seperti berikut:

- (1) kehilangan kekananan dan kelayakan untuk kenaikan pangkat. Contohnya, PTA

Tingkatan Tertinggi G (A10). Bagi pegawai PTA Tingkatan Tertinggi G, kekananan mereka di dalam perkhidmatan PTD akan ditentukan oleh pihak berkuasa yang melantik mereka akan kehilangan perkhidmatan di antara 4 - 6 tahun dalam Tingkatan Tertinggi G dan juga kelayakan untuk kenaikan pangkat ke jawatan yang lebih tinggi. Walaupun mereka dalam peringkat jawatan yang sama dengan PTD Tingkatan Tertinggi G - A10 dan memikul tugas dan tanggungjawab yang sama, pengalaman mereka sejak mula dinaikkan pangkat ke jawatan tersebut tidak terus diiktirafkan. Malah kebolehan mereka diragui sehingga dikehendaki menghadiri kursus persediaan yang dikhaskan untuk PTD Tingkatan Kanan yang akan memangku Tingkatan Tertinggi G.

Contoh PTA Tingkatan Kanan (A12):

- (i) bagi pegawai PTA Tingkatan Kanan (A12), mereka akan ditukarkan ke PTD Tingkatan Biasa (A19). Tarikh ke kananan mereka dalam perkhidmatan PTD pula akan bermula dari tarikh pertukaran perkhidmatan mereka ke PTD Tingkatan Biasa. Mereka akan kehilangan perkhidmatan di antara 2 - 14 tahun dalam Tingkatan Kanan dan juga kelayakan untuk kenaikan pangkat ke Tingkatan Tertinggi G (A10);
- (ii) pada masa ini PTA Tingkatan Kanan menjalankan tugas dan tanggungjawab yang lebih daripada pegawai PTD Tingkatan Biasa. Meletakkan pegawai PTA Tingkatan Kanan dalam susunan kekananan yang bukan sahaja rendah dari PTD Tingkatan Kanan malahan ke bawah lagi daripada PTD

Tingkatan Biasa adalah merupakan satu penganiayaan. Jabatan Perkhidmatan Awam memandang rendah terhadap pegawai PTA Tingkatan Kanan. Bagi Jabatan Perkhidmatan Awam, pengalaman pegawai PTA Tingkatan Kanan yang bertahun-tahun menjalankan tugas dan tanggungjawab jawatan yang lebih tinggi daripada PTD Tingkatan Biasa tidak mempunyai apa-apa nilai untuk diambilkira;

- (iii) meletakkan kekananan pegawai PTA Tingkatan Kanan di bawah PTD Tingkatan Biasa juga bererti Jabatan Perkhidmatan Awam menyamakan kedudukan pegawai PTA Tingkatan Kanan dengan PTA Tingkatan Biasa, kerana pegawai PTA Tingkatan Biasa juga akan diletakkan di bawah dari pegawai PTD Tingkatan Biasa. Seterusnya, baik PTA Tingkatan Kanan atau PTA Tingkatan Biasa, kedua-duanya telah dianggap sebagai pegawai PTD baru berkhidmat seperti graduan yang baru dilantik dalam perkhidmatan Kerajaan.

Contohnya PTA Tingkatan Biasa (A22):

- (i) kepada pegawai PTA Tingkatan Biasa, pihak Jabatan Perkhidmatan Awam menjelaskan bahawa mereka dikenakan syarat iaitu mempunyai perkhidmatan dalam PTA selama 5 tahun sebagai ganti kepada kekurangan kelayakan masuk bagi perlantikan biasa perkhidmatan PTD. Walaupun demikian, hanya 5 tahun sahaja dari pengalaman PTA Tingkatan Biasa telah diambilkira;

- (ii) pada masa ini terdapat ramai di kalangan PTA Tingkatan Biasa yang telah berkhidmat lebih daripada 10 tahun dalam perkhidmatan PTA dan ada yang telah berkhidmat selama 17 tahun. Dengan mengambilkira hanya sebahagian sahaja daripada tempoh perkhidmatan itu, mereka akan kehilangan baki tempoh perkhidmatan di antara 5-12 tahun dan seterusnya hilang kelayakan untuk kenaikan pangkat ke Tingkatan Kanan A12.

- (iii) PTA adalah dalam perkhidmatan gunasama dan dalam tempoh tersebut sebahagian besar daripada mereka telah bertukar beberapa kali ke jabatan yang berlainan dan telah berpengalaman menjalankan tugas-tugas yang berbeza. Dalam proses tersebut, bukan sahaja pengetahuan mereka telah bertambah tetapi kemahiran bekerja juga telah meningkat. Ini merupakan satu aset bagi pentadbiran dan ianya tidak harus diketepikan.

Contoh kerugian-kerugian kedua ialah penurunan pangkat. Penurunan pangkat hanya melibatkan pegawai PTA Tingkatan Kanan (A12) di mana mereka yang mempersetujui untuk menerima opsyen akan meninggalkan jawatan Tingkatan Kanan yang disandang dan diturunkan ke jawatan PTD Tingkatan Biasa (A19). Contohnya:

- (1) mengikut tawaran opsyen Jabatan Perkhidmatan Am, kedudukan kekananan pegawai PTA Tingkatan Kanan yang menerima untuk memasuki perkhidmatan PTD akan diletakkan di bawah pegawai PTD Tingkatan Biasa yang ada. Penentuan ini bukan sahaja jelas merupakan satu tindakan penurunan pangkat, tetapi bagi

pegawai PTA Tingkatan Kanan yang mana pada ketika ini menyelia pegawai bawahannya yang termasuk juga pegawai PTD Tingkatan Biasa, tindakan ini menjatuhkan maruah mereka. Di samping itu, kedudukan mereka juga akan lebih rendah pula daripada pegawai-pegawai PTD Tingkatan Biasa yang paling junior yang ada. Kesannya adalah sama seperti pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib turun pangkat dan ianya sungguh memalukan;

- (2) seterusnya tindakan ini juga telah melanggar prinsip dalam Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet para 4.49(v) - iaitu, dengan izin, "The employees who are on promotional grade should be converted to the appropriate promotional grade and not to the time scale salary or to the lowest salary grade". Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengabaikan prinsip ini dengan meletakkan pegawai PTA Tingkatan Kanan yang berada di dalam promotional grade A12 kepada jawatan PTD Tingkatan Biasa(A19) iaitu jawatan time scale dalam perkhidmatan PTD; dan
- (3) ia juga telah melanggar Perkara 135(b) Perlembagaan Persekutuan mengenai penurunan pangkat seorang kakitangan awam.

Kerugian-kerugian yang ketiga - pra-syarat kemasukan:

- (1) bagi pegawai PTA Tingkatan Biasa menerima opsyen tidak bererti diterima memasuki perkhidmatan PTD. Penerima opsyen hanya melayakkan mereka untuk dipertimbangkan sahaja. Walaupun mereka telah memenuhi syarat, mendapat

sokongan Ketua Jabatan, mereka masih perlu menjalani temuduga yang bermaksud menapis bagi memastikan tidak semua pegawai PTA Tingkatan Biasa diterima masuk ke perkhidmatan PTD. Inilah yang menjadi kebimbangan semua pegawai PTA Tingkatan Biasa.

- (2) Selain dari itu, syarat yang memerlukan lima tahun perkhidmatan dalam PTA sebagai menggantikan kekurangan kelulusan untuk memasuki perkhidmatan PTD juga dirasakan telah melebihi dari keperluan. Mengikut Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet II, dua tahun perkhidmatan dalam Skim Perkhidmatan Ijazah Am sudah mencukupi.

Contoh jumud kerugian ialah jumud dalam perkhidmatan:

- (1) Walaupun syarat-syarat dalam tawaran akan merugikan pegawai PTA yang menerima opsyen, mereka yang menolak opsyen atas sebab ini atau atas apa jua alasan dan juga mereka yang gagal dipertimbangkan masuk ke dalam perkhidmatan PTD akan dikekalkan dalam jawatan mereka sebagai Khas Untuk Penyandang (KUP) sehingga mereka berhenti dari perkhidmatan atau bersara. Mereka akan dijumudkan dalam perkhidmatan yang membawa erti bahawa tiada lagi urusan kenaikan pangkat atau perlantikan baharu diadakan. Kemajuan kerjaya mereka terhenti sebaik sahaja menjadi KUP.
- (2) Pegawai PTA diletakkan dalam keadaan serba salah dan kebimbangan. Mereka akan kerugian sekiranya menerima opsyen dengan syarat-syarat yang dikenakan dan sebaliknya

jika menolak opsiyen, masa depan kerjaya mereka akan berakhir.

- (3) Sebenarnya Jabatan Perkhidmatan Awam boleh dikatakan tidak memberi apa-apa pilihan kepada pegawai PTA memandangkan bahawa sama ada menerima atau menolak opsiyen, mereka tetap kerugian. Tindakan ini tidak pernah berlaku dalam sejarah perkhidmatan awam dan ianya keterlaluan lebih-lebih lagi apabila dilihat dari konteks Kerajaan sedang menerapkan bersungguh-sungguh nilai-nilai Islam ke dalam pentadbiran, dan ini diperkatakan khasnya oleh PERTAM pun.

(4) Kemajuan Kerjaya:

- (i) Secara umum penjelasan ini memberi harapan tetapi apabila dikaji secara mendalam terdapat beberapa kekurangannya. Penilaian yang dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam tidak mengambil kira tiga faktor utama yang mempengaruhi peluang kenaikan pangkat dan kelayakan untuk melanjutkan pelajaran dalam peringkat Sarjana. Faktor-faktor ini ialah kekananan, umur dan bilangan pegawai yang ada.

- (ii) Dari segi kekananan, tawaran opsiyen mensyaratkan pegawai PTA Tingkatan Biasa dan juga pegawai PTA Tingkatan Kanan diletakkan di bawah pegawai PTD Tingkatan Biasa yang ada. Pada masa ini terdapat seramai 1,203

pegawai PTD Tingkatan Biasa. Dan sekiranya diambil kira seramai 119 Kadet PTD yang akan tamat latihan, jumlahnya bertambah kepada 1,372 orang. Sementara itu bilangan pegawai PTA Tingkatan Biasa ialah seramai 1,061 dan bilangan pegawai PTA Tingkatan Kanan pula ialah seramai 266 orang. Menjadikan jumlahnya seramai 1,327 orang pegawai. Ini adalah jumlah semasa satu memorandum dibuat oleh PERTAM kepada pihak Kerajaan.

- (iii) Sekiranya semua pegawai PTA menerima opsiyen dan memasuki perkhidmatan PTD, kedudukan pegawai PTA Tingkatan Kanan mengikut senarai kekananan ini akan bermula dari nombor 1373 ke 1630. Sementara kedudukan kekananan pegawai PTA Tingkatan Biasa pula ialah dari 1639 ke 2699. Sementara itu perangkaan mengenai struktur umur pegawai PTD di semua peringkat jawatan menunjukkan bahawa bilangan pegawai yang akan bersara pada setiap tahun dan seterusnya meninggalkan kekosongan bagi yang lain untuk dinaikkan pangkat tidaklah besar.

Bagi jangka masa lima tahun pertama (1989 hingga 1994) seramai 162 orang akan bersara. Jika diambil tempoh 10 tahun (1989 hingga 1999) seramai 365 orang akan bersara, dan dalam tempoh 15 tahun pula (1989 hingga 2004)

bilangannya ialah seramai 1,042 orang. Inilah dibuat oleh kerana memorandum ini dihantarkan kepada Kerajaan pada tahun 1989.

PERTAM bagi pihak semua Pegawai Perkhidmatan Tadbir Am ada memohon mencadangkan agar syarat-syarat dalam tawaran opsyen yang dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam kepada pegawai PTA bagi penerapan ke Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik dikaji semula berdasarkan kepada prinsip-prinsip dan garis panduan yang terkandung dalam:

- (i) Pekeliling Perkhidmatan Bil. 25 tahun 1974.
- (ii) Urusan-urusan penyatuan perkhidmatan dan penerapan yang lalu;
- (iii) Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet;
- (iv) Perintah-perintah Am Bab A dan Perlembagaan Persekutuan.

Dan asas-asas yang patut mendapat pertimbangan ialah:

- (1) Bagi PTA Tingkatan Tertinggi G (A10) dicadangkan supaya kekananan dalam perkhidmatan PTD dikira dari tarikh dinaikkan pangkat di dalam perkhidmatan asal dan syarat bagi menghadiri Kursus PTD Tingkatan Kanan digugurkan.

Ini adalah selaras dengan syarat-syarat yang dikenakan kepada Penolong Pesuruhjaya Perdagangan Ahli Ekonomi, Pertanian dan Penolong Ketua Pengarah Orang Asli apabila diserapkan ke jawatan PTD Tingkatan Tertinggi G (A10) seperti yang telah dibincangkan.

- (2) Bagi PTA Tingkatan Kanan (A12), walaupun dalam urusan penerapan kekananan dalam perkhidmatan baru dikira dari

tarikh dinaikkan pangkat di dalam perkhidmatan asal. Memandangkan bahawa gaji maksimum A12 adalah kurang 1 point iaitu sebanyak \$100 bersamaan dengan satu kenaikan gaji atau satu tahun perkhidmatan berbanding dengan PTD Tingkatan Kanan, maka setelah di tolak satu tahun perkhidmatan bagi perkhidmatan dalam PTA Tingkatan Kanan hendaklah diambil kira dalam merangka satu formula bagi menentukan kedudukan PTA Tingkatan Kanan dalam perkhidmatan PTD Tingkatan Kanan;

- (3) Bagi PTA Tingkatan Biasa syarat sokongan Ketua Jabatan dan temuduga harus digugurkan memandangkan bahawa ini bukan urusan bagi mengisi jawatan-jawatan kosong dalam perkhidmatan PTD. Tetapi adalah merupakan urusan penerapan seperti yang telah kita semua bincangkan. Di samping itu, pegawai PTA telah menjalani proses temuduga sebelum memasuki perkhidmatan PTA dan kebolehan mereka telah diukur setiap tahun melalui Laporan Nilai Tahunan. Ukuran yang digunakan adalah sama seperti ukuran yang terpakai bagi semua pegawai Kumpulan A termasuk pegawai PTD.

Mengenai tempoh perkhidmatan Laporan Jawatankuasa Kabinet telah menetapkan bahawa perbezaan di antara Skim Perkhidmatan Ijazah Kepujian dan Skim Ijazah Am adalah dua tahun sahaja. Apabila diambil kira satu tahun perkhidmatan bagi menggantikan Diploma Pengurusan Awam atau INTAN adalah difikirkan bahawa tempoh tiga tahun perkhidmatan adalah memadai.

Seterusnya baki perkhidmatan dalam perkhidmatan PTA setelah di tolak syarat 3 tahun perkhidmatan hendaklah dirundingkan dalam menentukan kekananan dalam perkhidmatan PTD Tingkatan Biasa.

PERTAM juga berpendapat bahawa cadangan-cadangan yang dibuat tidaklah keterlaluan kerana Perkhidmatan Tadbir Am sepertimana lain-lain perkhidmatan dalam Kerajaan juga mempunyai matlamat dan imejnya.

Seterusnya PERTAM juga mencadangkan jika perlu supaya ditubuhkan sebuah Jawatankuasa Kabinet di mana PERTAM juga diwakili bagi membincangkan perkara-perkara yang menjadikan isu dan mempunyai implikasi yang besar terhadap Perkhidmatan Tadbir Am dalam urusan penyusunan semula struktur Perkhidmatan Pentadbiran Awam ini. Tetapi malangnya jawatankuasa yang ada ditubuhkan di bawah Datuk Murad tidaklah mendapat kesan yang diharapkan. Dan cadangan yang dikemukakan oleh PERTAM adalah berpatutan kerana ia berdasarkan kepada prinsip-prinsip dan peraturan yang telah ditetapkan. Ia tidak bertujuan untuk mengambil sesuatu dari perkhidmatan PTD. Malah pegawai PTA yang seharusnya bimbang kerana bagi pegawai PTA Tingkatan Kanan mereka hendak diturunkan ke jawatan Tingkatan Biasa dan kemungkinan jawatan asal mereka berjumlah 317 akan dijadikan jawatan PTD Tingkatan Kanan untuk kenaikan pangkat bagi pegawai-pegawai PTD Tingkatan Biasa yang sudah layak dan mungkin ada juga yang akan dinaikkan taraf ke jawatan PTD Tingkatan Tertinggi G untuk dipenuhi oleh pegawai PTD Tingkatan Kanan yang sudah cukup tempoh. Kemungkinan-kemungkinan ini adalah 'real' kerana pernah berlaku di masa-masa lalu apabila jawatan-jawatan PTA

Tingkatan Kanan di peringkat pentadbiran daerah dinaikkan taraf ke jawatan PTD Tingkatan Tertinggi G dan diisi oleh mereka.

Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab PERTAM bagi menjaga kepentingan semua pegawai PTA agar hak-hak asasi mereka dalam Perkhidmatan Pentadbiran Awam terpelihara. PERTAM telah mengambil kira bahawa permintaan yang dibuat tidak akan merugikan pegawai perkhidmatan PTD.

Ini adalah kerana walaupun cadangannya mengenai sebahagian dari tempoh perkhidmatan diambilkira bagi menentukan kekananan dalam perkhidmatan PTD, ia tidak akan menjejaskan kekananan sebahagian besar daripada pegawai-pegawai PTD asal. Di semua peringkat mereka masih tetap lebih kanan dari pegawai-pegawai PTA yang baru masuk. Oleh yang demikian, apabila terdapat kekosongan jawatan untuk kenaikan pangkat, merekalah yang didahului. Sekiranya kemasukan Pegawai-pegawai PTA akan menambah sedikit nisbah persaingan, pegawai-pegawai PTD tidak perlu bimbang kerana hanya pegawai yang terbaik sahaja yang akan terpilih. Dalam hubungan ini, persaingan yang sihat lebih menguntungkan pentadbiran. Di samping itu, harus difaham dalam urusan penyatuan ini pegawai PTA akan membawa bersama jawatan mereka apabila memasuki perkhidmatan PTD. Oleh yang demikian, mereka tidak mengambil apa-apa dari perkhidmatan Pegawai PTD.

Sebahagian besar daripada Pegawai PTA adalah graduan yang mempunyai pengalaman bekerja yang luas dan yang lain telah membuktikan kebolehan mereka dalam menjalankan berbagai kerja dalam bidang pentadbiran. Adalah dikhuatiri kelak sekiranya cadangan PERTAM di ketepikan dan masa hadapan pegawai-pegawai ini terjejas,

mereka akan menjadi demoralised. Memandangkan bahawa bilangan pegawai PTA bukanlah kecil tetapi melebihi 1,200 orang dan mereka merupakan pegawai dalam Kumpulan A yang memegang jawatan-jawatan penting dalam Kerajaan, kesan kejatuhan semangat pegawai-pegawai ini akan dirasai dalam pentadbiran. Seterusnya ia akan memanjangkan masalah di antara perkhidmatan PTA dan PTD dan akan mendatangkan kerumitan-kerumitan yang lebih besar dalam organisasi.

Jabatan Perkhidmatan Awam harus peka terhadap masalah yang dihadapi oleh pegawai PTA dan dalam melakukan sesuatu yang akan membawa kesan yang mendalam terhadap masa hadapan mereka haruslah dibuat dengan penuh pertimbangan. Setiap insan itu mempunyai aspirasi terhadap masa hadapan mereka sepertimana juga orang-orang akan menentukan masa hadapan mereka mempunyai keinginan untuk maju dalam kerjaya masing-masing dan itulah harapan PERTAM, harapan pegawai-pegawai PTA. Saya harap sungguhpun Yang Berhormat Timbalan Menteri tak boleh menjawab perkara ini tetapi dalam Committee Stage khususnya di bawah Jabatan Perdana Menteri, satu jawapan yang memuaskan boleh diberi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Suka saya memperingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat, masa yang diperuntukkan ialah hanya satu hari. Oleh itu kita tamatkan perbahasan ini pada jam 4.45 petang, selepas itu Yang Berhormat Menteri akan menjawab. Ya, Pengkalan Chepa.

4.23 ptg.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, saya cuba mengambil peluang petang ini untuk membangkitkan beberapa perkara berhubung

dengan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini. Kita pada hari ini diminta mengeluarkan wang sejumlah \$2,746,529,100 daripada Kumpulanwang Disatukan sebagai tambahan kepada Belanjawan 1990 yang kekurangan sebanyak \$2,541,470,000 dan Belanjawan 1991 yang kekurangan sebanyak \$250,059,100.

Akta Perbekalan Tambahan seperti ini, Tuan Yang di-Pertua, bukanlah suatu yang asing bagi mana-mana negara termasuk Malaysia. Dan sesungguhnya Rang Undang-undang seperti inilah yang membezakan kita sebagai makhluk dengan Allah Yang Maha Pencipta. Tidak mempunyai mana-mana Kerajaan mengemukakan belanjawan yang sempurna yang tidak memerlukan sebarang tambahan adalah bukti betapa kerdilnya manusia untuk membuat peraturan di atas muka bumi sesudah Allah menentukan segala peraturannya.

Jika di Akta seperti Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini sendiri tidak pernah ada Kerajaan yang dapat membuat peruntukan yang setepat-tepatnya, maka bagaimana kita boleh mengharap manusia boleh membuat undang-undang lain yang tepat, adil dan sesuai dengan kehendak alam. Atas keyakinan inilah kita berkali-kali menyarankan kepada Kerajaan supaya seberapa segera kita menukarkan sistem pemerintahan negara ini kepada peraturan Islam.

Kadang-kadang peruntukan atau belanjawan dapat mendekati sasaran yang diperuntukkan, sekalipun ia hampir tepat, tetapi jarang sangat Parlimen seperti Dewan ini dapat mengelak daripada membuat Rang Undang-undang Perbekalan (Tambahan) untuk tahun 1990 sahaja. Kita hari ini datang untuk membuat tambahan kali ketiga. Ini bererti Dewan ini sudah meluluskan tiga peruntukan sebelum ini untuk 1990 sahaja. Walaupun peruntukan tambahan sukar dielakkan tetapi sampai tiga kali

peruntukan tambahan dibuat dalam satu tahun tertentu adalah melambangkan satu kelemahan atau kepincangan kepada Kerajaan itu sendiri.

Barisan Nasional yang dahulunya Perikatan yang telah berpengalaman menyediakan Belanjawan sejak 1955 sepatutnya tidak wajar memaksa Parlimen meluluskan empat peruntukan tambahan bagi satu tahun seperti tahun 1990 ini. Bila program tahunan seperti ini tidak mampu diolah setepat yang boleh, maka bagaimana program yang memakan masa panjang, lima tahun, sepuluh tahun dan sebagainya boleh menemui sasarannya. Kelemahan inilah yang menyebabkan setiap yang disebut "wawasan" boleh berakhir dengan "was-was" sahaja.

Kebimbangan kita, kadang-kadang sebuah Kerajaan yang penuh tipu-muslihat dan tidak penyayang sengaja merancang belanjawan yang biar ada tambahan bagi membolehkan belanjawan asal itu tidak kelihatan defisitnya begitu besar.

Sebuah belanjawan biasanya menyebutkan punca-punca pendapatan dan kaedah-kaedah untuk mendapatkan wang bagi mengimbangi perbelanjaan, tetapi bagi perbekalan tambahan biasanya tidak perlu menyebutkan perkara itu, memadai dengan menjelaskan tujuan peruntukan itu diminta. Ada kemungkinan, Tuan Yang di-Pertua, perbekalan bagi tahun 1990 dahulu dibuat demikian rupa kerana tahun itu adalah tahun Pilihanraya. Kerajaan yang kurang bertanggung-jawab selalu berusaha mengemukakan Belanjawan yang tidak ada defisit atau kalau ada defisit pun, ia tidak begitu besar. Setiap kali menghadapi tahun pilihanraya biasanya belanjawan itu dinamakan "Belanjawan Pilihanraya" kerana ia dibuat untuk tujuan memancing undi. Saya yakin

Belanjawan 1990 itu juga tidak terlepas dari muslihat itu. Bila selepas itu dibuat tiga kali Akta Perbekalan (Tambahan) lagi untuk tahun itu, maka orang tidak melihat defisitnya begitu besar. Malanglah bagi rakyat dan negara bila ada Kerajaan dan pentadbiran yang seperti ini.

Peruntukan yang diminta sekarang, baik bagi tahun 1990 mahupun 1991, tetap mencerminkan sikap boros Kerajaan, walaupun pentadbiran memulakan tugasnya dalam tahun 1981 dengan slogan "Berjimat-cermat", sebahagian dari yang diminta itu adalah peruntukan mengubahsuai pejabat, memperlengkapkan perabot Kementerian, membeli motokar baru bagi Menteri-menteri dan pegawai-pegawai, membaiki rumah orang besar dan sebagainya. Selain dari itu, adalah untuk menampung perbelanjaan perkhidmatan awam yang disebabkan oleh kenaikan kos hidup dan kenaikan saraan. Dengan demikian, sebahagian daripada Belanjawan negara kita habis dengan gaji dan urusan pejabat. Sebahagian kecil sahaja dari peruntukan yang diberikan itu untuk projek-projek kemajuan. Jika ini berterusan, maka sukarlah bagi negara ini untuk mencapai kemajuan pesat dengan perbelanjaan yang sejimat-jimatnya. Jika kita mahukan satu pembangunan yang pesat, maka negara terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang lebih besar. Orientasi ini hendaklah dirobah dengan Belanjawan pada masa akan datang. Peruntukan kepada projek pembangunan itu lebih besar, manakala perbelanjaan mengurus itu dikurangkan. Tanda boros Kerajaan itu, Tuan Yang di-Pertua, dapat kita lihat dari peruntukan tambahan yang diminta bagi Jabatan Perdana Menteri sejumlah \$5,782,000 seperti yang dicatitkan dalam Jadual Kedua naskhah Rang Undang-undang Perbekalan (Tambahan) ini bagi tahun 1991.

Peruntukan ini adalah untuk menampung Perbelanjaan Mengurus Jabatan Pembangunan Persekutuan di Kelantan dan di Sabah. Mengapakah peruntukan yang berbangkit adalah untuk Kelantan dan Sabah sahaja? Mengapa urusan-pengurusan di negeri-negeri lain tidak berbangkit? Permintaan ini berbangkit semata-mata kerana kesombongan Kerajaan Pusat dan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang tidak mahu menerima keputusan rakyat di kedua-dua negeri itu memilih Pembangkang untuk mentadbirkan kedua-dua buah negeri itu. Demi dendam-kesumat dan sentimen politik yang terlalu mendalam, walaupun mereka belajar demokrasi, Kerajaan sengaja hendak mengasingkan pentadbiran Pusat dengan pentadbiran Negeri. Urusan-urusan dalam negeri-negeri tersebut tidaklah lagi mengikut cara biasa yang tidak terpisah antara Pusat dan Negeri. Kerajaan Pusat mahu pegawai-pegawai dan pejabatnya kalau boleh diasingkan supaya wujud "Kerajaan dalam Kerajaan".

Pembangunan bagi negeri itu tidak lagi disalurkan melalui Pegawai-pegawai Negeri. Pusat adalah Pusat dan Negeri adalah Negeri. Pegawai Pusat tidak lagi tertakluk kepada adat dan peraturan dalam negeri itu. Kerana kesombongan ini, Kerajaan Pusat terpaksa mengeluarkan peruntukan tambahan sebanyak \$5,782,000. Padahal perbelanjaan seperti ini tidak diperlukan jika Kerajaan Pusat sedia belajar apa itu demokrasi dan belajarlah sekali sekala menjadi orang kalah. Jika Kerajaan mahu belajar hakikat demokrasi dan hakikat politik, mahu sekali sekala belajar erti kekalahan, maka wang sebanyak \$5 juta itu adalah besar untuk melayan kesombongan pemimpin Pusat. Peruntukan itu semata-mata untuk motif politik. Kerajaan Pusat sanggup mengorbankan wang rakyat yang sebegitu besar demi motif politiknya sedangkan wang itu cukup lumayan jika disalurkan kepada urusan pembangunan dan amal.

Bagaimanapun Kerajaan Negeri Kelantan patut dipuji kerana tidak menunjukkan reaksi yang sama atas perkara itu. Menteri Besar Kelantan telah pun menyebut bahawa seboleh-bolehnya Pegawai Kerajaan Pusat akan diberi kediaman percuma dan lain-lain kemudahan, sekalipun mereka tidak dapat memberikan kerjasama kerana arahan politik diskriminasi Kerajaan Pusat itu. Moga-moga dengan beberapa kemudahan yang diberikan oleh Kerajaan Kelantan kepada Pegawai dan Pengurusan Jabatan Pembangunan Kerajaan Persekutuan itu, perbelanjaan akan dapat dijimatkan. Bagi pihak PAS, saya mencadangkan supaya peruntukan bagi Jabatan Perdana Menteri ini dipotong sahaja. Kembalikan urusan di Kelantan dan Sabah itu seperti biasa sebelum pilihanraya umum dahulu. Dengan ini wang dapat dijimatkan dan hubungan antara Kerajaan Pusat dan Negeri tidak berhadapan dengan diskriminasi dan pergeseran politik.

Saya juga ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua tentang peruntukan di Jabatan Perdana Menteri bagi tahun 1990 yang diminta sebanyak \$135 juta. Mengikut Kertas Perintah 3A Tahun 1991, mukasurat 6 - menyebut bahawa tambahan itu adalah dikehendaki untuk membiayai projek-projek kecil infrastruktur, kemudahan-kemudahan awam dan sosial serta keagamaan. Tanpa menafikan peruntukan projek-projek kecil infrastruktur ini penting, tetapi di dalam amalannya, di sinilah berlakunya urusan-urusan politik pembelian undi dan segala ketempangan politik yang merosakkan budaya politik negara ini. Lazimnya menjelang pilihanraya umum atau kecil, para Menteri sibuk masuk kampung keluar kampung, menyerahkan cek dan membuat pengumuman mengagihkan peruntukan seperti ini bagi faedah politik peribadi pemimpin Barisan Nasional. Antara yang paling rancak penjanji-penjanji projek-projek kecil ini ialah Timbalan Perdana Menteri. Perbuatan politik yang silap ini telah menyebabkan banyak wang telah

dibazirkan atas projek-projek yang diyakini sengaja dimahalkan, harga projek yang kadang-kadang tidak munasabah kerana harga tadi adalah harga politik.

Sikap ini jika dibiarkan, pertama; merosakkan sikap dan moral rakyat kerana mereka diajar menipu Kerajaan dengan membuat projek murah tetapi menuntut harga yang tinggi. Kedua, projek-projek yang dibuat tidak bermutu kerana Kerajaan membenarkan mereka menipu Kerajaan.

Kerajaan Kelantan pada hari ini, walaupun belum sampai setahun di bawah kepimpinan ulama, tetapi berpengalaman menghadapi orang-orang yang menuntut bayaran projek-projek kecil yang dibuat menjelang pilihanraya lalu yang tidak mengikut peraturan. Antara tuntutan itu tidak punya arahan tertentu, malah pegawai yang diarah pun tidak tahu. Tetapi mereka mendakwa bahawa pimpinan Kerajaan yang lalu telah meluluskannya dan inilah yang menjadi isu seperti yang dibangkitkan oleh Menteri Belia dan Sukan di satu ketika dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, kita yakin amalan seperti ini adalah merata-rata di negeri lain kerana pekong yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional Kelantan dahulu adalah kesinambungan dari amalan di tempat-tempat lain. Jika Kerajaan Kelantan hendak meneruskan amalan yang tidak bertanggungjawab itu, maka layan sahaja rakyat seperti Barisan Nasional melayan mereka. PAS akan popular, tetapi tidak ada apa-apa kebaikan untuk negara, rakyat dan agama. Demi menjimatkan perbelanjaan, maka Kerajaan Kelantan yang ada patut dicontohi oleh Kerajaan Pusat kerana sekarang melancarkan kempen menghidupkan semangat gotong-royong, membina projek-projek kecil secara kolektif. Program ini dinamakan "Al-taawun". Sebarang jambatan kecil,

jalan-jalan kecil, parit-parit kecil, tapak permainan untuk belia, dewan-dewan kecil, dibuat secara gotong-royong, di mana yang boleh. Dengan demikian, sebuah jambatan yang bernilai \$60 ribu mengikut taksiran PAS - bukan \$60 ribu mengikut penilaian Barisan Nasional - dapat dikurangkan hingga \$40,000. Cara ini dapat menjimatkan perbelanjaan dan pada ketika yang sama semangat gotong-royong tadi menanamkan semangat sayangkan harta awam di kalangan rakyat. Program ini, Alhamdulillah, mendapat sambutan baik dari masyarakat Kelantan. Ini tidak bererti pihak lain tidak kenal gotong-royong, tetapi gotong-royong selama ini bermusim dan tidak melibatkan penjimatan. Saya mencadangkan supaya pengalaman Kelantan itu dicontohi supaya semangat kerja secara kolektif itu dapat ditanamkan kepada rakyat jelata seluruhnya. Inilah cara yang sebaik-baiknya untuk mengajak rakyat berdikari.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada pilihanraya, Pilihanraya Umum bulan Oktober 1990 yang lalu rupanya belum mendapat peruntukan dari Parlimen. Sejumlah \$20,846,000 adalah diminta untuk membiayai perbelanjaan pilihanraya umum itu. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini supaya memperhatikan beberapa peraturan pilihanraya yang wajar disempurnakan. Dalam perjalanan pilihanraya sekarang, beberapa peraturan wajar dipinda. Antaranya ialah mengenai Undi Pos dan mengundi di kawasan keselamatan. Cara Undi Pos dilaksanakan memerlukan kajian semula supaya ia dapat dilakukan secara yang boleh mengelakkan sebarang keraguan.

Buat masa ini tidak dapat dijamin bahawa Undi Pos itu telah dilaksanakan sebaik-baiknya oleh setiap pengundi yang terlibat. Antara pengundi Pos itu adalah askar dan Polis yang berada jauh di kawasan bertugas dan sukar memastikan kertas undi itu tiba kepada

setiap orang dari mereka. Siapa yang dapat menjamin bahawa mereka berpeluang mengundi atau ada pihak lain yang mengundikan. Dalam suasana peras ugut oleh permainan politik dunia, maka bagaimana kita dapat menentukan undi Pos yang tidak disaksikan oleh wakil calon itu berjalan tanpa gangguan dan ugutan.

Seminar-seminar mengenai Undi Pos ini hendaklah diadakan bagi mencari jalan bagaimana perjalanannya tidak menimbulkan sebarang keraguan. PAS sudah acapkali membangkitkan urusan mengundi di kawasan larangan yang melibatkan anggota pasukan keselamatan dan keluarga mereka. Bagi pengundi yang istimewa ini, mereka mengundi dalam kawasan yang orang luar tidak boleh masuk. Akta Pilihanraya membenarkan setiap calon mengirinkan wakilnya ke bilik mengundi, tetapi bagi kawasan seperti ini, kerana ia kawasan larangan, maka wakil dan ejen calon tidak boleh menjalankan tugasnya. Jika kelemahan tadi terletak kepada Akta Pilihanraya, maka wajarlah dikaji Akta itu bagi dipinda supaya ia ada kuasa untuk menghantar pemerhati ke kawasan larangan. Jika ini pun tidak boleh, maka di masa akan datang eloklah kawasan larangan digunakan sebagai tempat mengundi. Adakan kawasan mengundi di tempat yang hampir dengan kawasan larangan supaya tentera dan keluarga mereka keluar mengundi di luar. Mereka dan keluarga mereka boleh keluar kawasan sehari dalam masa lima tahun semata-mata untuk menunaikan hak mereka. Cadangan mengemaskan peraturan pilihanraya ini bukanlah kerana tidak yakin kepada kejujuran Pegawai, tetapi ia adalah langkah bagi menjadikan sistem pilihanraya di negara ini adil dan sentiasa dihormati oleh semua pihak.

Satu daripada perkara yang penting, Tuan Yang di-Pertua, yang patut diambil perhatian ialah memastikan daftar induk pengundi dikemaskinikan

bagi mengelakkan ada pengundi mendaftar lebih daripada satu kali. Usaha mengadakan daftar induk ini telah dibuat ketika Suruhanjaya Pilihanraya dipengerusikan oleh Tan Sri Ahmad Perang dan Setiausahanya Dato' Hassan bin Ibrahim. Daftar induk itu sepatutnya berjaya mengelakkan ada orang mendaftar lebih dari sekali kerana nombor kad pengenalan seorang menjadi kunci segala-galanya. Jika pendaftaran itu dibuat mengikut giliran nombor kad pengenalan, maka tidak mungkin satu nombor boleh bertindan di mana sekalipun mereka daftar. Di zaman komputer sekarang, urusan ini adalah lebih mudah.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanapun, kita masih mendapati wujudnya orang yang mendaftar lebih dari sekali. Buktinya dapat dilihat dari adanya pengundi-pengundi yang selepas mengundi di kawasan Menteri Pertahanan di Pahang datang dengan bas dan kereta sewa untuk mengundi di Marang, Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga ini, tidak ada sebarang penjelasan atas kejadian ini dan bagaimana ianya boleh berlaku. Tidak ada tindakan atas perkara seperti ini.

Sehubungan dengan pilihanraya ini, saya ingin menyentuh tentang kehadiran Pemerhati Komanwel yang dijemput untuk memerhatikan perjalanan pilihanraya. Peruntukan atas kehadiran mereka nampaknya dibuat dengan peruntukan tambahan bagi Kementerian Luar Negeri yang memerlukan wang bagi tahun 1990 sebanyak \$28,599,800.

Kita menyokong usaha menjemput pemerhati itu tetapi dukacita bahawa mereka berada di negara ini dalam waktu yang cukup singkat dan hanya datang untuk melihat penamaan calon, kempen, membuang undi dan mengira undi. Peluang tidaklah banyak bagi pemerhati itu untuk mendalami hal-hal yang

berlaku sebelum penamaan calon dan bentuk kempen yang dimainkan oleh semua pihak.

Komanwel bagaimanapun telah memberikan kerjasama yang baik. Ia telah menghantar wakil-wakil lebih awal untuk meninjau parti-parti politik termasuk parti-parti Pembangkang, tetapi kehadiran dua orang wakil secara tidak rasmi itu telah ditempelak oleh Perdana Menteri sehingga hampir membatalkan rancangan menjemput Pemerhati Komanwel itu.

Pandangan seorang Perdana Menteri terhadap wakil awal tidak rasmi itu menyebabkan pihak Komanwel tidak dapat membuat persiapan lebih terperinci bagi petugas-petugas untuk menjalankan kerja dengan teratur dan bebas. Bila mereka datang kemudiannya agak lewat, maka mereka banyak bergantung kepada maklumat dari pihak Kerajaan. Jika Kerajaan memberikan kerjasama dari awal, kita yakin Komanwel dapat memberikan khidmat yang lebih baik. Bagaimanapun, kita berharap lain kali, pemerhati ini tidak semestinya datang dari Komanwel sahaja. Wakil dari badan-badan bebas antarabangsa yang lain patut juga dijemput tetapi mereka hendaklah diberi masa yang cukup dan bebas menemui sesiapa sahaja yang mereka suka.

Boleh teruskan lagikah, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada 2 minit lagi, sila gulung.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Satu perkara lagi yang ingin saya menyentuh ialah masalah pendidikan. Perbekalan tambahan bagi tahun 1990 juga minta sejumlah \$81,832,300 yang sebahagian daripadanya adalah untuk menampung perbelanjaan pelaksanaan Dua Skim Perkhidmatan Pendidikan.

Pelaksanaan Dua Skim ini nampaknya bukan mengurangkan masalah dalam Kementerian Pendidikan. Ia terbukti menambah beban dan masalah kepada Kementerian itu. Sehingga ini ia menjadi beban yang payah hendak diselesaikan dan bagaimana pelaksanaannya nanti dapat mengatasi keperluan di Kementerian itu adalah perkara yang terpaksa disaksikan kemudian, tetapi ia cukup untuk menjadi sebab mengapa Menteri yang bersetuju melaksanakan dasar itu meninggalkan Kementerian itu secepat mungkin. Kementerian Pendidikan diserahkan kepada Menteri sekarang adalah kerana Menteri sebelum ini tidak terdaya untuk mengatasinya, kerana pelaksanaan skim ini pula rakyat menanggung harga yang tinggi. Jika tidak kerana pelaksanaan skim ini, tentulah Dewan ini tidak perlu menimbang untuk meluluskan peruntukan sampai \$81.8 juta.

Dewan ini tentunya tidak menyekat segala rancangan untuk melakukan perubahan, tetapi biarlah tindakan perubahan itu melicinkan lagi pentadbiran dan memajukan lagi mutu pendidikan kerana Menteri dan pegawai tinggi Kementerian terpaksa menggunakan sebahagian dari masa untuk menghadapi isu yang berbangkit. Akibat pelaksanaan skim ini, maka Kementerian tidak dapat cukup masa dan peluang untuk memikirkan bagaimana kemahuan pendidikan sepatutnya dilaksanakan.

Kita yakin, Tuan Yang di-Pertua, jika Kementerian Pendidikan tidak dapat ditadbirkan dengan baik untuk Menteri yang lalu, bagaimana beliau hendak menjadi Perdana Menteri yang terbaik selepas ini?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa yang diperuntukkan sudah cukup.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Masa sudah cukup? Tidak apalah, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

4.45 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada empat Ahli Yang Berhormat yang telah bangun untuk membahaskan Usul di hadapan kita dua hari ini. Saya tidak mengharapkan perbahasan yang objektif dan rasional daripada tiga Ahli Yang Berhormat. Yang kita dapat daripada tiga Ahli Yang Berhormat daripada Tanjong, Kepong dan juga Pengkalan Chepa ialah hujah-hujah yang sengaja diherotkan berdasarkan kepada imaginasi masing-masing sehinggakan perkataan dan istilah 'Wawasan' pun menjadi perkataan diherotkan 'was-was'.

Jadi, ini satu pendekatan yang salah. Kata hendak buat Belanjawan secara Islam. Kalau secara Islam, apa yang Kerajaan buat, yang Kerajaan bentangkan dua hari ini ialah fakta-faktanya untuk diamati oleh Ahli-ahli Yang Berhormat untuk dibincangkan secara objektif, bukan untuk sengaja diherotkan ke kiri atau ke kanan semata-mata mengikut inklinasi kecenderungan Ahli-ahli Yang Berhormat dan politik Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan di sini.....

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri, hendak beri jalan?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Saya habiskan dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak beri jalan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Saya hendak sebutkan di sini bahawa di antara sebab-sebab mengapa agak berbeza daripada bekalan yang telahpun dibentangkan dalam dua Belanjawan yang lalu dengan apa yang akhirnya dimasukkan dalam Belanjawan Tambahan satu, dua dan tiga untuk 1990 dan Belanjawan Tambahan yang pertama untuk 1991 ialah bukanlah satu yang agak jauh daripada luarbiasa, daripada amalan di antara Kerajaan-kerajaan yang menggunakan sistem demokrasi.

Memang benar, adalah tidak mudah untuk menepati dengan keperluan sesuatu Belanjawan untuk satu-satu tahun, maka berlaku peruntukan tambahan daripada semasa ke semasa tetapi untuk sidang Parlimen kali ini, keperluan tambahan yang dibentangkan agak lebih daripada yang biasa.

Antara sebab yang penting, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, ialah dua perkara. Yang pertamanya ialah apabila Kerajaan membentangkan peruntukan untuk tahun 1991 pada akhir tahun yang lalu, maka tidak dapat dimasukkan peruntukan pembangunan yang diperlukan untuk projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Kalau sekiranya pihak Kerajaan memasukkan peruntukan tersebut, maka Kerajaan akan mendahului apa pun kandungan yang sewajarnya termasuk dalam Rancangan Malaysia Keenam yang baru dibentangkan dan diluluskan oleh Parlimen kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dimasukkan dalam peruntukan pembangunan 1991 (Belanjawan 1991) adalah berdasarkan kepada projek-projek yang dibawa daripada Rancangan Malaysia Kelima yang tertangguh, lebih-lebih lagi pada masa Kerajaan sengaja mengurangkan perbelanjaan Kerajaan pada Rancangan Malaysia Kelima, dan apabila hasil yang agak lumayan pada pihak Perbendaharaan dan untuk terlepas daripada had yang dikenakan dalam Rancangan Malaysia Keenam, maka projek-projek Rancangan Malaysia Kelima dibawa untuk tahun 1991.

Jadi, sekiranya kita perlukan peruntukan tambahan lebih kurang \$3 bilion dalam bentuk peruntukan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, adalah semata-mata untuk memperuntukkan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Sebab kedua yang terbesar mengapa keperluan tambahan ini agak luar biasa daripada yang dululu ialah untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lebih kurang \$2 bilion merupakan alihan pembayaran daripada satu Tabung Kumpulan Terkanun kepada Tabung Pembangunan. Semata-mata adalah luar jangkaan Kerajaan bahawa hasil yang agak lebih daripada biasa dapat dikumpulkan. Maka daripada hasil tersebut membawa kepada lebihan yang mengizinkan Kerajaan mengalihkan pembayaran itu kepada Tabung Pembangunan. Jadi, apabila kita masukkan Belanjawan Tambahan seperti ini, \$2 bilion dalam bentuk bayaran alihan "transfer payment", dengan izin, keperluan untuk projek di bawah Rancangan Malaysia Keenam, maka, Tuan Yang di-Pertua, tidak hairanlah mengapa Belanjawan Tambahan agak begitu tinggi.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, ada perkara-perkara yang berbangkit sepanjang 1990, berterusan

keperluannya 1991, sama ada keperluan untuk membayar subsidi dari segi barangan minyak, ekoran daripada kenaikan minyak semasa Perang Teluk dahulu yang memerlukan satu peruntukan yang besar supaya mengizinkan Kerajaan membayar subsidi supaya dapat mengawal kos tenaga dalam negara kita ini dan dapat mengawal kenaikan harga rata-rata dalam ekonomi kita. Dan ada juga kes-kes seperti rundingan untuk Kerajaan membayar semula Lembaga Letrik Sabah di mana perundingannya bermula pada tahun 1982 dan 1983 dan keputusan daripada rundingan tersebut dapat diputuskan kebelakangan ini yang memerlukan tidak kurang dari \$140 juta untuk menyelesaikan rundingan di antara Kerajaan Sabah dan Kerajaan Persekutuan dalam hal mengalih pemilikan Lembaga Letrik Sabah daripada Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Pusat. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini adalah sebab-sebab di antara yang besar yang perlu saya sebutkan di sini di peringkat awal untuk memberikan gambaran yang objektif kepada Ahli-ahli Yang Berhormat mengapa keperluan peruntukan tambahan agak tinggi. Jadi, kalau sekiranya saya merujuk kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong supaya beliau terhindar daripada apa jua syak wak sangka tentang peruntukan tambahan ini supaya beliau dapat melihatnya secara objektif seperti yang saya sebutkan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak merujuk seterusnya kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai nilai sebanyak \$1 juta yang berbeza di dalam Kertas Statut dengan Kertas Peruntukan Tambahan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perbezaan itu bukanlah satu silap mata yang dibuat oleh pihak Kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, ianya adalah untuk menerangkan perbezaan yang berlaku di antara apa yang tersenarai dalam Kertas

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat menerangkan di sini kalau kita bandingkan dengan sistem negara-negara yang lebih cekap dan lebih berkesan, berapakah peratusannya di mana projek-projek tidak dapat dilaksanakan kerana bagi saya 25% terlalu tinggi. Saya akui sebagai makhluk manusia kita memang tidak dapat melaksanakan dengan sempurna. Itu saya akui tetapi lebih 25% itu terlalu tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Kepong pandang belakang itu kenapa? (*Ketawa*)

Dr Tan Seng Giaw: Jadi, lebih 25% itu terlalu tinggi bagi pendapat sayalah, dan jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tidak begitu memuaskan kerana dia kata kita akan berikhtiar sahaja. Tetapi berilah satu cara, satu formula di mana pihak Kerajaan akan berikhtiar untuk membetulkan keadaan seperti ini kerana kalau 25% peruntukan tidak dapat digunakan maka ada banyak projek lagi yang tidak boleh dilaksanakan kerana itu kesilapan seperti ini.

Seorang Ahli: Faham.

Dr Tan Seng Giaw: Kalau faham, ambillah tindakan sedikit. Setakat faham sahaja sehingga rambut putih pun tidak berguna. (*Ketawa*) Itu sahaja, itulah amalan yang tidak sihat, kerana dia kata betul, kita ikhtiar dan sebagainya dan kemudian dia tidak ambil tindakan. Kerana tidak ambil tindakan, rambut jadi putih. Itulah. Jadi, saya berharap pihak Yang Berhormat dapat menjawab di dalam sistem yang lebih cekap. Saya tidak kata sistem yang lebih sempurna kerana di dalam dunia

ini, kita hendak dapat satu sistem yang sempurna mungkin tidak dapat, kecuali di syurga. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Cukuplah, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Jadi, bolehkah Yang Berhormat sebutkan di dalam sistem yang lebih sempurna, apakah peratusan yang boleh diterima sama ada 5% ataupun 10%? Di negara seperti misalnya Singapura, saya akui kalau kita hendak bandingkan Singapura dengan Malaysia itu tidak begitu tepat juga kerana sistem tidak serupa. Tetapi walau bagaimanapun, bolehkah Yang Berhormat sebutkan di Singapura berapa peratusannya?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, kerja Ahli Yang Berhormat dari Kepong ini bercakap sahaja. Itu sebab rambut dia terus kekal hitam. (*Ketawa*) Tadi saya sudah katakan kita cakap benar apa kedudukannya dan kita cuba mengatasi masalah ini dan masalah itu bukan satu perkara yang mudah. Ianya berlaku kelambatan, mungkin berlaku di berbagai-bagai peringkat.

Kemudian saya ingin merujuk kepada masalah inflasi. Tuan Yang di-Pertua, memang betul apa yang kita lihat ialah tidak lebih daripada 4% dalam masa lima bulan yang awal 1991 berdasarkan kepada sample survey, dengan izin, yang dibuat berdasarkan kepada kandungan bakul kegunaan rumahtangga. Tentang dakwaan Ahli Yang Berhormat mengenai bahawa inflasi lebih daripada kadar tersebut, Tuan Yang di-Pertua, agak keterlaluan. Jika sekiranya Ahli Yang Berhormat ada bukti-bukti sample survey yang lebih conclusive, dengan izin, kita sedia untuk melihatnya.

Pada tahun depan Kerajaan akan membuat satu household sample survey secara menyeluruh dengan kandungan barangan-barangan yang paling

Statut kerana pembayaran itu dibuat daripada peruntukan luar jangka selepas Ogos 1990. Walhal \$1 juta disebut dalam Kertas Belanjawan Tambahan yang dibentangkan kepada sidang Parlimen yang lalu. Jadi bezanya, Tuan Yang di-Pertua, ialah \$1 juta itu dalam Kertas Belanjawan Tambahan telah dibentangkan pada akhir tahun lalu tetapi dimasukkan dalam Kertas Statut kerana ianya tidak disebut dalam Kertas Statut pada masa tersebut dan dimasukkan dalam Kertas Statut berkaitan dengan kegunaan \$1 juta daripada sumber peruntukan luar jangka.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, hendak beri jalan? Kepong bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Walaupun Yang Berhormat berikhtiar untuk menjelaskan perkara seperti ini, saya tidak nampak mengapa pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan mengumumkan satu angka yang di dalam satu usul. Kemudian kalau ada tambahan, mengapa angka itu ditambah begitu sahaja terutamanya di dalam Kertas Statut? Ini tidak boleh buat main-mainnya walaupun \$1 juta dianggap kecil berbanding dengan jumlah amaunnya. Tetapi ini tidak boleh. Baik kita asingkan dengan satu tambahan. Mungkin dia tengkok ia kecil sahaja, pihak Ahli Yang Berhormat di sini pun tidak akan tahulah kalau satu dua angka tumbuhan itu kecil, kita tidak nampak. Tetapi saya boleh tekankan di sini bahawa kita nampak juga walaupun ada helah-helah yang tertentu.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, kalau pun \$1, walaupun 1 sen jika sekiranya wang itu diambil daripada peruntukan luar jangka maka diperuntukkan oleh undang-undang kita disebutkan dalam Kertas

Statut dalam Mesyuarat Parlimen yang akan datang. Jadi, sekiranya tidak disebut dalam Kertas Statut pada Parlimen yang lalu maka diwajibkan oleh undang-undang untuk disebutkan dalam sidang Parlimen yang berikutnya. Ini adalah keperluan undang-undang walaupun satu sen, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengakui apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kepong bahawa memang benar ada peruntukan yang telah diberikan tetapi tidak dibelanjakan. Rata-rata kita boleh mengatakan antara 25% ataupun lebih daripada itu di mana peruntukan diberikan tidak dapat dilaksanakan dalam satu-satu tahun.

Tuan Yang di-Pertua, masalah ini bukanlah satu perkara yang disengajakan kerana dalam pelaksanaan sesuatu projek, ianya perlu diatur, dirancang dan memerlukan kepada beberapa pertimbangan di banyak peringkat sama ada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Tempatan, bahkan kepada masyarakat ataupun kumpulan yang tertentu yang terlibat secara langsung. Dan pihak Kerajaan dan, khususnya Kementerian Kewangan menyedari tentang perkara ini tetapi hingga kini belumlah ada cara yang paling tepat untuk mengatasi masalah ini kerana sesuatu peruntukan di atas nama satu-satu kepala tidak dapat disalurkan peruntukan yang tidak digunakan kepada kepala yang lain kerana syarat-syarat pentadbiran dan peruntukan undang-undang yang perlu kita amati. Oleh kerana batasan ini maka tidak mudah untuk menyalurkan sesuatu projek yang boleh dilaksanakan daripada sumber projek yang tidak dapat dilaksanakan. Walaupun begitu, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mengamati perkara ini dan cuba mengatasinya daripada satu peringkat ke peringkat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya.....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

mutakhir untuk menggambarkan kegunaan rumahtangga dan saya percaya berdasarkan kepada sample survey secara menyeluruh itu akan memberi gambaran yang lebih tepat lagi tentang kedudukan inflasi. Walaupun begitu, Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa berdasarkan kepada kegunaan tenaga yang ada pada hari ini, berdasarkan kepada kegunaan kapasiti dari segi modal yang ada dalam negara kita, keadaan pasaran buruh yang makin lama makin ketat bahawa tekanan terhadap harga pada keseluruhannya agak kuat, maka di antara tanggungjawab yang besar yang dihadapi oleh Kerajaan pada hari ini ialah untuk memastikan bahawa tekanan inflasi dapat dikawal, bukan sahaja apa yang telah berlalu tetapi pada masa-masa yang akan datang.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Kepong bangun lagi. Hendak beri jalan?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Cukuplah. Tentang bayar balik cukai, Tuan Yang di-Pertua, ada peruntukan yang diperlukan untuk memastikan bahawa bayaran cukai yang dibuat oleh setengah-tengah pembayar cukai sama ada individu ataupun syarikat yang telah dipungut lebih awal perlu dipulangkan semula kerana peruntukan-peruntukan undang-undang yang memerlukan bayaran dibuat ataupun berdasarkan kepada amalan-amalan pembayaran cukai yang dipilih oleh orang-orang tertentu. Jadi, berdasarkan kepada pungutan yang lebih daripada apa yang akhirnya ditaksirkan memerlukan Jabatan Hasil Dalam Negeri mempunyai peruntukan untuk membayar balik pungutan-pungutan tersebut.

Mengenai hutang negara, saya ingin sekadar menyebutkan bahawa tidak dapat dielakkan bahawa sebanyak \$100

juta lebih diperlukan untuk membayar kos tambahan oleh kerana perubahan-perubahan matawang yang terkandung di dalam baki matawang-matawang yang mana termasuknya pinjaman-pinjaman oleh Kerajaan Pusat. Jadi, perubahan-perubahan nilai matawang dengan ringgit Malaysia memerlukan peruntukan tambahan untuk membiayai kos tambahan tersebut.

Mengenai peruntukan yang disebutkan untuk African National Congress, Tuan Yang di-Pertua, adalah diakui memang satu precedent yang baru di mana Kerajaan Persekutuan memberi peruntukan kepada sebuah parti politik yang bergelar African National Congress. Kalau precedent ini merupakan satu precedent yang baik untuk kita membuat langkah-langkah membantu sebuah masyarakat yang tertindas, maka kita menerima itu sebagai satu precedent yang baik.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Kepong bangun lagi. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Biar saya habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak beri, Yang Berhormat Kepong.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Saya sudah merujuk kepada dia sudah banyak sangat.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas. Saya skadar hendak menyebut di sini bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas merujuk kepada perkara-perkara yang khusus, agak lebih sesuai jika sekiranya perkara itu dijawab oleh pihak Kementerian-kementerian yang

berkenaan dalam peringkat Jawatankuasa nanti. Sekadar saya hendak membuat rujukan kepada perkara yang dibangkitkan tentang Perbendaharaan khususnya mengenai soal PERWAJA.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu rancangan lebih kurang 10 tahun untuk meletakkan PERWAJA pada kedudukan yang paling kukuh. Adalah diakui bahawa daripada sekarang kepada satu masa yang tidak berapa lama lagi di mana Kerajaan Pusat diperlukan untuk membuat peruntukan tahun demi tahun supaya membayar apa jua tanggungan yang diletakkan kepada Syarikat PERWAJA Terengganu dengan harapan bahawa bayaran tahun demi tahun di antara pada peringkat awalnya bayaran faedah-faedah yang terkumpul mengizinkan Syarikat PERWAJA Steel, anak syarikatnya supaya dapat terlepas dari tanggungan-tanggungan tersebut. Apabila bebanan awal ini dapat diringankan, sambil itu pula PERWAJA Steel dapat mengumpulkan untung dan satu rekod untung yang baik dalam masa tiga empat tahun yang akan datang, maka akan tiba masanya nanti bahawa PERWAJA Steel akan menjadi satu syarikat yang menarik untuk diserahkan kepada masyarakat umum untuk menilainya.

Mengenai saranan Yang Berhormat dari Pasir Mas supaya PERWAJA Steel memikul tanggungjawab untuk menjadikan PERWAJA sebagai satu syarikat yang menarik adalah diterima. Memang betul bahawa PERWAJA Steel sewajarnya membuat satu rekod yang baik dalam masa empat lima tahun yang akan datang untuk mengizinkannya menjadi satu syarikat yang menarik dan sambil itu pula memikul segala hutang-hutang, segala tanggungan-tanggungan yang belum dapat diselesaikan oleh pihak Kerajaan. Ingin saya menegaskan di sini bahawa Kerajaan Pusat tidak akan menyelesaikan kesemua tanggungan-tanggungan yang terkumpul hingga kini, hanya sebahagian daripadanya dengan

harapan bahawa baki yang besar tanggungan itu akan diselesaikan daripada sumber kejayaan PERWAJA Steel pada masa yang akan datang.

Jadi, jika sekiranya Yang Berhormat dari Pasir Mas mengatakan bahawa bebanan itu diserahkan kepada pemegang saham secara umum apabila disenaraikan, Tuan Yang di-Pertua, itu sewajarnya tidak menjadi tanggapan kepada kita kerana apabila diserahkan kepada masyarakat umum untuk membeli saham nanti ia sudahpun merupakan satu syarikat yang menarik untuk dipertimbangkan oleh masyarakat umum.

Mengenai soal tender pukal dan mengenai franchise holder, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa pihak Kementerian Kewangan akan mengamati perkara-perkara yang telahpun dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa yang saya faham kalau kita hendak bercakap tentang Belanjawan Islam itu, apa yang kita buat dan yang kita bentangkan, Yang Berhormat sepatutnya maklum untuk mengamatinya, kita maklumkan setiap butiran yang diperlukan seperti yang dituntut oleh peraturan Parlimen. Yang Berhormat agak tersilap sedikit mengenai soal Belanjawan bahkan Belanjawan 1990 sekali-kali tidak merupakan Belanjawan Pilihanraya. Barisan Nasional membuat keputusan untuk pergi kepada rakyat berdasarkan kepada satu Belanjawan yang agak biasa. Selepas pilihanraya barulah Kerajaan Barisan Nasional membentangkan satu Belanjawan yang boleh memberi tanggapan satu Belanjawan yang amat menarik sekali kalau hendak digunakan untuk tujuan pilihanraya. Jadi, adalah tidak benar dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa untuk mengatakan bahawa Belanjawan digunakan untuk kepentingan pilihanraya.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian bahawa baja dacing tidak mengenal siapa, tak kira sama ada penyokong Semangat 46, UMNO ataupun sesiapa akan diberikan mengikut keperluan mereka. Oleh yang demikian, Kerajaan Pusat tidak membuat apa juga diskriminasi kalau kita hendak merujuk tentang soal baja. Sekadarkan kita hendak pastikan bahawa sekurang-kurangnya rakyat jelata tak kira sama ada di Kelantan atau di seluruh negara bahawa mereka kenal peruntukan itu datangnya daripada Kerajaan Pusat. Jadi, kalau kita hendak bercakap.....

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri, Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya hendak tanya Yang Berhormat, bila baja cap dacing ini diedarkan nanti, agak-agak Yang Berhormat kalau orang PAS tengok di Kelantan nanti dia hendak terima atau tidak gambar dacing ini?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Saya sekadar menyarankan bahawa rakyat Malaysia jangan menzalimi diri mereka sendiri. Kalau ada rezeki yang baik cara itu, terimalah (*Tepuk*)

Satu lagi perkara tentang soal zalim ini, Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed (Kok Lanas): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada seorang lagi Yang Berhormat bangun.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya satu perkara sahaja.

Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersedia untuk menjawab bagi pihak Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian berhubung dengan baja ini, sebab saya difahamkan ini bukan Kementerian Yang Berhormat, tetapi kalau bersedia saya ingin mengemukakan untuk minta penjelasan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa mengatakan bahawa tak perlu Kerajaan Pusat bersusah payah untuk memastikan bahawa berlakunya pembangunan, maka perlukan kepada satu peruntukan untuk mewujudkan satu jentera di peringkat negeri Kerajaan Kelantan dan Sabah. Saya sekadarkan untuk menegaskan di sini bahawa menzalimkan diri kerana kecenderungan diri, kezaliman berlaku kerana apa juga heretan oleh pihak-pihak tertentu sepatutnya terhindar. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, keperluan peruntukan untuk membangunkan jentera Kerajaan Persekutuan di Kelantan dan Terengganu supaya menyambut perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, tetapi ada pihak di mana sentimen-sentimen yang negatif, yang tidak objektif yang berlaku di kampung-kampung pedalaman di mana dibangkitkan perasaan anti Kerajaan Pusat dengan tidak ada sebab-musababnya, maka jentera Kerajaan Pusat perlu wujud untuk memastikan bahawa anti Pusat itu tidak berlaku secara berleluasa.....

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: (*Bangun*)

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ramai yang bangun, Yang Berhormat beri jalankah?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Akhirnya, biarlah saya habiskan.....

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya tadi. Kalau bersedia, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Tadi saya tanya, tak jawab lagi soalan saya tadi.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Saya sudah jawab.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya tanya adakah pihak Timbalan Menteri bersedia untuk menjawab ataupun bertanggungjawab bagi pihak Kementerian Pertanian? Kalau bersedia, saya hendak minta beberapa penjelasan tentang perkara baja ini.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Saya sudah bercakap pada dasar, sekadarkan saya mengambil contoh baja sebagai satu contoh spesifik.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Satu lagi bangun, Tumpat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut bahawasanya kita anti kepada Kerajaan Pusat. Sebenarnya kita tidak anti kepada Kerajaan Pusat, tetapi kita anti kepada ketidakadilan dan diskriminasi yang telah dilakukan oleh Kerajaan Pusat.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, ada bidalan orang tua-tua: Siapa makan lada dia rasa pedas.

Saya rasa saya sudah jawab semua, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana membangkitkan perkara-perkara

yang mengizinkan saya untuk menjelaskan tentang dasar Kerajaan dan khususnya Belanjawan Tambahan kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sekarang saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak \$3,873,100,550 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan—

- (1) bagi tahun kewangan 1990, untuk menampung sejumlah \$191,369,110 bagi Maksudmaksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan

Pembangunan Tambahan Ketiga 1990 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 1991 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua-belas penyata tersebut; dan

- (2) bagi tahun kewangan 1991, untuk menampung sejumlah \$3,681,731,440 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang-ruang pertama Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1991 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 6 Tahun 1991 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua-belas penyata tersebut.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Jadual—

5.18 ptg.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada \$2,541,470,000 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 1990 bagi Maksud-maksud Bekalan B.2, B.4, B.5, B.7, B.10, B.13, B.19, B.26 hingga B.30, B.34, B.40, B.43, B.47, B.51, B.52 dan B.54 untuk Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan dan wang sejumlah tidak lebih daripada \$205,059,100 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1991

bagi Maksud-maksud Bekalan B.7, B.19, B.20, B.21, B.30, B.36, B.52, B.54 dan B.56 untuk Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan dijadikan Jadual.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Dan wang sejumlah tidak lebih daripada \$191,369,110 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil.3) Tahun 1990 bagi Maksud-maksud Pembangunan P.19, P.26, P.28, P.34, P.42, P.47, P.52, P.53 dan P.54 untuk Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 1991 dan wang sejumlah tidak lebih daripada \$3,681,731,440 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil.1) Tahun 1991 bagi Maksud-maksud Pembangunan P.7, P.8, P.14, P.16, P.18 hingga P.28, P.31, P.33 hingga P.36, P.39, P.40, P.44 dan P.46 hingga P.49 dan P.51 hingga P.55 untuk Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 6 Tahun 1991 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, saya telahpun menerangkan tentang keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan tambahan dalam Anggaran-anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 1990 dan 1991 dan juga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 1990 dan Tahun 1991 kelmarin. Di samping itu, penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan Anggaran-anggaran Tambahan ini adalah juga diberi dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3A Tahun 1991 dan 4A Tahun 1991 bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga, 1990 dan Tambahan Pertama 1991 dan Kertas Perintah 5A

Tahun 1991 dan 6A Tahun 1991 bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1990 dan Tambahan Pertama 1991. Oleh itu saya tidak berhajat untuk memberi apa-apa penerangan tambahan lagi.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Maksud B.2, B.4, B.5, B.7, dan B.10 [Jadual Pertama]—

Maksud B.7 [Jadual Kedua]—

Maksud P.7 dan P.8 [Anggaran Pembangunan Tamb. (Bil.1) 1991]—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.2, B.4, B.5, B.7, B.10 dan Kepala Pembangunan P.7 dan P.8 di bawah Jabatan Perdana Menteri dibuka untuk dibahas. Kepong.

5.23 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud B.4, B.5, B.7 dan juga P.7; dan Kertas Perintah 3 dan 3A serta juga Kertas Perintah 6 dan 6A.

Tuan Pengerusi, mengenai B.4 - Suruhanjaya Pilihanraya, tambahan sebanyak \$20,846,000 dikehendaki untuk membiayai perbelanjaan Pilihanraya Umum pada bulan Oktober, 1990. Kami memerhati bahawa Perbelanjaan menguruskan Pilihanraya bagi Pilihanraya Umum tahun 1986 hanya memerlukan tambahan sebanyak \$8,482,000 menerusi tambahan bekalan kedua 1986. Maka ini bermakna peningkatan kos perbelanjaan sebanyak \$12,364,000 atau 145.77%.

Tambahan paling hebat sekali adalah di bawah Kod Perkhidmatan dan Bekalan yang menerima tambahan perbelanjaan sebanyak \$20,504,000 iaitu 317.48% lebih daripada peruntukan yang tersedia ada. Bolehkah Kerajaan

memberitahu kami secara perbandingan dengan Pilihanraya 1986, yang pertama, bilangan stesen mengundi serta aliran kesemuanya yang telah disediakan dalam Pilihanraya Umum pada bulan Oktober 1990? Yang kedua, jenis-jenis pembelian bekalan serta perkhidmatan yang terlibat dalam perbelanjaan \$20,504,000 itu. Yang ketiga, bilangan kakitangan yang diperlukan untuk menguruskan proses pengundian, dan keempat, jumlah perbelanjaan bagi setiap negeri dalam Pilihanraya Umum pada bulan Oktober 1990.

Memang saya memahami bahawa ada sistem pengundian yang baru bagi tahun lepas dan tidak serupa dengan Pilihanraya-pilihanraya sebelum 1990. Ini bermakna pihak Suruhanjaya Pilihanraya terpaksa mengadakan perbelanjaan yang lebih banyak sehingga nampaknya lebih 145%. Kerana tambahan yang begitu banyak pihak Kementerian terpaksa memberi penjelasan lebih teliti, yang lebih terperinci untuk memberitahu Dewan yang mulia ini bagaimana wang yang begitu banyak, peningkatan keperluan yang begitu banyak yang digunakan oleh pihak Suruhanjaya Pilihanraya di dalam melaksanakan tugasnya. Ini satu perkara yang penting sekali untuk pihak kami kerana kalau tidak dapat dijelaskan dengan teliti, maka kita takut pihak Suruhanjaya menganggap pihak kami tidak mengambil perhatian.

B.5 - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Tambahan \$580,300 diminta untuk percetakan borang-borang Kerajaan, kertas soalan peperiksaan dan urusan temuduga bagi jawatan Pakar Perubatan di India, Bangladesh, Indonesia dan sewa ruang pejabat serta kerja pengubahsuaian pejabat Cawangan Sabah.

Soal utama yang ingin saya sentuh ialah wang tambahan \$101,600 yang dibelanjakan di bawah Program Pengambilan dan Unit Komputer, Mukasurat 14, Kertas Perintah 3 Tahun

1991, iaitu berkaitan urusan temuduga jawatan Pakar Perubatan di India, Bangladesh dan Indonesia, satu soalan yang menimbulkan kontroversi, yang menunjukkan kekurangan pertanggungjawapan pihak Kementerian Kesihatan.

Menurut satu temuramah dengan punca Utusan Malaysia yang diedarkan pada 5 Januari 1991, Yang Berhormat Menteri kesihatan mengatakan negara kini mempunyai 67 orang doktor dan 58 orang pakar perubatan asing yang sedang berkhidmat dengan Pusat Kesihatan Kerajaan secara kontrak. Bolehkah Kerajaan memberi pecahan mengikut kepakaran serta negara asal pegawai-pegawai perubatan kontrak asing ini serta purata tahun pengalaman mereka? Adakah tambahan peruntukan \$101,600 itu berhubungan dengan perlantikan doktor-doktor ini? Jika tidak, adakah perbelanjaan dibuat untuk kumpulan 59 orang lagi pakar perubatan baru yang akan diambil untuk mengisi kekosongan.?

Menurut Yang Berhormat Menteri Kesihatan sewaktu pertemuan beliau dengan Panca, tawaran bagi jawatan akan dikeluarkan tidak lama lagi dan kumpulan itu merupakan kumpulan pertama yang akan diambil secara kontrak. Bolehkah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam memberitahu kami bilakah tawaran bagi jawatan akan dikeluarkan? Apakah jenis-jenis kepakaran yang akan diisi oleh kumpulan pertama pegawai perubatan kontrak asing ini?

Kami kurang faham maksud Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang mengatakan kumpulan berkenaan berupa kumpulan pertama yang akan diambil secara kontrak. Di bawah keadaan sedemikian, apakah status perkhidmatan pegawai-pegawai perubatan asing yang tersedia ada dalam Perkhidmatan Kerajaan? Jika mereka bukan secara kontrak, jika memang ada status perkhidmatan berlainan, bolehkah SPA menerangkan

mengapa sistem kontrak diwujudkan sekarang tetapi tidak pula sejak awal-awal lagi untuk merangkumi semua pegawai perubatan asing?

Apakah perbezaan-perbezaan yang terdapat di antara status perkhidmatan doktor asing mengikut sistem lama dengan secara kontrak khususnya di segi kelayakan, pengalaman, tempoh perkhidmatan, syarat perkhidmatan, tanggagaji, tugas-tugas dalam perkhidmatan atau sebarang kelebihan lain?

Secara perbandingan dengan pakar-pakar perubatan tempatan, apakah perbezaan-perbezaan dalam perkhidmatan, pampasan perkhidmatan termasuk tanggagaji serta sebarang keutamaan atau kelebihan kewangan, fizikal atau latihan, tugas, kelayakan dan pengalaman di antara doktor tempatan dengan doktor kontrak asing dan doktor asing di bawah sistem perkhidmatan bukan kontrak, andainya ada sistem sedemikian. Adakah urusan temuduga berjalan di India, Bangladesh dan Indonesia? Siapakah yang menganggotai rombongan ke negara-negara ini untuk tujuan temuduga para pemohon di setiap negara berkenaan? Berapa orang pakar perubatankah yang telah membuat permohonan berbanding dengan bilangan mereka yang dipanggil untuk temuduga? Apakah peranan SPA di dalam temuduga-temuduga ini?

Tuan Pengerusi, adakah urusan temuduga juga dijalankan di luar negara bagi perlantikan pakar-pakar perubatan asing sebelum ini? Jika ya, negara-negara manakah yang terlibat? Apakah kos perbelanjaan yang perlu dibuat semasa itu di setiap negara yang terlibat berbanding dengan kos perbelanjaan yang dibuat sekarang iaitu di bawah tambahan perbekalan ini bagi temuduga masing-masing di India, Indonesia dan Bangladesh?

Tuan Pengerusi, soalan-soalan seperti ini adalah perlu dijawabkan kerana pada akhir-akhir ini saya nampak banyak

kenyataan daripada pihak Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk menerangkan perkara-perkara seperti ini termasuk masalah jururawat di mana kadangkala kenyataan itu tidak dapat membayangkan keadaan yang sebenar.

Misalnya, Tuan Pengerusi, satu dua hari yang lepas—ini satu misalan sahaja untuk menerangkan soalan-soalan saya—Yang Berhormat Menteri Kesihatan ada kata beliau akan membenarkan pihak jururawat-jururawat asing untuk diambil secara kontrak dan bayaran gaji itu adalah lebih daripada bayaran kepada Jururawat-jururawat tempatan. Jadi kenyataan seperti itu memang menimbulkan kontroversi di kalangan jururawat-jururawat tempatan. Mereka memang tengok keadaan sedemikian di mana adalah baik bagi mereka bersara dan kemudian memohon untuk mendapat kontrak seperti itu kerana gajinya lebih lumayan. Itulah kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang kurang tepat kerana menimbulkan kontroversi. Memang amalannya ialah untuk menimbulkan kontroversi. Begitu juga dengan pengambilan dan temuduga untuk pakar-pakar asing, walaupun kita sedar bahawa pakar-pakar asing ada berkhidmat di negara ini untuk bertahun-tahun. Dan ada setengah-setengah itu memang pakar benar dan memberi sumbangan yang kita hargai.

Tetapi, pada akhir-akhir ini kita nampak daripada Myanmar banyak, Tuan Pengerusi. Daripada Myanmar ini memang.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, tunggulah bercakap di bawah B.14.

Dr Tan Seng Giaw: Boleh, Tuan Pengerusi. Maksud B.14 pun boleh juga.

Tuan Pengerusi: Sekarang tidak boleh.

Dr Tan Seng Giaw: Tidak boleh, tidak apa. Boleh juga kerana ini kenamengena dengan temuduga untuk pakar-pakar perubatan. Jadi relevant juga.....

Tuan Pengerusi: Ya, sila teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: B.7 – Jabatan Perdana Menteri. Tambahan sebanyak \$135.1 juta diminta untuk membiayai projek-projek kecil infrastruktur, kemudahan-kemudahan awam dan sosial serta keagamaan. Setiap tahun kewangan, tambahan perbekalan diminta untuk tujuan-tujuan ini. Buktinya bagi tahun kewangan 1987 dalam Tambahan Pertama, \$50 juta didahulukan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka bagi tahun kewangan berikutnya iaitu 1988, \$50 juta lagi diminta semasa Tambahan Perbekalan Pertama. Dalam Tambahan Perbekalan Kedua tahun 1989, \$82.9 juta diminta.

Tuan Pengerusi, jelas sekali jumlah wang yang diminta ini bukan sahaja kian bertambah tetapi kerap juga. Kami tidak memahami mengapa Kerajaan tidak memperuntukkan Butiran atau Program tersendiri bagi perbelanjaan ini kerana ia bukan sahaja kerap berlaku setiap tahun tetapi juga berjumlah besar.

Apabila Kerajaan menggulungkan perbelanjaan ini di bawah Unit Penyelarasan Perlaksanaan, Pentadbiran Am—Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap, kami sendiri tidak tahu sama ada wang itu benar-benar digunakan untuk tujuan yang disebutkan. Walaupun dengan Kodnya yang tersendiri ia masih sukar untuk mengesyorkan perbelanjaan memang dibuat ke atas projek-projek kecil, sekurangnya peruntukan-peruntukan wang ini tidak hilang lenyap daripada pemikiran dan menjelma wujud hanya apabila perbekalan tambahan diminta.

Tuan Pengerusi, saya akan menjelaskan perkara ini sekejap lagi. Sekarang Kerajaan hanya perlu memberitahu tentang perbelanjaan dalam tambahan perbekalan dan nota penjelasan ringkas dan tidak mempunyai maklumat yang betul-betul bermakna untuk penelitian Dewan. Sebaliknya sebagai satu Butiran atau Program dia yang tersendiri, terdapat setiap kali Belanjawan dibentangkan, Kerajaan tidak hanya perlu memperuntukkan jumlah wang yang tetap, akan tetapi mungkin kita boleh memperoleh maklumat yang lebih lanjut dan jelas dalam Anggaran Belanjawan di mana Kerajaan perlu menerangkan tujuan, penerangan dan prestasi aktiviti yang lebih tertentu, lebih spesifik, lebih khusus dari tahun ke setahun.

Sekarang kami hanya ada kata-kata Kerajaan sahaja yang perbelanjaan telah dibuat. Sejauh manakah wang itu benar-benar dibelanjakan untuk jumlah yang disebutkan, kami tidak dapat pastikan, apatah lagi kandungan projek serta penerima akhir projek. Apakah sebabnya Kerajaan enggan menyediakan butiran atau Program tersendiri untuk perbelanjaan pembangunan yang berlaku setiap tahun dan bernilai berjuta-juta malah beratus juta ringgit.

Tuan Pengerusi, memandangkan amaunnya kira-kira \$135.1 juta iaitu amaun yang sebegitu besar untuk projek-projek kecil infrastruktur, kemudahan-kemudahan awam dan sosial serta keagamaan, dan butir-butirnya tidak disediakan dalam Kertas Perintah dan juga Kertas Statut, memang kita perlu adakan satu penjelasan dengan lengkap, dengan penuh terperinci kerana di pihak kami memang khuatir wang sebegitu besar digunakan untuk setengah-setengah Ahli-ahli Parlimen sahaja untuk projek-projek kecil. Baik kita senaraikan mana Ahli Parlimen yang dapat banyak sumbangan seperti ini. Adakah? Pihak kami dari DAP tidak tahu sumbangan

seperti ini dibayar kepada kawasan pihak kami. Tetapi memang mungkin dibayar kepada kawasan-kawasan lain dan kalau ada, kita sediakan satu senarai di sini untuk direnungkan oleh semua Ahli Parlimen untuk memastikan sama ada wang digunakan tepat, dengan betul, dengan wajar. Itulah, Tuan Pengerusi. Sebenarnya ini semua wang rakyat. Kalau kita hendak berikan kepada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional sahaja, itu tidak adil, mesti diberi kepada semua Ahli Parlimen yang ada di dalam Dewan yang mulia ini untuk memuliakan Dewan Rakyat.

Tuan Pengerusi, satu lagi, Kertas Perintah 6A, P.7—Butiran 04000—Penyertaan Bumiputera di Pulau Pinang—tambahan \$19 juta. Sebahagian besar daripada tambahan dibelanjakan untuk mengambil balik tanah bagi setiap satu persatu projek yang disebutkan di mukasurat 5 Kertas Perintah 6A/1991. Bolehkah Kerajaan menghuraikan yang pertama, jumlah wang yang sebenarnya dibelanjakan untuk membeli balik tanah. Ini sangat penting kerana dengan adanya Rang Undang-undang yang meminda Akta Pengambilan Tanah yang sedang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini, kita hendak tahulah jumlah wang yang sebenar dibelanjakan untuk membeli balik tanah; yang kedua, jumlah wang yang dibayar untuk perkhidmatan kerja ukur atau kerja awal di mana berkenaan; ketiga, pemilik asal kepingan-kepingan tanah yang diambil balik, terutama sekali di Batu Feringgi; dan yang keempat, lokasi lima keping tanah serta luas masing-masing yang Kerajaan bercadang mengambil balik sebagai bahan tanah pada nilai \$13,563,089. Pada keseluruhannya, apakah jumlah luas tanah yang ditakrifkan sebagai tanah milik bumiuputera di Pulau Pinang? Apakah peratusan ini berbanding dengan masa 10 tahun lalu? Apakah pula luas serta nilai tanah semasa yang telah diambil balik oleh Kerajaan di bawah butiran ini? Seberapa manakah tanah ini telah diusahakan? Apakah kriteria-kriteria

yang digunakan oleh Kerajaan dalam menentukan kepingan manakah yang akan diambil balik di bawah Butiran ini?

Tuan Pengerusi, memandangkan ada satu pindaan ke atas Akta Pengambilan Tanah di dalam Dewan yang mulia ini, memang soalan-soalan seperti ini mestilah dijawab kerana kita khuatir dengan meluluskan Rang Undang-undang ke atas Akta Pengambilan Tanah itu, maka banyak penyelewengan boleh berlaku. Kalau hari ini kita tidak nampak ada jawapan mengenai soalan-soalan terhadap tanah ini, ini menunjukkan lain kali setelah pindaan ke atas Akta Pengambilan Tanah diluluskan di dalam Dewan ini akan berlakunya banyak perkara-perkara yang tidak diinginkan.

Tuan Pengerusi, Butiran 06600-Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia-tambahan \$1.4 juta. Wang tambahan ini diminta untuk membiayai bayaran terakhir projek Restoran Melayu. Kami kurang faham mengapa buat kali ini tambahan diminta diluluskan di bawah Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, walhal selama ini tambahan peruntukan diminta di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, iaitu P.22. Projek ini merupakan projek baru yang dilancarkan dalam tahun 1989 sempena Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Negara Komanwel yang berlangsung pada bulan Oktober, 1989 untuk menunjukkan kepada para tetamu begitu tingginya keupayaan Kerajaan. Anggaran kos asal projek ialah \$2.5 juta dan pada bulan Jun, 1990 di bawah Tambahan Pertama 1990, projek ini menerima tambahan \$2,347,500, perbelanjaan sebenarnya yang dibuat dan mengikut rekod tambahan pertama itu ialah \$152,454. Sekarang \$1.4 juta lagi diminta untuk projek ini di bawah Tambahan Pertama 1991.

Berapa banyakkah lagi wang yang akan diperlukan? Apakah perbelanjaan sebenarnya? Pada asalnya diletakkan \$2.5 juta dan tiap-tiap kali ada perbekalan tambahan, diminta pula untuk ditambahkan walhal Ketua-ketua Kerajaan Negara Komanwel sekarang tidak ada lagi di dalam negeri ini. Entahlah berapa tahun lagi akan diambil untuk menjayakan projek seperti itu dan kos yang mutakhirnya akan meningkat sampai ke mana?

Itulah soalan-soalan yang penting daripada pihak kami untuk dijawab oleh pihak Kerajaan yang setakat ini kurang bertanggungjawab untuk menjawab semua soalan yang berpenting sebegini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Tumpat.

5.47 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat): Tuan Pengerusi, pertama sekali saya akan menyentuh mengenai Jabatan Perdana Menteri—P.7, Butiran 06600—Sistem Maklumat Islam. Anggaran Perbelanjaan ialah \$2,599,00.

Tuan Pengerusi, saya mengalu-alukan di atas Jabatan ini yang telah ditubuhkan di Jabatan Perdana Menteri. Kita tidak tahu sejauh manakah maklumat-maklumat tentang hal ehwal yang berhubung dengan Islam dapat dikumpulkan di sini. Saya merasakan untuk sesi yang akan datang perlulah pihak Jabatan ini membuat laporan kepada kita Ahli-ahli Parlimen sekalian. Sekarang saya membawa kepada Tabung Haji.

Tuan Pengerusi: Di bawah mana itu, Yang Berhormat?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Di bawah Sistem Maklumat Islam, di bawah 06600, iaitu apa yang telah berlaku di Tanah Suci

Makahtulmukarramah. Mungkin perkara ini telah berlaku beberapa tahun yang lepas.....

Tuan Pengerusi: Di bawah mana, Yang Berhormat? Butiran 06600?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: 06600—Sistem Maklumat Islam.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, itu 06700.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: 06700, minta maaf, Tuan Pengerusi, tersilap.

Yang pertama tentang apa yang kita telah difahamkan bahawasanya pihak Tabung Haji telah mengenakan kepada Jemaah Haji Malaysia ini yang akan ke Mekah pada tahun ini, kemungkinan perkara ini telah berjalan beberapa tahun yang lepas iaitu setiap jemaah haji mesti membayar kepada Tabung Haji sebanyak \$80 seorang. Wang ini adalah wang rawatan kesihatan.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, setahu saya, tajuk ini adalah untuk Jabatan dan Majlis Agama Islam Negeri-negeri.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tabung Haji ini terletak di bawah mana, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Jika tidak disebut di sini, kita tidak boleh berucap, tidak disebutkan kerana ia tidak bersangkutan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tidak boleh masuk di dalam Sistem Maklumat Islam?

Tuan Pengerusi: Tidak boleh, kerana kita berucap di atas duit yang digunakan untuk apa, yang itu sahaja.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih. saya akan pindah kepada tajuk yang lain.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih. Saya akan pindah kepada tajuk yang lain.

Tuan Pengerusi, P. 34 mukasurat 38. B. 34.....

Tuan Pengerusi: B. 34, di mana itu B. 34 di bawah mana itu?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Kertas Perintah.

Tuan Pengerusi: Tidak, di bawah Jabatan Perdana Menteri?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tidak, Kementerian Kesihatan. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi: Tidak boleh. Sekarang Yang Berhormat, kita bercakap daripada satu jabatan kepada satu jabatan. Tadi saya kemukakan anggaran-anggaran perbelanjaan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Sekarang kita bercakap Jabatan Perdana Menteri, selepas itu apabila sampai Kementerian Kesihatan, saya kemukakan pula, berucaplah di atas Kementerian Kesihatan. Begitulah peraturannya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya minta maaf. Saya mahu minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya rasa yang akan saya sentuh nanti berhubung dengan beberapa persoalan yang berlaku di tanah suci terhadap orang Islam. Saya rasa ada hubungan rapat dengan Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi: Tidak Yang Berhormat, kita sekarang dalam Committee.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Sebab dalam Jabatan Perdana Menteri itu ada satu jabatan yang bernama Sistem Maklumat Islam untuk mendapatkan maklumat-maklumat.

Tuan Pengerusi: Ya, sekarang kita dalam Committee Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Apa yang ingin tahukan apakah maklumat-maklumat seperti ini telah pun diperolehi oleh Jabatan Perdana Menteri. Misalnya, maklumat yang pertama apa yang telah dialami oleh jemaah haji.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, berkenaan dengan jemaah haji tidak disebut di dalam ini, tidak boleh berucap di dalam Jawatankuasa tetapi di dalam principle, dasar itu bolehlah dan dalam Jawatankuasa dia kena hadkan kepada butir-butir yang diminta.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Jadi, tidak boleh dimasukkan di bawah Sistem Maklumat Islam?

Tuan Pengerusi: Tidak boleh Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima Kasih.

Tuan Pengerusi: Pasir Mas, jangan panjang sangat Yang Berhormat kerana kita ada dua hari dalam Jawatankuasa ini, banyak Kementerian-Kementerian yang akan dibahaskan. Silakan.

5.53 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Pengerusi, insya Allah, saya memang pendek. Tidak meleretlah, insya Allah. Saya hendak rujuk kepada P. 7 Program Khas Bina Semangat—butiran 05300 peruntukan tambahan sebanyak \$2 juta, dan ini untuk program

membina Kem Semangat di Perak, Negeri Sembilan, Pahang dan Terengganu.

Jadi, saya ingin mengetahui bagaimanakah rancangan ataupun ada atau tidak rancangan Program Khas Bina Semangat di Kelantan. Saya percaya kem seumpama ini amat diperlukan di Kelantan sekarang ini memandangkan suasana yang wujud supaya belia-belia ataupun semua pihak golongan dapat menggunakan Bina Semangat ini untuk tujuan sebagaimana yang termaktub dalam dasar sebelum ini.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua, saya ingin merujuk kepada Butiran 06600 Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia – \$1.4 juta. Apakah perbadanan ini akan terus kekal di bawah Jabatan Perdana Menteri, saya kira sudah sesuai sekarang ini, perbadanan seumpama ini dipindah ke Kementerian lain seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ataupun Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sesuai dengan fungsi Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia ini.

Dan Butiran 06800 – Muzium Islam. Saya sukalah mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana telah mengambil langkah membina Muzium Islam dan kita harap Muzium Islam ini akan menjadi sebuah muzium yang terkemuka, bukan sahaja dapat menarik pelancong di negara kita tetapi juga dapat menyimpan khazanah-khazanah yang ada hubungkait dengan budaya ilmu Islam dan kita harap dapat digunakan oleh generasi kita dengan sebaik mungkin.

Tuan Pengerusi, tinggal lagi peruntukan \$1 juta ini saya tengok di sini untuk belanja membeli replika pedang zulfakar, beberapa manuskrip Islam dan tembikar. Ini pedang daripada mana dan macam mana hendak beli ini, rundingan harganya macam mana dan

apakah manuskrip Islam yang hendak dibelikan nanti, daripada negeri mana yang hendak dibeli dengan belanja semuanya di sini ialah tambahan sebanyak \$1 juta.

Tuan Pengerusi: Bukan yang hendak dibeli Yang Berhormat, yang telah dibeli.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Yang telah dibeli, maaf, itu tersilap, yang telah dibeli.

Tuan Pengerusi, dan seterusnya buat akhirnya, saya ingin hendak menjuruskan lagi persoalan yang saya bangkit di waktu berucap di bawah Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini mengenai dengan Jabatan Peguam Negara – B. 10 – \$959,800 dan saya ingin bertanya dengan lebih terperinci mengenai dengan kedudukan Jabatan Peguam Negara yang sekarang ini berada di bawah Jabatan Perdana Menteri, manakala kita sudah wujud Kementerian Kehakiman.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, itu dasar, tidak usahlah.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tidak mengapalah, sudah sebut, okaylah.

Tuan Pengerusi: Dasar itu, jika hendak pindah, itu dasar.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tidak mengapalah, saya pun tidak sebut lagi, sebab saya sudah sebut. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Tanjong, selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.56 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Pengerusi, saya ada beberapa perkara sahaja. Yang pertama, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga, 1990, Maksud B. 4 mengenai peruntukan tambahan sebanyak \$20

juta untuk membiayai perbelanjaan Pilihanraya Umum pada bulan Oktober 1990. Saya tidak akan ulangi apa yang kita sudah kata dalam Dewan yang mulia ini tetapi satu perkara yang mahu bangkitkan di sini ialah apabila Suruhanjaya Pilihanraya membuat persediaan untuk mengadakan Pilihanraya Umum, antara langkah-langkah yang diambil ialah exercise untuk mendaftar pengundi-pengundi. Dan masa itu kita semua tahu oleh kerana perkara ini ada dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa Suruhanjaya Pilihanraya adalah disuruh, adalah diarah oleh pihak Kerajaan untuk membuat snap exercise pendaftaran undi dalam tempoh 28 hari sahaja. Sungguhpun dalam Perlembagaan ada peruntukan untuk mengadakan 42 hari dan masa itu ada pengumuman dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya bahawa exercise kedua akan diadakan lagi 14 hari supaya peruntukan yang mewajibkan 42 hari pendaftaran pengundi-pengundi setiap tahun akan dipenuhi, tetapi ini tidak dibuat. Saya mahu tahu kenapa tidak dibuat? Bukankah ini satu bukti yang jelas bahawa snap voters registration campaign, dengan izin, pada Februari tahun lalu sebenarnya dipengaruhi, diarah oleh pihak Kerajaan dan ini membuktikan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya apabila membuat persediaan untuk pilihanraya besar tidaklah bebas semacam diwajibkan, diperuntukkan dalam Perlembagaan. Itu perkara satu.

Perkara yang kedua ialah mengenai Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1991 Maksud B. 7 di mana ada peruntukan tambahan sebanyak \$5 juta atau dekat \$6 juta— B. 7—Jabatan Perdana Menteri untuk menampung perbelanjaan mengurus Jabatan Pembangunan Persekutuan di Kelantan dan Sabah. Inilah satu peruntukan yang boleh dikatakan dilahirkan oleh kerana persengketaan yang berlaku di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Sabah dan

Kerajaan Kelantan di mana Kerajaan Persekutuan tidak mahu lepas tangan dan mahu terus menganiayai penduduk-penduduk di Sabah dan di Kelantan. Tentulah kalau tujuan ada satu Jabatan Pembangunan Persekutuan di Kelantan dan di Sabah ialah untuk menjalinkan hubungan, untuk mengeratkan hubungan antara rakyat di Kelantan dan rakyat di Sabah dengan Persekutuan, kita mengalu-alukan. Tetapi nampaknya itu bukanlah tujuan Jabatan Pembangunan Persekutuan. Tujuan ialah ada satu sistem parallel government di Kelantan, satu sistem parallel government di Sabah bahawa Kerajaan yang dipilih oleh rakyat baik pun di Kelantan ataupun di Sabah bolehlah, dengan izin, undermine. Saya rasa kalau itulah tujuan Jabatan Pembangunan Persekutuan di Kelantan dan di Sabah, itu bukan demi kepentingan baik pun rakyat Kelantan, rakyat Sabah ataupun rakyat Malaysia.

Dan saya harap bahawa Kerajaan boleh ambil perhatian dalam perkara ini bagi menentukan bahawa Jabatan Pembangunan Persekutuan bukan satu sistem parallel government tetapi satu sistem di mana boleh membantukan, boleh bekerjasama dengan erat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri yang dipilih oleh rakyat, oleh penduduk-penduduk di kedua-dua negeri itu, sama ada Kerajaan suka atau tidak suka, Kerajaan Persekutuan patut mengiktirafkan Kerajaan Negeri yang dipilih dan patut memberhentikan semua langkah-langkah diskriminasi, langkah-langkah victimization yang sedang berlaku.

Satu perkara lagi ialah Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 1990, Maksud T. 13—Pencen, Elaun Bersara dan Ganjaran, Maksud B. 5—Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, di sini saya mahu sebut sahaja bahawa apa yang saya kata dalam perbahasaan Bacaan Kedua, khasnya mengenai masalah PTA/PTD yang dalam dua-tiga tahun ini ada diambil perhatian. Saya harap bahawa Kerajaan

mengambil perhatian yang serius, khasnya bahawa sesiapa yang akan bertanggungjawab dalam perkara ini boleh memberikan satu penjelasan, khasnya oleh kerana semua pegawai dan kakitangan Kerajaan di depan dan di belakang sini menunggu apa pendirian Kerajaan.

Di sini juga saya mahu sebut sedikit mengenai Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1991 di bawah Maksud T. 4. Tuan Yang di-Pertua, Dewan Negara ada peruntukan tambahan sebanyak \$180,000 untuk membiayai kereta rasmi dan perbelanjaan membaiki rumah kediaman rasmi. Memanglah kita tidak ada apa-apa bantahan dalam perkara ini, tetapi saya mahu buat observation sahaja iaitu kita harap sesiapa yang bertanggungjawab dalam menjalankan tugas mengenai perbelanjaan Dewan Parlimen akan mengambil perhatian supaya kemudahan-kemudahan untuk Ahli-ahli Parlimen diberi, khasnya kelengkapan fax, komputer, baikpun 5.2 atau 5.5 disk, semua itu patut diadakan. Kita dalam era moden, era teknologi, kita sebut mengenai S&T, R&D, tetapi dalam Parlimen tidak ada fax digunakan untuk Ahli Parlimen, tidak ada komputer untuk Ahli Parlimen. Itu saya rasa sangatlah 'backward'.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya menyentuh Maksud B.7 di bawah Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga, 1990, Jabatan Perdana Menteri ialah tambahan sebanyak \$135 juta untuk membiayai projek-projek kecil infrastruktur, kemudahan-kemudahan awam dan sosial serta keagamaan. Sangat jelaslah bahawa ini satu peruntukan di mana Kerajaan Barisan Nasional ada menggunakan wang ini (\$135 juta) untuk tujuan Pilihanraya Umum 1990 dan sekarang Dewan ini diminta untuk meluluskan apa yang telah dibelanjakan

untuk Pilihanraya Umum tahun lalu, suatu bukti politik wang atau, dengan izin, politics of money dan saya haraplah bahawa penyalahgunaan kuasa semacam ini tidak akan berlaku lagi di masa depan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.04 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat telah pun mengambil bahagian membahaskan peruntukan-peruntukan yang telah diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri iaitu Ahli-ahli dari Kepong, Pasir Mas, Tanjong dan sedikit dari Tumpat.

Tuan Pengerusi, pertambahan yang tinggi di dalam perbelanjaan Pilihanraya Umum yang lalu, sepertimana Yang Berhormat dari Kepong menyebutkan tadi adalah benar bahawa Suruhanjaya Pilihanraya terpaksa menggunakan jumlah kakitangan yang ramai, tempat-tempat yang diperlukan untuk pembuangan undi kerana sistem pembuangan undi yang telah dipinda atau diubah daripada pengiraan setempat telah dibuat pada tempat-tempat pengundian itu sendiri. Dengan itu adalah jelas bahawa peruntukan terpaksa digunakan untuk menampung perbelanjaan-perbelanjaan yang diperlukan. Sebenarnya keadaan bilangan pekerja-pekerja yang ditentukan bagi sesuatu kawasan pemilihan undi itu bergantung kepada jumlah pengundi bagi sesuatu tempat. Jadi, bermakna tidak tepat jumlah bagi semua kawasan ataupun tempat pemilihan undi yang dijalankan pada sesuatu masa. Jadi, jumlah ini ialah kerana hendak menampung perbelanjaan yang telah pun jelas dijalankan oleh pihak Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga telah menyebutkan tentang soal pendaftaran pengundi, soal pendaftaran secara snap ini, saya hendak menjelaskan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya tidak pernah menerima arahan-arahan daripada Kerajaan untuk menjalankan pendaftaran secara segera, secara tergesa-gesa ini, memang ada peraturan-peraturan tertentu yang dijalankan dan sememangnya Kerajaan sedang merancang untuk menjalankan kempen pendaftaran ini sepanjang masa, cuma Kerajaan memikirkan di mana tempat-tempat yang perlu digunakan oleh Kerajaan untuk mengeluarkan Borang-borang Pendaftaran ini bagi kemudahan kepada semua rakyat yang bertanggungjawab yang hendak mengambil bahagian di dalam pilihanraya bagi menunjukkan bahawa mereka mempergunakan hak mereka sebagai seorang warganegara.

Saya mengharapkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat, semua Ahli Yang Berhormat, baik Pembangkang ataupun pihak Kerajaan, bersama-sama memainkan peranan untuk menyedarkan rakyat tentang kepentingan mereka untuk mendaftarkan diri sebagai seorang pengundi dalam masa pilihanraya, sebagai seorang pemilih bagi mereka menunaikan kewajipan mereka dalam sesuatu pilihanraya. Jadi, soal SPR menerima arahan daripada Kerajaan, inilah soal yang tidak harus ditimbulkan kerana telah berkali-kali dijelaskan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya adalah Suruhanjaya yang bebas, yang menjalankan kewajipan dan tanggungjawab mereka dengan peraturan-peraturan yang sedia ada.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga telah menyebutkan soal peruntukan di bawah Maksud B. 5, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), mengenai temuduga pakar-pakar perubatan di India, Bangladesh dan di Indonesia. Pecahan-pecahan diperlukan. Saya ingin

menjelaskan kepada Yang Berhormat, pecahan-pecahannya adalah seperti berikut, kalau Yang Berhormat berminat iaitu:

- (1) Tuntutan Perjalanan di bawah Kod 21000 berjumlah \$48,000
- (2) Di bawah Kod 28000 Penyelenggaraan Komputer \$53,600.

Jumlah: \$101,600

Di bahagian pentadbiran iaitu:

- (1) Di bawah Kod peruntukan 21000—Mengadakan Forum Percambahan Fikiran di Fraser's Hill berjumlah \$37,700.
- (2) Di bawah Kod peruntukan 270000—Mencetak Surat Akaun Pendaftaran dan Borang SPA1 (Pindaan 6) 1990 berjumlah \$18,500.
- (3) Peruntukan di bawah Kod 2800—Penyelenggaraan Mesin Peralatan Heavy Duty, Fire Alarm dan Pembaikan Kenderaan Jabatan berjumlah \$58,400.
- (4) Di bawah Kod 29000—Bayaran Iklan Pakar Perubatan di luar negeri—India, Bangladesh dan Indonesia berjumlah \$75,300.
- (5) Bayaran-bayaran tuntutan minuman, makanan mesyuarat Suruhanjaya, Mesyuarat Bahagian dan Temuduga sebanyak \$11,000.
- (6) Bayaran Iklan di Sabah dan Sarawak, dua kali iaitu Jun, 1990 dan Julai 1990 sebanyak \$18,000.
- (7) Perbelanjaan untuk menyediakan dan mengadakan Ujian Psikologi, sebanyak \$8,300.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, mengapa kata “psikologi” itu tunjuk kepada pihak kepala?

Tuan Othman bin Abdul: Sebab Ahli Yang Berhormat dari Kepong selalu sebut “psikologi”.

Tuan Pengerusi, bagi negeri Sarawak, penggunaan perjalanan dan elaun di bawah Butiran 21000 \$166,000; Butiran 29000 \$32,200. Negeri Sabah, Butiran 24000 \$115,600 Kadar Sewa Bangunan yang naik; Butiran 29000 \$5,000—Percetakan Borang; Butiran 35000 \$39,000—Telefon dan kelengkapan bilik mesyuarat.

Untuk makluman Yang Berhormat, bahawa urusan temuduga Pegawai-pegawai Perubatan, Pakar Perubatan Luar Negeri secara kontrak memang telah lama ada, bukan sahaja baru diadakan. Pegawai kontrak ini dalam perkhidmatan Kerajaan memang telah lama, Kerajaan bukan sekadar mengadakan Pegawai Kontrak hanya untuk mengambil pakar perubatan dari India, Bangladesh dan Indonesia.

Untuk makluman Yang Berhormat ini telah dijalankan sendiri oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Pegawai-pegawai dari Kementerian Kesihatan turut membantu di dalam urusan temuduga tersebut. Jadi, perbezaannya dari segi perkhidmatan yang utama ialah dari segi umur calon. Pegawai-pegawai Perubatan luar negeri kebanyakannya adalah telah melebihi umur maksima yang ditetapkan dan syarat-syarat perkhidmatan yang lain adalah sama. Maksudnya bahawa perbezaannya adalah lebih ramai pakar perubatan yang diambil oleh Kerajaan ini mempunyai umur yang lebih tua. Itu sahaja syarat yang berlebihan, lain-lain syarat adalah sama kesemuanya dengan syarat perkhidmatan yang ada.

Untuk makluman Yang Berhormat juga bahawa urusan pengambilan ke jawatan Pegawai Perubatan dan Pakar Perubatan luar negeri yang secara kontrak telahpun selesai dijalankan. Tawaran telahpun dikeluarkan dan sekarang ini hanya menunggu urusan

Imigresen untuk membolehkan mereka masuk ke dalam negara kita.

Ahli Yang Berhormat juga telah menyebut tentang B. 7, Projek-projek kecil yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Keraguan Yang Berhormat mengenai adakah benar wang-wang ini digunakan untuk kepentingan masyarakat.

Tuan Pengerusi, sukalah kita menjelaskan bahawa pihak Kerajaan sentiasa mengambil daya usaha untuk memastikan setiap perbelanjaan yang dijalankan untuk kepentingan masyarakat akan sampai terus kepada masyarakat dan rakyat ramai akan menggunakannya dan kita tidak boleh menolak keraguan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Pembangkang yang sememangnya akan melihat dari perspektif mereka sahaja dan tidak akan memberi gambaran yang baik walaupun memang ada kebaikan yang banyak dan kita lihat tidak banyak kebaikan yang ditimbulkan oleh Pembangkang untuk menentukan bahawa sesuatu projek itu dijalankan dengan baik atau tidak. Insyallah saya akan menjelaskan dan menerima keyakinan kepada Yang Berhormat bahawa wang ini tidak akan hilang. Beliau juga menyebutkan di mana butir-butirnya dan apa yang akan dibelanjakan. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan telah menjelaskan agak panjang di dalam membentangkan Anggaran Belanjawan ini perkara-perkara yang perlu dijalankan oleh Kerajaan.

Tuan Pengerusi, tentang peruntukan yang disebutkan hanya diberikan kepada Wakil-wakil Rakyat Barisan Nasional, sukalah saya menjelaskan bahawa Wakil-wakil Rakyat Barisan Nasional tidak diberikan peruntukan. Sebenarnya semua Ahli-ahli Dewan Rakyat dibenarkan untuk mengemukakan cadangan-cadangan mereka kepada Pegawai Daerah dan Pegawai Kemajuan Negeri dan terpulangnya kepada Pegawai Daerah atau Pegawai

Kemajuan Negeri untuk memanjangkan atau meluluskan permohonan itu. Jadi ada peruntukan khas yang diberikan kepada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan dengan peruntukan tertentu untuk dibelanjakan. Setiap Wakil Rakyat perlu mengemukakan cadangan projek mereka kepada Pegawai Daerah untuk disalurkan kepada Pegawai Kemajuan Negeri untuk diluluskan. Kita tidak ada keistimewaan yang lebih. Jadi, untuk ini saya hendak menjelaskan bahawa Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional tidak ada keistimewaan dalam soal untuk memberikan peruntukan-peruntukan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga menyebutkan soal.....

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Kota Melaka bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Meruju kepada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, saya hendak bertanya. Kalau begitu, adakah salah kalau seseorang Wakil Rakyat membuat pengumuman bahawa sebuah sekolah, atau sebuah kuil atau sebuah persatuan akan mendapat peruntukan sebanyak \$10,000 atau \$20,000. Adakah ini satu kesalahan yang dilakukan dan kini sering berlaku di Prai?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Pengerusi, saya hendak sebutlah soal ini, walaupun sampai kepada Timbalan Perdana Menteri, seperti yang disebutkan. Sebenarnya Timbalan Perdana Menteri mengumumkan projek yang telah diluluskan oleh Kerajaan. Timbalan Perdana Menteri pun tidak boleh meluluskan projek yang tidak dimasukkan di dalam Program Pembangunan. Tetapi yang diluluskan oleh Timbalan Perdana Menteri, Menteri dan Timbalan Menteri adalah yang termasuk dalam rangka Program Pembangunan Kerajaan. Inipun tidak faham, susahlah.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga menyebutkan soa B.7. Insya Allah urusannya itu akan terus dijalankan dengan baik.

Yang Berhormat dari Kepong juga menyebutkan soal P.7, Penyertaan Bumiputra Pulau Pinang—Pengambilan balik tanah. Siang-siang dan awal-awal lagi telah menyebutkan keraguan tentang pindaan Akta Pengambilan Tanah yang belum diluluskan dan belum dibaca kali kedua di Dewan Rakyat ini. Sebahagian darinya telahpun dibuat dan saya berharap Ahli Yang Berhormat boleh merujuk kepada butiran-butiran di bawah Kertas Perintah 6A, mukasurat 7, mukasurat 5 dan mukasurat 6, semuanya menyebutkan dengan detail mengenai jumlah pengambilan tanah. Yang Berhormat sebutkan tadi berapa banyak pengambil balik tanah. Itu ada disebutkan di dalam perkara 1, perkara 2 dan perkara 4—semuanya menyebutkan soal pengambilan tanah dan juga lain-lain perbelanjaan yang disebutkan. Jadi, di sini secara detailnya telahpun disebutkan dan saya tidak mahu menghuraikan satu persatu.

Ahli Yang Berhormat juga menyebut tentang di mana lima lokasi tanah yang hendak diambil balik di bawah Perkara (c)—Bank Tanah \$13.5 juga. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, dalam urusan pengambilan balik, tanah ini Kerajaan tidak akan mengumumkan kawasan yang akan diambil balik, kerana jika sekiranya Kerajaan mengumumkan kawasan tertentu yang akan diambil atau dibeli balik oleh Kerajaan, maka kita akan melihat berlakulah spekulasi-spekulasi tertentu ataupun akan berlaku ubah-milik, mislnya. Dalam soal ini, saya tidak boleh menjelaskan di mana lima keping tanah yang akan diambil balik di bawah Perkara (c)—Bank Tanah \$13.5 juta.

Tuan Pengerusi, soal kraftangan. Yang Berhormat itu agak sudah elok kerana dia menimbulkan berapa banyak

lagi Kerajaan hendak minta untuk membayar restoran Melayu yang berjumlah \$1.4 juta. Di sini telah jelas menunjukkan bahawa ini adalah bayaran terakhir yang akan dilakukan oleh Kerajaan. Jadi, tidak timbul lagi selepas ini untuk minta peruntukan tambahan. Kalau itu jelas dan terang di dalam Kertas Perintah ini menunjukkan bahawa \$1.4 juta itu adalah bagi bayaran terakhir untuk restoran Melayu yang sedang dalam pembinaan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Tumpat ada menyentuh sedikit sahaja. Sistem maklumat yang diadakan ini ialah di Jabatan Perdana Menteri, di Pusat Islam bagi mengumpulkan pemerosesan penyimpanan.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ucapannya tadi tidak termasuk dalam mauduk ini.

Tuan Othman bin Abdul: Tidak, dia ada sebut tadi. Tidak apalah, sedikit sahaja. Ahli dari Pasir Mas menyebut tentang Program Bina Semangat. Suka saya menjelaskan kepada Yang Berhormat bahawa memang terdapat program.....

Tuan Haji Wan Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Tumpat bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan kepada dia?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Soalan saya tadi menanyakan bagaimana perkembangan sistem maklumat setakat ini. Kedua, saya minta supaya laporan itu diberi kepada Ahli-ahli Dewan. Saya rasa ada hubungannya dalam sistem maklumat itu. Terima kasih.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Pengerusi, Sistem Maklumat yang dikumpulkan buat masa sekarang ini masih dalam peringkat pengumpulan yang dijalan di Jabatan Perdana Menteri

di bawah Pusat Islam. Soal untuk mendapatkan maklumat ini dan hendak diserahkan kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat pada bila-bila masa, saya agak Yang Berhormat bolehlah datang sendiri ke Pusat Islam, memperkenalkan diri bahawa saya Ahli Yang Berhormat dari Tumpat, berkehendakkan maklumat, insya Allah PAS pun PAS lah, kita akan beri, tidak menjadi masalah kerana maklumat untuk kebaikan, kita akan beri. Sistem Maklumat ini digunakan untuk mempertingkatkan pengurusan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam atau Majlis Agama Islam Negeri-negeri dan untuk mempertingkatkan lagi keupayaan pengurusan bagi semua negeri, insya, jika sekiranya semua dapat dijalankan dengan baik.

Ahli dari Pasir Mas bertanya adakah program Bina Semangat ini akan dijalankan di Kelantan. Sememangnya hasrat Kerajaan untuk membina semua di tiap-tiap buah negeri sebuah Pusat ataupun Kem Bina Semangat ini. Saya tidak tahulah sama ada keyakinan saya ini mungkin benar bahawa mungkin Kelantan tidak dapat memberikan kepada kita untuk membeli tanah untuk membina sebuah kem Bina Semangat. Kalau boleh diberi jaminan, Insya Allah di Kelantan juga kita harus mengadakan sebuah Kem untuk kepentingan melatih masyarakat.

Tuan Pengerusi: Pasir Mas Bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya ingin mendapat penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat pertimbangkan nanti, Kem Bina Semangat ini boleh dibuat di Pasir Mas? Insya Allah, ada tanah. *(Ketawa)*

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Pengerusi, insya Allah, bila ada tempat. Tempat ini kena dikaji, tempat yang cantik, yang menarik minat. Kalau tidak susah hendak bawa orang pergi kursus ini. Kita hendak tahu, tengok di mana tempatnya, baik atau tidak. Kalau di

Pasir Mas, tempatnya cantik, insya Allah kita boleh pergi tengok, kita kaji dan kita akan buat keputusan. Kalau di Pasir Mas pun, di Pasir Maslah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa kita sudah suntuk ini.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya hendak maklum kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, memang di Pasir Mas bukan sahaja tempat cantik, orang pun cantik. *(Ketawa)*

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Pengerusi, Muzium Islam, yang Yang Berhormat sentuhkan ini, memang Pedang Zulfakar ini dibeli daripada negara Islam yang banyak menyimpan khazanah-khazanah Islam di sana. Memang kita telahpun membeli perkara ini yang boleh dilihat sekarang di Pameran Muzium di Pusat Islam. Jadi, sesiapa pun boleh melihat di Pusat Islam sekarang ada satu muzium yang mempamerkan manuskrip, Pedang Zulfakar inipun bolehlah kalau hendak tengok.

Tentang B. 10—Peguam Negara, untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang dan belum lagi bercadang untuk menjadikan Menteri Kehakiman itu sebagai Peguam Negara kerana Peguam Negara memang di bawah Jabatan Perdana Menteri dan Menteri sekarang pun Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman. Kedua-duanya ini mempunyai hubungan yang rapat yang boleh selalu berhubung bagi membincangkan soal-soal yang akan dijalankan oleh urusan Kementerian dan urusan pentadbiran di dalam negara kita. Jadi, buat masa ini, Kerajaan belum bercadang untuk menjadikan Menteri Kehakiman atau Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebagai Peguam Negara.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh perkara B.7 yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari

Tanjong tentang \$5 juta. Saya rasa hairan mengapakah masih timbul persoalan Kerajaan Persekutuan tidak mengiktiraf Kerajaan Kelantan dan Kerajaan Sabah.

Kerajaan Persekutuan memang mengiktiraf. Pengiktirafan diberikan, akur dengan keputusan rakyat. Jadi, soal pengiktirafan ini saya rasa tidak timbul dan Kerajaan memperuntukan sebanyak \$5 juta ini untuk kepentingan pembangunan rakyat negeri Sabah dan negeri Kelantan. Seharusnya rakyat Kelantan, jentera pentadbiran Kelantan dan Sabah memberi kerjasama kepada pegawai Persekutuan yang akan membawa pembangunan yang lebih banyak kepada kedua-dua buah negeri ini, bukan menempelak atau cuba memotong. Ahli dari Pengkalan Chepa suruh potong \$5 juta. Kalau kita potong semua, dia kacau. Masa pilihanraya, kempen, kita tidak perlu baja, tidak perlu pokok, sekarang sudah heboh soal baja. Ini yang susah. Cakap tidak serupa bikin.

Jadi, soal ini, Tuan Pengerusi, kita hendak memperkukuhkan kerana kita mahu peruntukan wang yang disalurkan kepada negeri Kelantan dan Sabah dipergunakan dengan sebetul-betulnya untuk kepentingan masyarakat dan kita tahu saluran itu apabila kita hendak menyemak kita tahu arah aliran ke mana dia pergi. Sebab itu kita mengadakan pegawai-pegawai Persekutuan untuk melakukan pentadbiran urusan dengan Kerajaan Pusat. Pegawai yang boleh kita tentukan dan kita tidak yakin walaupun memang ada pegawai negeri di situ tetapi adakah mereka boleh memainkan peranan yang sepenuhnya untuk program-program pembangunan Kerajaan akan dilaksanakan dengan baik dan agensi Kerajaan Persekutuan yang melaksanakan itu yang juga akan jadi pelaksana dan juga pengawas supaya ianya dapat berjalan dengan baik.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya harap kesangsian-kesangsian yang ada, yang terbuku di dalam hati tentang

pengiktirafan Kerajaan Pusat terhadap Kerajaan Negeri Sabah dan Kelantan harus dibuat dan jangan kita sangsikan tentang perlantikan jawatan Persekutuan di Sabah dan di Kelantan kerana ini akan memberi keuntungan kepada rakyat negeri Sabah dan Kelantan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$80,700 untuk Maksud B. 2; \$20,846,000 untuk Maksud B. 4; \$580,300 untuk Maksud B. 5; \$135,100,000 untuk Maksud B. 7; \$959,800 untuk Maksud B. 10 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan \$5,782,000 untuk Maksud B. 7 jadi sebahagian daripada Jadual Kedua di bawah Jabatan Perdana Menteri hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$80,700 untuk Maksud B. 2; \$20,846,000 untuk Maksud B. 4; \$580,300 untuk Maksud B. 5; \$135,100,000 untuk Maksud B. 7; \$959,800 untuk Maksud B. 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama; dan \$5,782,000 untuk Maksud B. 7 jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$23,800,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 7 dan \$13,883,900 yang disebutkan dalam Maksud P. 8 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1991 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$23,800,000 bagi Maksud P. 7, \$13,883,900 untuk Maksud P. 8 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tam.) (Bil. 1) 1991.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri Pertahanan
(Dato' Wan Abu Bakar bin Wan
Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, saya
mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan
Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan
ini tidak akan ditangguhkan hari ini
sehingga jam 8.00 malam.

**Timbalan Menteri Pengangkutan
(Datin Paduka Hajah Zaleha binti
Ismail):** Tuan Yang di-Pertua, saya
mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli
Yang Berhormat, Usul yang dibawa oleh
Timbalan Menteri iaitu mengikut
peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1)
Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari
ini sehingga jam 8.00 malam, hendaklah
dipersetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan
disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan
Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan
ini tidak akan ditangguhkan hari ini
sehingga jam 8.00 malam.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1990 DAN 1991)

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 3) 1990 DAN ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 1) 1991

*Majlis bersidang dalam Jawatan-
kuasa.*

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Maksud B. 13 (Jadual Pertama)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang
Berhormat, Kepala Bekalan B. 13
terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah-
nya ialah bahawa wang sejumlah
\$4,183,100 untuk Maksud B. 13 di
bawah Kementerian Kehakiman jadi
sebahagian daripada Jadual Pertama
hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan,
dan disetujui.

Wang sebanyak \$4,183,100 untuk
Maksud B. 13 diperintahkan jadi
sebahagian daripada Jadual Pertama.

*Maksud P. 14 dan P. 16 (Anggaran
Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1991.*

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang
Berhormat, Kepala Pembangunan P. 14
dan P. 16 di bawah Kementerian
Perumahan dan Kerajaan Tempatan
terbuka untuk dibahas. Ya, Padang
Terap.

6.28 ptg.

**Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar
(Padang Terap):** Tuan Pengerusi: saya
merujuk kepada Kertas Perintah 6A di
bawah Maksud Pembangunan P. 16 iaitu
di bawah Butiran (Projek) 010000-Balai
Bomba Bangunan, Kereta Bomba dan
Kelengkapan.

Tuan Pengerusi: Mukasurat berapa,
Yang Berhormat?

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:
Mukasurat 11, di dalam Kertas Perintah
6A, yang mana Dewan adalah diminta
meluluskan peruntukan tambahan

sebanyak \$12,560,000. Saya ingin tahu di dalam pembelian berapa buahkah kereta Bomba yang telah dibeli dengan harga ini dan di mana dan apa jadi kepada kereta-kereta Bomba yang digantikan atau yang diwrite-off kerana di dalam perbahasan Rancangan Malaysia Keenam, saya telah menyarankan supaya Kerajaan menambahkan lagi peruntukan atau pemberian kepada usaha-usaha oleh masyarakat untuk menubuhkan Pasukan Bomba Sukarela yang mana Timbalan Menteri menjawab pada hari itu, Kerajaan hanya akan memberi pam-pam air sahaja.

Ini mungkin pragmatik di kawasan-kawasan pekan kecil kerana orang-orang di situ ataupun ahli-ahli masyarakat mempunyai keupayaan membeli kereta Bombanya sendiri tetapi apa kata kalau kita beri pam air kepada kampung-kampung yang terpencil khususnya di kawasan-kawasan pendudukan FELDA yang mana kita dapati satu kelompok mengandungi lebih kurang 1,000 rumah.

Jikalau berlaku kebakaran dan sepertimana yang sedang berlaku pada masa ini sebelum sempat kereta Bomba yang paling terdekat, iaitu 30 hingga 40 km jauh daripada kawasan ini sampai, habis rumah yang terbakar. Jadi disinilah, Tuan Pengerusi saya ingin mengetahui apakah yang dibuat kepada kereta-kereta yang diwrite-off dan digantikan dengan pembelian sebanyak \$12 juta itu.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Akhir sekali, saya ingin menyarankan di sini kalau boleh kereta-kereta itu jangan dilelong sepertimana yang dibuat oleh Jabatan-jabatan Kerajaan tetapi disalurkan kepada kawasan-kawasan pendalaman ini. Jadi dengan itu Kerajaan tidak perlu membelanjakan wang yang banyak untuk mencetuskan community project ini sepertimana yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Itu sahaja saranan saya di bawah Kertas Perintah untuk P. 16. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong.

6.31 ptg.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, P. 14, Butiran 00100 Projek-projek di Kawasan Penguasa-penguasa Tempatan. Butiran menerima tambahan sebanyak \$17,620,000 untuk melaksanakan projek-projek kecil di 94 kawasan Pihak Berkuasa Tempatan diseluruh negara. Menurut satu kenyataan pada 4 Disember 1990 lalu, Kerajaan pernah menyatakan bahawa pada tahun 1991 \$45.5 juta akan disediakan sebagai geran kepada Pihak Berkuasa-Pihak Berkuasa Tempatan. Belanjawan 1991 hanya memberi peruntukan tanda \$10 sahaja kepada Butiran ini. Maka adakah \$17.62 juta ini berupa peruntukan permulaan geran \$45.5 juta yang dijanjikan oleh Kerajaan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan? Bolehkah Kerajaan memberitahu Dewan yang mulia ini daripada tambahan Bekalan ini apakah jumlah wang yang diperuntukan kepada Majlis Daerah Hulu Langat?

Tuan Pengerusi, yang saya nampak di sini ialah kerana janji Kerajaan itu tidak ditunaikan maka susahlah Pihak Berkuasa-Pihak Berkuasa Tempatan untuk menjalankan sebahagian tugas mereka untuk projek-projek yang tertentu. Saya berharap pihak Kementerian dapat memberi penjelasan yang lebih tepat mengapa perkara ini berlaku di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, Butiran 00200 Bantuan Khas kepada Penguasa-penguasa Tempatan. Di bawah Butiran ini kami memerhati di mukasurat 10, Kertas Perintah 6 Tahun 1991, perbelanjaan sebenar Butiran di antara tahun 1986 hingga 1990 ialah \$31,824,410. Menurut laporan

Belanjawan 1991, perbelanjaan sebenar di antara tahun 1986 hingga 1989 Butiran ialah \$18,744,400. Anggaran tahun 1990 pula ialah \$13,050,010. Perbelanjaan sebenarnya tahun 1990 menurut Kertas Perintah 6 ialah \$13,080,510 iaitu terlebih belanja \$30,500 daripada anggaran 1990. Yang aneh sekali ialah sepanjang tahun 1990 dan sehingga sekarang tidak ada apa-apa permintaan dikemukakan di dalam Dewan yang mulia ini untuk menambahkan Bekalan Perbelanjaan Pembangunan Butiran ini sebanyak \$30,500 bagi tahun 1990.

Jadi, Tuan Pengerusi, inilah merupakan satu sikap yang tidak begitu sihat, wang dibelanjakan tetapi tidak minta di dalam Dewan yang mulia ini. Walaupun mereka anggap \$30,500 itu kecil sahaja amaunnya, tetapi maklumlah kami tidak akan lepaskan kecuaiannya seperti ini. (*Tepuk*) Bolehkah pihak Kementerian menerangkan mengapa ini boleh terjadi, iaitu perbelanjaan tanpa kelulusan Dewan yang mulia ini? Jadi, dari segi undang-undang sudah tidak sah (*Disampuk*).

Lulus apa lagi? Guna sahaja, wang sudah habis. Kalau begitulah caranya Larut menguruskan kewangan, matilah semuanya. Mujur dia tidak jadi Menteri Kewangan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Jadi sikap kecuaiannya seperti inilah tidak seharusnya berlaku.

Butiran 03100 Kemajuan Perkampungan. Tambahan sebanyak \$5,830,000 dikehendaki untuk membiayai bayaran kemajuan akhir projek-projek Rancangan Malaysia Kelima yang tidak siap pada tahun 1990 dan projek baru di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Menurut mukasurat 10, Kertas Perintah 6, nampaknya

kesemua peruntukan yang disediakan di bawah Rancangan Malaysia Kelima telah dibelanjakan. Bolehkah Kerajaan menjelaskan perbelanjaan sebenarnya yang diutuskan daripada tambahan ini kepada projek Rancangan Malaysia Kelima dan bahagian yang membiayai perbelanjaan projek Rancangan Malaysia Keenam?

Tuan Pengerusi, yang menimbulkan masalahnya ialah kerana ada projek Rancangan Malaysia Kelima dan Rancangan Malaysia Keenam dan permintaan untuk diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini ialah untuk kedua-dua projek sama sekali, jadi mencampur-adukkan projek-projek kedua-dua Rancangan Malaysia ini. Kalau buat demikian, mesti menimbulkan kekeliruan. Mana satunya; kita hendak beri Rancangan Malaysia Kelima atau Rancangan Malaysia Keenam? Amaun yang digunakan untuk Rancangan Malaysia yang telahpun nampaknya kenyataan pihak Kerajaan telah dijayakan, tetapi kalau dijayakan sekarang mengapa balik ke dalam Dewan yang mulia ini untuk minta wang lagi kepada Rancangan Malaysia Kelima? Itulah cara yang diuruskan oleh pihak Kerajaan ala-Larut (*Ketawa*) kerana ada larutan, memang menimbulkan masalah seperti ini.....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa suntuk, teruskan.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Point of order 36. Dia mengarut, keluar dari tajuk, dia beri sakit hati saya. Saya minta penjelasan, sama ada dia doktor isi atau doktor kulit? (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, teruskanlah.

Dr Tan Seng Giaw: Ya, memang sentiasa berlarutanlah.

Tuan Pengerusi, P. 16 Jabatan Perkhidmatan Bomba, Butiran 00100, Balai Bomba dan Bangunan, tambahan \$12,530,000, kononnya wang ini membiayai bayaran kemajuan akhir projek-projek Rancangan Malaysia Kelima dan juga projek baru Rancangan Malaysia Keenam. Ini juga mencampurkan di antara RML dan RM6.

Itulah menimbulkan kekeliruan pula walaupun Larut tidak mengambil perhatian dan menunjukkan minat terhadap perkara seperti ini, memang sikap beliau biasanya, dia tak percaya kepada masyarakat prihatin dan percaya kepada masyarakat Larut sahaja.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat....

Dr Tan Seng Giaw: Bolehkah Kerajaan ataupun Kementerian menerangkan sebanyak manakah wang yang diperuntukkan untuk.....

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Dia tidak bercakap mengenai tajuk, jadi dia buat macam suka hati dia. Hendak pula bossnya tidak ada. Saya lebih suka Petaling Jaya bercakap. (*Ketawa*)

Dr Tan Seng Giaw: Bolehkah Kementerian menerangkan? Kita rasa tak payahlah kerana dia tak cakap mengenai Butiran P.16, saya hendak jelaskan pun tak boleh. Bolehkah Kementerian menerangkan sebanyak manakah wang yang diperuntukkan untuk perbelanjaan projek di bawah RML dan apakah pula nilai perbelanjaan projek-projek di bawah RM6? Kita asingkan kerana kita tidak

mahu mengelirukan orang. Kali terakhir tambahan bekalan dibuat kepada Butiran ialah tambahan pertama tahun 1989 di mana satu senarai 12 projek pembinaan balai bomba dan kemudahan dengan peruntukan bernilai \$3.25 juta diberi. Balai-balai Bomba itu ialah Bomba Kertih, Ipoh, Seberang Perai, Seksyen 7 Petaling Jaya, masing-masing \$0.5 juta; Bangi, \$0.25 juta; Pasir Gudang, Kemaman, Mantin, Tikam Batu, Senawang, Taman Tun Dr Ismail masing-masing \$0.2 juta; dan Pusat Latihan Bomba Malaysia, \$0.1 juta.

Tuan Pengerusi, bolehkah Kementerian memberitahu kami di antara 12 projek ini, projek-projek manakah yang terlibat dalam tambahan bekalan ini dan apakah nilai tambahan yang diterima oleh setiap projek berkenaan? Apakah projek-projek baru yang termasuk dalam peruntukan tambahan ini, apakah pula nilai setiap projek ini? Berapa banyakkah daripada wang peruntukan tambahan bekalan yang di terima oleh setiap projek berkenaan?

Tuan Pengerusi, memandangkan Yang Berhormat Timbalan Menteri dia sungguh rajin dan berusaha untuk menjalankan tugas, saya nampak dari aktiviti hariannya dan saya pun percaya dia akan menjawab dengan lebih teliti dan lebih tepat, tidak seperti Yang Berhormat-Yang Berhormat Timbalan ataupun Menteri yang lain yang tidak begitu mengambil kisah. (*Disampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Ini bukan sengaja hendak puja, apa hakikat kita menerangkan! (*Disampuk*). Tuan Pengerusi, siapa yang bercakap? Saya yang berucap di sini!

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sudah habiskah atau belum?

Dr Tan Seng Giaw: Ya, saya yang berucap di sini. Siapa lagi yang hendak berucap?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan kalau hendak berucap. Teruskan dengan tajuk ya.

Dr Tan Seng Giaw: Itu Peraturan Mesyuarat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan dengan tajuk itu.

Dr Tan Seng Giaw: Di sini kita tidak ada Yang Berhormat dari kawasan batu berbintik-bintik. Adakah? Tak nampak langsung!

Tuan Pengerusi, jadi saya berharap pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menjawab soalan-soalan yang telah saya sampaikan di dalam Dewan yang mulia ini.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

6.44 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada dua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan di bawah P.14 dan P.16—Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Sukalah saya nyatakan di sini bahawa Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap telah menyatakan berapa buah kereta

bomba yang telah dibeli dan apakah terjadi kepada kereta-kereta bomba yang telah lama da di mana perginya kereta-kereta tersebut.

Ingin saya nyatakan di sini bahawa kereta-kereta bomba yang baru dibeli oleh Jabatan Bomba telahpun dibahagi-bahagikan dan diagih-agihkan kepada negeri-negeri yang memerlukan kereta-kereta bomba dan kereta-kereta bomba yang lama kita serahkan kepada Pegawai Bomba Negeri untuk mengagihkan sama ada kereta bomba itu dikekalkan di Balai Bomba yang ada ataupun diberikan kepada Balai Bomba yang memerlukannya.

Yang Berhormat juga telah menyatakan supaya kereta-kereta bomba yang lama itu tidak ditenderkan dan dicadangkan spaya diberikan kepada bomba-bomba sukarela. Sukalah saya nyatakan di sini bahawa kita tidak memberikan atau menenderkan kereta-kereta bomba yang lama, malahan adalah menjadi dasar kita untuk memberikan kereta-kereta bomba yang lama ini yang tidak boleh lagi digunakan oleh Balai Bomba untuk diserahkan kepada bomba-bomba sukarela seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Seperti yang saya nyatakan bahawa sehingga hari ini kita cuma memberikan trailer pump kepada pasukan-pasukan bomba sukarela dan kemungkinan besar mereka yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat jika terdapat kereta-kereta bomba yang telah usang dan mungkin boleh lagi dipakai akan kita serahkan kepada pasukan-pasukan bomba sukarela pada masa yang akan datang.

Yang Berhormat dari Kepong telah menimbulkan beberapa persoalan. Satu tentang projek di bawah P. 14—projek-projek di bawah kawasan Penguasa-penguasa Tempatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukalah saya nyatakan bahawa semua peruntukan yang diminta adalah untuk menyiapkan

projek-projek yang telah tidak dapat disiapkan di bawah Rancangan Malaysia Kelima, iaitu yang berakhir pada tahun 1990 yang mana projek-projek itu sedang dalam perlaksanaannya dan maka kerja-kerja yang belum selesai perlu diselesaikan dan bayaran perlu dibuat untuk menyiapkan projek-projek tersebut.

Mengenai perbelanjaan yang lebih seperti yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, sukalah saya menyatakan bahawa ianya bertujuan untuk menyelesaikan komitmen yang telah dibuat oleh Kementerian dan perbelanjaan itu terpaksa diperlukan untuk menyiapkan komitmen yang telah dibuat oleh Kerajaan kepada penguasa-penguasa tempatan.

Soal sama ada kelebihan perbelanjaan di bawah bantuan khas kepada Penguasa-Penguasa Tempatan di bawah tajuk Bantuan kepada Penguasa-Penguasa Tempatan, sukalah saya menyatakan di sini sebahagian besar daripada peruntukan tambahan yang diminta adalah untuk membayar pesanan dan penghantaran kenderaan yang telah dibuat dalam tahun 1990.

Yang Berhormat dari Kepong juga ada menimbulkan soal perbelanjaan di bawah tajuk P.16 Jabatan Perkhidmatan Bomba. Sukalah saya nyatakan di sini bahawa peruntukan yang telah kita minta ialah sebanyak \$21,530,000 adalah untuk membiayai dan menyiapkan projek-projek yang telah kita senarai dan yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Bomba di dalam Rancangan Malaysia Kelima seperti yang telah saudara Yang Berhormat nyatakan tadi, kita ada 12 projek yang telah kita laksanakan dan ada juga peruntukan yang kita pohon untuk membeli kereta-kereta bomba.

Perlu saya nyatakan daripada \$12,530,000 cuma \$0.8 juta yang telah kita minta untuk dilaksanakan bagi

awal tahun ini iaitu untuk kerja-kerja seperti ujian tanah, ukur sempadan dan kerja-kerja untuk menyediakan tender-tender dokumen. \$11.77 juta adalah diguna untuk menyiapkan projek-projek yang terkandung di dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Saya ingat setakat itu yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan saya ucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$24,480,000 yang disebutkan dalam Maksud P.14 dan \$12,560,000 yang disebutkan dalam Maksud P.16 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1991 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$24,480,000 untuk Maksud P.14 dan \$12,560,000 untuk Maksud P.16 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1991.

Maksud P.18 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1991—

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama untuk dibahas. Arau.

6.54 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kerana inilah kali pertama saya dapat bercakap daripada awal mula Parlimen ini bersidang hingga sekarang.

Tuan Pengerusi, saya ini sebenarnya DAP boycott saya tetapi saya tidak kisah, saya cuma menunggu Kepong sahaja sebab saya ingin kalau boleh, Tuan Pengerusi, supaya betulkan, sebab kepada saya daripada apa yang dia sebut tadi nampaknya ada tambahan kerusi dalam Parlimen ini. Dia sebut kawasan "Batu Berintik-rintik". Saya tidak pernah dengar kawasan Batu Berintik-rintik ada dalam Parlimen ini. "Parit yang sulung", "Larut yang melarut".

Jadi, saya minta supaya pelakon drama DAP ini supaya diperbetulkan supaya kita tidak confuse dan kita tidak mengejar masa oleh kerana untuk melayan sikapnya sebagai penglipur lara seperti yang telah disebutkan oleh Menteri Kewangan semalam.

Tuan Pengerusi, di bawah P.18, saya hanya hendak menyentuh Butiran Projek 04000 dan juga Butiran 06000 di bawah Lembaga Tembakau Negara dan juga penyelidikan dan pembangunan perhutanan.

Yang pertama, di bawah 04000 kita dapati \$24,200,000 adalah untuk membiayai pembinaan infrastruktur pengairan dan perparitan bagi meneruskan projek tanaman kelompok, pemulihan kawasan, program pembangunan, latihan, pengeluaran benih, kawalan mutu baja untuk tujuan memajukan dan memodenkan perusahaan tembakau sebagai tanaman pekebun kecil.

Soalan saya kepada Timbalan Menteri, setakat yang saya tahu bahawa tanaman tembakau ini ialah tanaman yang tidak dibuka kepada umum. Jadi bagaimana boleh kita menyebutkan secara umum di sini bahawa tanaman ini ialah pekebun kecil. Seolah-olahnya tanaman ini terbuka kepada umum.

Saya mendapat maklumat bahawa tanaman ini harus didasarkan kepada kuota yang disalurkan melalui pengawit-pengawit dan pengawit-pengawit pula akan menentukan penanam-penanam.

Jadi, kalau sekiranya ini berlaku seolah-olahnya kita dapati yang mengawal penanam ini ialah pengawit. Jadi nampaknya Kerajaan memberi bantuan untuk program pengembangan ini termasuk pemulihan kawasan seolah-olahnya kita membantu pengawit. Dan pengawit kita dapati ialah bukan penanam tetapi mereka ialah pengusaha atau taukeh-taukeh besar yang mengawal penanam-penanam.

Jadi apakah kriteria atau syarat dikenakan kepada pengawit supaya pengawit juga dapat memberi sumbangan yang sama untuk memulihkan penanam-penanam ini mendapatkan hasil yang baik. Dan lagi satu kita dapati bahawa tanaman tembakau ini ialah tanaman yang bercorak komersial dan tidak dibukakan kepada umum hanya kumpulan-kumpulan tertentu. Maka ianya seolah-olah program ini ditumpukan kepada kumpulan-kumpulan khusus sahaja.

Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian apakah sistem kuota sekarang telahpun dibuka untuk membolehkan tanaman ini ditanam oleh petani-petani yang berminat untuk menanam dan tidak menyerahkan kuota atau hak monopoli menanam tembakau ini diserahkan kepada pengawit-pengawit ini sahaja. Jadi dalam keadaan sekarang kita amat kesal, kerana yang mendapat atau mengaut keuntungan sebenarnya adalah pengawit tetapi penanam-penanam kita dapati terpaksa menanggung risiko yang tinggi terutamanya apabila tanaman-tanaman mereka diserang banjir dan sebagainya.

Jadi, soalan saya sekarang ini ialah bagaimana kedudukannya sekarang, adakah sistem kuota ini telahpun dihapuskan di mana kuota itu adalah kuota kepada kumpulan penanam dan tidak melalui pengawit. Kalau sekiranya program ini dibuka, adakah Yang Berhormat bercadang untuk membuka program ini supaya tidak dimonopoli oleh kawasan-kawasan tertentu.

Kemudian soalan yang berikut mengapakah hanya Kelantan sahaja diberi kuota yang berlebihan daripada negeri-negeri yang lain. Adakah Kelantan ini tanahnya terlampau subur sehingga menyebabkan negeri-negeri lain tidak mendapat peluang. Cuma negeri yang dapat tumpang sekaki dengan Kelantan ialah, kalau saya tidak silap ialah Perlis, Kedah dan juga Terengganu. Negeri-negeri lain, saya ingat tidak ada langsung kuota diberikan. Jadi soalan saya adakah tanah di Kelantan ini subur ataupun kerana Kelantan ini ada apa-apa yang menyebabkan ianya dapat mengeluarkan tembakau yang baik dan diberi peruntukan. Apakah jaminan bahawa penanam-penanam dan juga pengawit yang kita bantu ini tidak berbuat sesuatu kepada orang yang memberi bantuan.

Contohnya macam inilah Timbalan Menteri kita beri orang minum air, tiba-tiba air itu dicurahkan balik kepada kita. Jadi kita tidak mahu dia curahkan air, cuma kita tidak mahu dia ucapkan terima kasih. Jadi, apakah Yang Berhormat bercadang oleh kerana ramai kawan-kawan kita di Kelantan tidak mahu mengucapkan terima kasih, kita hendak mengalihkan kuota ini kita beri kepada Johor, Perlis atau Perak dan sebagainya.

Kedua, di bawah Penyelidikan Perhutanan, Butiran 00600, kita dapati tambahan sebanyak \$1.29 juta untuk membiayai kos infrastruktur, pembelian alat-alat peralatan, menyokong aktiviti penyelidikan dan sebagainya. Sebanyak \$15 juta juga telah diberikan untuk pembinaan bangunan, kediaman, asrama, latihan, pembelian alat-alat dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, di sini saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, di samping kita menyediakan pusat latihan, menyediakan asrama dan sebagainya, sudah pasti ini ialah untuk latihan kepada pegawai-pegawai. Kalau begitu, mengapa masih terjadi keadaan di mana

kes kecurian balak di dalam hutan-hutan simpan ini masih berterusan. DAP termasuk kawan-kawan saya dari Sarawak, saya ingat mereka hanya bercakap tetapi tidak ada pengalaman. Saya berpengalaman sendiri dan saya sendiri di antara orang yang mula-mula membuat laporan berhubung dengan kegiatan balak haram di Selangor. Setelah yang dahulu laporan telah saya buat.

Kemudian baru-baru ini saya buat tiga laporan bagi berhubung dengan pembalakan haram iaitu yang saya tengok di Negeri Sembilan, di Perak dan juga di Selangor yang saya merasai dan nampak sendiri semasa saya masuk ke kawasan hutan atas hobi saya sendiri dan dengan itu saya boleh bercakap dengan lebih tepat kalau dibandingkan dengan wakil dari Kuching atau mana-mana wakil yang bercakap fasal balak kerana saya lebih banyak masa berkecimpung dalam hutan. Itu hobi masing-masinglah. Kalau wakil dari Kepong bercakap, dia hanya boleh bersandiwara, yang lain-lain dia tidak tahu. Dia baca skrip, jadi dia adalah pelakon terbaik dari segi baca skrip, tetapi malangnya dia buta sedikit, Batu Berendam dia kata Batu Berintik-rintik. Itu dia tidak nampak sedikit.

Saya ingin bertanya, bagaimana boleh orang yang telah berlatih dan dilatih sanggup membiarkan perkara-perkara ini berlaku pada hal balak ini bukan satu benda yang boleh dimasukkan-dalam poket seperti kita hendak curi batu delima dan sebagainya ataupun hendak curi duit. Tetapi balak ini harus dibuat melalui proses yang mengambil masa, makna kata orang boleh nampak dan semua orang tahu bahawa benda itu berlaku dan kejadian itu terus berlaku.

Contohnya, seperti di satu kawasan Gunung Raja-saya check dengan Pejabat Hutan memang lesen telahpun lama dimatikan. Minggu lepas saya berada di Gunung Raja dan mereka dengan senang-lenang mengeluarkan balak

dengan dibantu oleh Orang-orang Asli, tidak ada siapa-siapa yang menahan mereka dan saya hendak cuba tengok macam mana lori balak berjalan di dalam hutan, saya pun tumpang naik sama sebab saya sudah letih berjalan, kemudian dia beritahu dia buat kerja sebagaimana yang telah diarahkan.

Perkara ini walaupun telah kita timbulkan tetapi masih berlaku dan kita telah membelanjakan \$15 juta untuk memberi latihan dan berbagai-bagai lagi. Bagaimana pula pegawai yang telah dilatih seperti Pengarah Jabatan Hutan Selangor sanggup mengeluarkan kenyataan bahawa mereka tidak dapat berbuat apa-apa kerana tidak cukup kakitangan dan sebagainya.

Saya ingin bertanya disini, dengan asrama, tempat kediaman, pusat latihan dan juga peralatan yang ada ini, adakah untuk menampung pegawai yang tiada ataupun ini untuk menambahkan latihan? Kalau pegawai tidak cukup, buat apa kita buat asrama banyak-banyak? Kalau sekiranya pegawai cukup dan pegawai-pegawai sudah terlatih, bagaimana pula seorang pegawai Kerajaan sanggup mengeluarkan kenyataan, seolah-olah beliau tidak terlatih, mengatakan perkara ini berlaku kerana kekurangan kakitangan dan sebagainya. Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, dan saya minta penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Larut.

7.07 ptg.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (Larut): Tuan Yang di-Pertua, saya suka bercakap di atas Kepala P.18, Butiran 00600 mengenai peruntukan \$1.29 juta tentang membaiki infrastruktur.

Dalam masalah ini memanglah banyak orang berkata di luar negeri bahawa kita tidak menjaga hutan dan kita telah memusnahkan hutan. Yang

sebenarnya perkara ini tidak betul. Perkara ini timbul lagi didalam lawatan saya bersama-sama dengan Ahli-ahli Parlimen dari Padang Terap, Pagoh, Tan Sri dan Ahli dari Kemaman. Mereka menanyakan adakah benar kita memusnahkan hutan seperti yang dimusnahkan di Sungai Amazon dan orang-orangnya dibunuh. Saya rasa Kementerian Perusahaan Utama hendaklah memberi penerangan yang benar-benar kepada orang-orang luar ini kerana orang-orang yang memberi khabar berita yang tidak betul ini adalah pengikut-pengikut DAP dan parti-parti Pembangkang. Mereka ini menulis mengikut teori. Jadi apabila ditanya oleh parti Pembangkang di Jerman, sekarang tidak ada Jerman Barat dan Jerman Timur lagi, for your information, after the unification, dengan izin, orang yang menanyakan kita itu adalah Ketua Parti Green. Parti Green ini macam parti depalah.

Tuan Shahidan bin Kassim: Depa mana?

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: DAP. Ketuanya tanya kita supaya Federal Government of Germany tidak menolong kita kerana kita membunuh orang-orang Penan dan kita memusnahkan hutan. Saya suka ketarakan di sini bahawa kita mempunyai legal system, kita mempunyai undang-undang, mungkin undang-undang itu tidak dilaksanakan dengan sewajarnya, mungkin tidak ada pegawai-pegawai yang hendak melaksanakan undang-undang itu ataupun mungkin orang-orang yang melaksanakan undang-undang itu telah menguatkuasakan undang-undang menyeleweng ataupun dengan izin, abuse of power.

Tuan Pengerusi, saya rasa biarlah perkara ini dapat dibetulkan semula dan kita dapat memberi berita-berita baik kepada orang-orang luar khususnya Jerman dan Russia—terlupa hendak cerita pergi Russia—bukan macam Yang

Berhormat Kepong, asyik berputar di sekitar Kepong sahaja. Jadi peruntukan \$1.29 juta ini saya menyokong dan berharap kita benar-benar dapat membetulkan infrastruktur kita.

Saya mengetahui bahawa apabila konsessi-konsessi diberi kepada orang, sama ada mereka orang besar ataupun orang kecil, syarat dan undang-undang hendaklah dipatuhi—orang besar, orang kecil ataupun orang-orang yang lebih kecil lagi mesti taat kepada undang-undang kerana kita mempunyai undang-undang dan kita perlu kepada penguatkuasaannya dan saya tahu syarat-syarat kalau orang dapat konsessi itu banyak. Sekiranya kita kuatkuasakan syarat-syarat itu saya percaya hutan-hutan kita dengan kajian yang ada, dengan pegawai-pegawai yang ada itu amatlah mencukupi dan tidaklah berlaku sebagaimana yang disangka oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab yang mana pada satu ketika bersama-sama kita di Malaysia dan pergi ke luar negeri, kononnya, the grass is greener on the other side, dengan izin, tetapi apabila the grass itu jadi rumput kuda, mereka hendak balik semula ke sini.

Ketika mereka di luar negeri selalu mengatakan yang kita buat ini semua tidak betul, undang-undang kita tidak ada dan kita tidak ada rule of law, kita tidak ada independence of judiciary, kita tidak ada political integrity, dengan izin.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Peraturan Mesyuarat 36 (1). Yang disebutkan tadi itu apakah yang kena mengena dengan tajuk-tajuk di sini, B.18.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya buat ruling.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Hendak jawab?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Larut, sekejap.

Dr Tan Seng Giaw: Tidak kena mengena langsung.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Dia dengki.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya buat ruling.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Pengerusi, dia dengki, fasal apa, saya sebagai peguam bukan peguam kulit, peguam betul-betul. Dia sebagai doktor adalah doktor kulit. Dalam melaksanakan undang-undang kita mesti bercakap undang-undang mengenai tebang kayu, buka hutan semua, kita mesti membetulkan infrastruktur, banyak itu pun tidak tahu, macam mana boleh pass doktor? (*Ketawa*)

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, itu susulan kepada Peraturan Mesyuarat tadi, tajuknya itu adakah kena mengena dengan green party, ada kena mengena dengan yang disebut tadi. Daripada bumi ke langit, ke bimasakti, apa lagi yang tidak disebutkan di sini.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Beri saya peluang untuk membuat keputusan. Yang Berhormat dari Larut.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Saya rasa memang kenal fasal....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Larut diperintahkan.

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Arau.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, penjelasan.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Banyak sangat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya, apabila Ahli dari Kepong bercakap fasal batu berintik-rintik tadi, tidak ada hubungan dengan apa yang dia cakap. Kalau orang bercakap semua tidak boleh, kalau dia bercakap tidak mengapa. Ini masalahnya, berilah peluang, kawan telah lama tidak boleh bercakap, kita beri "chance" DAP bercakap terlalu lama, tahu atau tidak? Sekarang tinggal dua orang pun hendak "act" kah. *(Ketawa)*

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Ahli dari Kepong, dia telah merapu, jadi dia tidak tahu, mana ada kawasan Batu Berintik, mana ada Parit yang sulong, mana ada Larut melarutan. Jadi, kalau kita kira Kepong ini, saya rasa Kerajaan elok keponglah balik under ISA, sibuk.

Tuan Pengerusi, saya percaya kita sebagai satu bangsa yang maju di Asia ini, saya percaya kita juga sayang kepada alam sekitar dan segala tohmah-tohmah yang dituduh oleh Green Party macam DAP di Jerman itu kita dapat menolak mentah-mentah kerana orang dia pun lebih kurang Kepong juga, bercakap kosong. Jadi, setelah kita memberi penerangan, mereka pun barulah terpegun kerana kita yang datang ini orang yang benar-benar sincere, dengan izin, responsible for the nation. Thank you.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Padang Terap.

7.12 mlm.

Dato' Dr Affiuddin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Pengerusi, saya hendak menyoal secara ringkas Anggaran Perbelanjaan Tambahan untuk tahun 1991—Kertas Perintah 6 iaitu di dalam Butiran (Projek) 00300—Rancangan Penanaman Semula Nenas yang mana pada tahun ini dipohon sebanyak \$1,570,000 untuk ditanam semula, dikehendaki untuk meneruskan program penanaman semula nenas dan bagi menjalankan program promosi dan aktiviti pengembangan untuk membangunkan industri nenas kilang di negara ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin tahu kerana di dalam peruntukan untuk 1991 yang telah kita luluskan dahulu, telah banyak diberi dan apakah \$1.570 juta ini dikehendaki untuk penanaman semula di mana kerana yang saya dapat tahu bahawa industri nenas kita yang dahulunya menjadi satu industri yang cukup terkenal di seluruh dunia, sekarang ini telah pun pudar dan telah pun tertolak kebelakang. Jadi, apakah aktiviti penanaman semula ini merupakan satu aktiviti yang berkesan untuk mengembalikan kegemilangan nenas kita kerana saya juga diberitahu bahawa aktiviti penyelidikan nenas adalah dipertanggungjawabkan kepada MARDI yang mana MARDI kita sedia maklum adalah mempunyai banyak tanggungjawab-tanggungjawab, mengapa tidak diambil sahaja usaha menyelidiki perindustrian nenas ini oleh Kementerian yang berkenaan iaitu Kementerian Perusahaan Utama.

*(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)*

Tuan Pengerusi, dan akhir sekali, mengenai dengan penanaman semula juga \$1.57 juta, apakah ianya diagihkan kepada Negeri Sarawak kerana selain daripada Negeri Johor, negeri yang paling berpotensi mengeluarkan nenas, yang tinggi mutunya ialah di Sarawak,

yang mana apa yang saya diberitahu dan semasa saya belajar dahulu, saya dapati bahawa di Sarawak ada lebih kurang 300,000 ekar tanah gambut ataupun peat soil yang cukup sesuai untuk penanaman nenas tetapi tidak sesuai untuk mana-mana penanaman yang lain. Jadi, apakah potensi yang besar ini untuk mengembalikan kegemilangan nenas sebagai perusahaan eksport kita dieksploitasikan di Negeri Sarawak yang sedia mempunyai tanah yang cukup sesuai itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Maran.

7.16 mlm.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah (Maran): Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada mukasurat 11 Butiran (Projek) 00100—Lembaga Koko Malaysia.

Di sini, peruntukan sebanyak \$4 juta lebih kita gunakan untuk pembelian alat-alat kelengkapan makmal dan komputer bersepadu. Harga koko dari masa ke semasa memang tidak setabil, apatah koko yang dikeluarkan oleh negara kita mutunya kurang. Maka saya ingin bertanya adakah dengan kita menggunakan peruntukan yang sedemikian rupa, kita boleh menjamin supaya mutu koko kita agak meningkat. Tambahan pula, koko di negara kita ini selalu kena penyakit. Contohnya, di Johor baru-baru ini, berapa banyak keluasan koko telah dibinasakan kerana koko-koko ini berpenyakit dan tidak mengeluarkan hasil yang baik. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan adakah dengan adanya peruntukan ini juga termasuk untuk mengkaji penyakit-penyakit yang terlibat dengan koko negara kita ini.

Saya juga ingin merujuk kepada Butiran Projek 11000—Institut Penyelidikan Getah Malaysia. Di sini peruntukan tambahan sebanyak \$5,471,000 untuk pembelian alat-alat dan kelengkapan yang diperlukan bagi

menyokong aktiviti penyelidikan. Jadi, saya ingin tanya apakah jenis peralatan dan kelengkapan yang dibeli bagi peruntukan ini untuk menyokong penyelidikan ataupun aktiviti penyelidikan kita. Adakah setakat ini mutu getah kita, kurang bermutu ataupun bagaimana yang kita memerlukan kepada peruntukan yang sebegini rupa. Itu sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sungai Benut, selepas itu saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

7.19 mlm.

Tuan Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut): Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 00100 sambungan daripada saudara saya yang bercakap tadi berhubung dengan penyakit koko yang menyerang di kawasan selatan Semenanjung. Jadi, saya ingin bertanya, kerana pada peringkat awalnya penyakit ini datangnya daripada negeri, yang saya difahamkan datang daripada Sabah kemudian menyerang kawasan-kawasan di selatan Semenanjung. Jadi, saya ingin bertanya adakah peruntukan yang telah diberikan sebanyak \$4 juta lebih termasuk untuk membuat kajian iaitu apakah punca-punca penyakit yang terjadi dan apakah kawalan-kawalan yang telah dijalankan oleh Kementerian untuk mengawal supaya penyakit itu jangan merebak ke kawasan-kawasan lain di negara kita.

Berhubung dengan pengambilan tanah untuk pembinaan stesen-stesen penyelidikan di Sabah dan Semenanjung Malaysia, saya juga ingin bertanya di tempat manakah steses-stesen untuk R&D Koko ini akan bina di Sabah dan Semenanjung Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh berhubung dengan Butiran 00600 iaitu berhubung dengan perkara yang keenam, Penyiasatan Kajibumi. Jadi, peruntukan sebanyak lebih dari \$3

juta telah diperuntukkan untuk membiayai kos kerjatanah, pembinaan permulaan dan pembelian alat-alat kelengkapan pejabat, makmal dan sebagainya. Jadi, saya ingin tahu sumber-sumber logam yang didapati daripada hasil daripada kajian ini dan memandangkan pada ketika ini kepada sumber air di bawah tanah iaitu mineral water merupakan salah satu sumber-sumber yang berpotensi, jadi saya ingin tahu daripada Menteri berapa banyakkah sumber-sumber air di bawah tanah ini dijumpai supaya kawasan-kawasan ini dijadikan sebagai tempat kawalan supaya kita dapat memproses sumber air ini pada masa akan datang. Itu sahaja, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Diminta Yang Berhormat Menteri menjawab.

7.22 *mlm.*

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Tuan Pengerusi, saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri ingin menyampaikan jawapan-jawapan sebagaimana yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pertama, Ahli Yang Berhormat dari Arau yang minta kami menerangkan sistem kouta adakah dibuka kepada umum. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, sistem kuota ini ditetapkan berdasarkan permintaan yang dibuat oleh pengilang-pengilang tembakau pada tiap-tiap tahun. Jadi, jumlah amaun atau kouta itu akan bertukar-tukar, mengikut keperluan pada tahun berikutnya. Oleh itu, sistem kouta ini diberi kepada dua jenis. Pertama, kepada pengawit dan kedua, kepada penanam-pengawit. Jadi, pada pengawit, maka kita akan lesenkan pengawit, dan pengawit-pengawit itu mestilah mengikut peraturan-peraturan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh LTN. Manakala pengawit itu pula hendaklah mendaftarkan penanam di bawah mereka masing-masing. Manakala sistem

penanam-pengawit ini yang telah dijalankan oleh pihak LTN, di mana penanam itu diregisterkan, dan penanam itu juga menanam dan dia sendiri yang mengawit. Sistem seumpama ini telah pun berjalan dan boleh dikatakan mendapat kejayaan.

Menyentuh pula apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau bahawa mengapa Kelantan diberi kouta yang banyak sedangkan katanya, setengah-setengah pengawit/penanam di Kelantan seolah-olah macam kita beri air, tetapi dicurahkan pula air itu balik ke muka kita. Perkara ini saya rasa tidak timbul, kerana kouta ini diberi banyak kepada Kelantan adalah kerana Kelantan telah memulakan industri tembakau ini lebih dahulu daripada negeri-negeri lain, dan tanah yang didapati di Kelantan lebih sesuai daripada negeri-negeri yang lain, dan di samping itu negeri-negeri seperti Johor kurang sesuai, Perlis sesuai tetapi negerinya terlalu kecil, dan sebab itu koutanya pun kecil.

Menyentuh mengenai Pusat Latihan Perhutanan, memang benarlah bahawa Pusat Latihan Perhutanan ini ialah untuk memberi kursus kepada Pegawai-pegawai Perhutanan, tetapi beliau bertanya mengapa kecurian balak terus berlaku. Sukalah saya menyatakan di sini bahawa oleh kerana kawasan hutan yang terdapat di seluruh negara kita ini seluas 12.7 juta hektar, sedangkan kami mempunyai anggota di Semenanjung seramai 2,200 orang sahaja, termasuk di peringkat A, B, C dan D (termasuk IMG). Jadi, dengan sebab itu, kalau kecurian itu berlaku di kawasan pendalaman, sempadan-sempadan Pahang, Kelantan, Terengganu ataupun yang jauh-jauh, memang itu boleh dikatakan di luar kemampuan kita dan kita memohon menambahkan lagi bilangan pegawai-pegawai.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Kepong bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Saya ingat masa sudah lewat. Jadi, sebab itu dalam perkara ini kita akan cuba menggunakan alat-alatan yang lebih canggih lagi pada masa akan datang, supaya kita dapat mengesan kecurian lebih awal. Tetapi mengenai kecurian yang telah berlaku di Ampang, saya telah menjawab di dalam Dewan yang mulia ini bahawa ini adalah disebabkan kelemahan pegawai kita sendiri, dan kita cuba memperbanyakkan lagi kursus-kursus supaya pegawai-pegawai kita ini akan dapat diberikan pengetahuan yang lebih lengkap terutama sekali dari segi teknik-teknik pendakwaan, penyiasatan yang lebih rapi. Kerjasama dengan pihak Polis akan dibuat dengan lebih kerap lagi, supaya bantuan-bantuan dari pihak Polis akan dapat dicapai dari semasa ke semasa.

Yang Berhormat dari Larut pula telah menyatakan bahawa ada tohmahan-tohmahan di luar negara tentang pengurusan hutan kita agak tidak memuaskan, terutama juga tentang bantahan orang Penan dan sebagainya. Saya bagi pihak Kementerian mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dan rombongan beliau, yang telah bertanggungjawab memberikan penjelasan dan penerangan yang jelas bagaimana pentadbiran dan pengurusan hutan yang terdapat di negara kita. Pada masa ini negara kita merupakan salah satu pengurusan yang saya rasa begitu kita banggakan, kerana kita mematuhi peraturan-peraturan. Tetapi apa yang berlaku di luar negara sebenarnya adalah merupakan tuduhan dan fitnah yang dibuat oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Tentang konsesi-konsesi yang diberikan kepada "orang besar", "orang kecil" ini, insya Allah bagi pihak undang-undang kita tidak mengenal

orang besar atau orang kecil, tetapi enforcement akan kita kuatkan dengan penubuhan Unit-unit Khas di tiap-tiap negeri pada masa akan datang, insya Allah.

Menyentuh tentang pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap tentang penanaman semula nenas, mengapa diminta peruntukan yang begitu banyak. Sebenarnya projek baru yang telah kita tetapkan pada tahun 1991 ialah sebanyak 7 projek, dan cuma satu sahaja projek yang merupakan sambungan pada tahun yang lalu. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat bahawa projek tanam semula ini amat berjaya dan boleh dikatakan pengeluaran nenas kita pada masa ini bertambah kalau hendak dibandingkan dengan tahun-tahun yang lalu. Tetapi oleh kerana permintaan pasarannya agak baik dengan penarikan cukai yang dibuat oleh Kerajaan Jepun baru-baru ini, maka pasarannya begitu luas sekali. Jadi, dengan sebab itu kita telah cuba memperkenalkan tanaman semula nenas kepada pekebun-pekebun kecil khusus bagi negeri Johor sahaja. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, mungkin Ahli Yang Berhormat tersalah anggap bahawa nenas Sarawak itu bukan nenas untuk dikalengkan, bukan untuk ditinkan, tetapi itu untuk dimakan "fresh", makanan yang segar. Nenas itu besar. Tetapi yang dikalengkan ini ialah nenas yang kecil, yang kemas, yang kita namakan Gandul iaitu satu baka yang khusus untuk dikalengkan. Jadi, itu agak berbeza. Insya Allah, tentang tanah gambut yang luas di Sarawak, kajian akan dibuat oleh pihak Lembaga Nenas Malaysia.

Tentang research yang dibuat oleh MARDI, ini memang benarlah kerana Lembaga Nenas terlalu kecil dan tidak mempunyai kemampuan. Walau bagaimanapun, kita mempunyai kerjasama untuk research tetapi tidaklah sehebat sebagaimana yang dijalankan oleh MARDI dan sehingga ini kita berpuashati apa yang dijalankan oleh

MARDI itu sebenarnya dapat memberi pertolongan kepada pengeluaran nenas kita.

Menjawab Ahli Yang Berhormat dari Maran tentang Lembaga Koko Malaysia mengapa peruntukan begitu banyak dipohon, iaitu untuk membeli alat-alat makmal dan lain-lain. Sebenarnya untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, bahawa mulai tahun 1991 Lembaga Koko Malaysia telah ditubuhkan, dan ia telah beroperasi dan berpusat di Sabah di mana makmal-makmal di situ akan diperkukuhkan, supaya R&D dapat dijalankan di stesyen kita iaitu di Sabah.

Di Semenanjung, stesen kita yang ada ini diperkukuhkan lagi dengan alat-alat yang akan dibeli. Tentang mutunya, memanglah tidak setanding dengan mutu yang dikeluarkan oleh Afrika. Dengan sebab itulah kita memerlukan alat-alat makmal yang lebih lengkap dan yang lebih canggih, dengan harapan kerja-kerja R&D dapat ditingkatkan lagi supaya mutu koko kita dapat setanding atau kalau tidak pun hampir setanding dengan apa yang terdapat di negara-negara Afrika. Tentang harganya, memang benarlah, kerana harga ini berdasarkan kepada permintaan dan penawaran. Tinggal lagi kalau mutunya tinggi maka insya-Allah kita dapat harga yang lebih baik.

Tentang penyelidikan getah, RTM memang benar alat-alat kelengkapan juga perlu ditambah dari semasa ke semasa, kerana kita juga mempunyai tanggungjawab bahawa bukan sahaja untuk mengadakan penyiasatan atau kajian terhadap mutu getah, tetapi kita juga berusaha untuk mengeluarkan klon-klon getah yang baru yang dapat mengeluarkan berganda-ganda susunya di bandingkan dengan yang lalu. Misalnya, kita ada satu klon di mana satu hektar sekarang dapat mengeluarkan 3,000 kilogram per hektar setahun. Ini agak sekali ganda pendapatannya, berbeza dengan klon-klon yang telah kita temui pada masa-masa yang lalu.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kepong bangun.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Saya rasa biar saya habiskan dahulu. Tentang mutu getah kita, saya yakin dan percaya sehingga ini memang kita merupakan pengeluar mutu getah yang terulung. Apatah lagi kita merupakan negara pengeluar getah yang terulung dan yang terbesar pada masa ini. Walaupun demikian, kita akan terus mempertahankan R&D, supaya kawasan tanaman walaupun tidak bertambah, tetapi pengeluaran susu akan meningkat. Dan juga teknologi tentang penorehan getah ini juga sedang kita kaji dengan menggunakan berbagai-bagai teknologi moden.

Tentang apa yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat dari Sungai Benut iaitu tentang \$4 juta untuk pengkajian penyakit koko, saya rasa ini memang salah satu usaha kita supaya dapat kita mengawal penyakit-penyakit koko ini, supaya jangan merebak di antara satu tempat ke satu tempat, atau dari satu negeri ke satu negeri yang lain. Di samping itu, stesen-stesen koko yang ada di Sabah, sebagaimana yang saya terangkan dan juga di Semenanjung akan diperkukuhkan lagi, supaya apa yang telah dirisaukan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan dapat kita halang.

Ahli Yang Berhormat juga telah bertanya tentang penyiasatan kaji bumi, sejauhmana sumber-sumber air di bawah tanah telah dijumpai. Jadi, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, bahawa kita ada special unit di Pusat Kaji Bumi yang menolong mana-mana Kerajaan Negeri yang berkehendakkan untuk membuat kajian sumber air di bawah tanah, maka bolehlah hubungi unit khas itu. Dengan itu akan dapat mengetahui bahawa berapa banyak tempat yang sesuai yang terdapat di setiap negeri.

Jadi, itu sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$38,480,010 yang disebutkan dalam Maksud P.18 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1991 di bawah Kementerian Perusahaan Utama hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$38,480,010 untuk Maksud P.18 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 1991.

Maksud B.19 Jadual Pertama—

Maksud B.19 Jadual Kedua—

Maksud P.19 Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.3) 1990—

Maksud P.19 Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 1991—

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.19 Tahun 1990 dan 1991 dan P.19 di bawah Kementerian Pertanian terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Arau.

7.35 mlm.

Tuan Shahidan bin Kassim Arau: Tuan Pengerusi, terima kasih. Berhubung dengan P. 19 di bawah Lembaga Pemasaran Pertanian, saya menyokong dan saya minta kalau boleh ditambahkan peruntukan sebagaimana yang telah dibelanjakan dan mengisytiharkan kepentingannya.

Kemudian yang kedua, Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 00400—Lembaga Padi dan Beras Negara. Di sini kita lihat bahawa tambahan sebanyak \$14 juta dikehendaki untuk membiayai penyelenggaraan kilang-kilang padi. Jadi, soalan saya ialah sama ada \$14 juta ini untuk selenggara kilang padi

ataupun untuk membina sebuah kilang padi, oleh kerana perbelanjaan ini dibuat pada awal tahun 1991, iaitu peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Keenam yang telah dibelanjakan dahulu. Jadi, saya ingin bertanya apakah ini untuk pembinaan kilang padi yang baru ataupun untuk menyelenggara kilang-kilang padi yang ada. Di samping itu, Tuan Pengerusi, saya juga ingin bertanya kepada LPN sama ada sesuai atau tidak kilang-kilang padi yang diselenggarakan sekarang ini diteruskan selenggaraannya ataupun dirobuhkan dan diganti dengan yang baru, oleh kerana kita dapati jangka hayat bagi kilang-kilang padi ini adalah lebih cepat kalau dibandingkan dengan jangka hayat kilang-kilang lain kerana seperti yang kita sedia maklum, walaupun beras ini sedap dimakan, tetapi proses untuk mendapatkan beras terpaksa melalui proses-proses yang panjang yang melibatkan jangka hayat kilang tersebut.

Jadi, saya ingin bertanya apakah Kementerian, walaupun telah membelanjakan \$14 juta untuk penyelenggaraan atau mungkin bercadang untuk membina kilang baru di semua kilang-kilang LPN yang ada sekarang supaya sampai kepada tahap yang boleh memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada petani-petani.

Yang keduanya, Tuan Pengerusi, ialah berhubung dengan 00700—Lembaga Pertubuhan Peladang. Tambahan sebanyak \$14 juta dikehendaki untuk membiayai projek-projek pembangunan ladang nukleus industri kecil, pembinaan kompleks peladang, pembelian alat kejenteraan ladang dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya, sebab di sini ada disebutkan perkataan industri kecil. Apakah pihak LPP bercadang untuk bersama-sama dengan pihak Kerajaan ataupun memohon daripada pihak Kerajaan di bawah tabung yang diperuntukkan bagi Tabung Usahawan Baru. Kita dapati Tabung

Usahawan Baru, kalau mengikut Menteri Kewangan sehingga kini hanya dibelanjakan sebanyak \$20 juta, walaupun telah hampir setahun dilancarkan dan ini kalau dilihat kepada kepentingan LPP, adalah perlu diberi keutamaan. Apakah Kerajaan bercadang untuk memohon tambahan ataupun menggunakan wang tersebut bagi membiayai industri-industri yang dilaksanakan di bawah LPP.

Kemudiannya, Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya, walaupun ini ada kaitan sedikit dengan polisi sebagai latar belakang, apakah pihak Kerajaan bercadang untuk memikirkan semula supaya kedudukan pengurusan Pertubuhan-pertubuhan Peladang di bawah LPP ini dikaji semula. Sebab kita lihat bahawa di antara perkara-perkara yang diberi penekanan dalam kepimpinan Pertubuhan-pertubuhan Peladang bahawa peladang-peladang itu mengetuai sendiri pertubuhan-pertubuhan peladang mereka. Kita sedia maklum, Tuan Pengerusi, saya bukan hendak kata bahawa petani-petani ini tidak dapat menguruskan diri mereka, tetapi kalau sekiranya perkara ini kita biarkan berterusan, mereka ini tidak akan dapat bertanding di pasaran terbuka.

DAP merupakan orang yang pertama memberi sokongan kepada Akta Pertubuhan Peladang ini oleh kerana mereka ingin melihat petani-petani terus miskin. Sebab kalau sekiranya petani-petani sendiri yang mentadbir Pertubuhan Peladang, selepas itu mereka juga terpaksa mengadakan ladang nukleus, industri kecil dan lain-lain perniagaan, maka mereka tidak dapat masuk bertanding di pasaran terbuka. Apakah kita bercadang untuk mengadakan peruntukan ataupun tambahan supaya pengurusan mereka ini dibuat oleh orang-orang yang pakar dalam bidang perniagaan dan mengapa pula kita mesti menghukum Pertubuhan-

pertubuhan Peladang supaya hanya terlibat kepada industri-industri yang berasaskan pertanian.

Kalau sekiranya mereka nampak bahawa di kawasan yang berkenaan terdapat industri yang tidak berasaskan pertanian boleh diwujudkan, mengapa harus kita sekat mereka masuk ke bidang tersebut? Contohnya, katakan LPP Padang Terap, kawasan dia hendak tanam apa pun tidak boleh sebab tanah kering-kontang. Dia berminat dengan kuari ataupun industri bata, sebagai contoh, mengapa Pertubuhan Peladang harus disekat untuk bergerak ke arah perniagaan tersebut? Jadi, kita menggalakkan mereka terlibat dalam bidang yang kita tahu risikonya tinggi dan dalam masa yang sama terpaksa menghadapi tandingan-tandingan yang hebat di pasaran terbuka. Jadi, kita cadangkan supaya sesuatu boleh dibuat agar pengurusan Pertubuhan-pertubuhan Peladang itu, kalau boleh di bawah lantikan Menteri, empat orang tambahan itu diberi kepada mereka yang pakar dalam bidang perniagaan. Bukan mereka yang kita ambil juga daripada petani-petani. Kita ambil macam Yang Berhormat dari Batu Berendam jadi Pengerusi Pertubuhan Peladang di Padang Terap, Yang Berhormat dari Padang Terap pergi ke Batu Berendam. Jadi, kita tukar-tukar. Maknanya golongan profesional betul-betul mengurus Pertubuhan-pertubuhan Peladang ini supaya mereka dapat masuk pertandingan terbuka.

Saya percaya dengan cara ini kita tidak menghadapi masalah, walaupun kita telah belanja dengan begitu banyak, untuk memberi peluang supaya mereka ini hidup dan dapat bertanding di pasaran terbuka.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, fasal MADA, saya lihat di sini bahawa tambahan yang diminta ialah sebanyak \$3 juta. Walaupun tambahan ini telahpun dibelanjakan dan \$3 juta ini merupakan satu angka yang kecil, cuma teguran saya

kepada MADA iaitu mengapakah ban-ban MADA tidak diuruskan dan diselenggarakan dengan baik oleh pihak MADA. Kita lihat MADA di Perlis umpamanya, ban-ban MADA ini diserahkan kepada pihak-pihak lain termasuk Pejabat Daerah untuk menyelenggarakannya.

Walaupun begitu, kalau sekiranya kita hendak masuk untuk selenggarakan jalan tersebut, dia bersyarat supaya ia mesti melalui MADA. Tetapi kalau kita serahkannya kepada MADA, MADA tidak mempunyai peruntukan dan tambahan pula dengan S3 juta ini saya rasa habis ditelan oleh MADA Kedah. Jadi MADA Perlis tidak mendapat apa-apa peluang dan kita lihat kawasan-kawasan ban MADA menghadapi masalah kerana tidak diselenggarakan dengan baik. Ini bukan kesalahan MADA, kerana saya rasa Kerajaan tidak memberi peruntukan yang lebih. Kita minta supaya ke hadapan ini mereka berbelanja lebih lagi, dan saya rasa ini akan mendapat sokongan daripada Ahli-ahli semua.

Yang berikutnya, Tuan Pengerusi, fasal 01000—IADP, Projek Pembangunan Bersepadu. Secara keseluruhannya kita lihat tambahan sebanyak \$29,521,000 telahpun dibuat untuk membiayai projek-projek di bawah RML. Ini termasuklah pembelian kenderaan, jalan, jambatan dan sebagainya.

Kita menyokong perkara ini, cuma kita ingin bertanya adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengkaji semula kawasan-kawasan di bawah IADP sekarang iaitu yang diberi penekanan untuk tanaman padi, mengkaji semula supaya tanaman-tanaman ini dapat dipelbagaikan.

Sahabat saya dari Padang Terap seorang pakar tanah. Dia beritahu bahawa tanah padi adalah tanah yang paling sesuai dan paling subur untuk

tanam kelapa sawit, tetapi kita masih meneruskan projek ini dengan harapan bahawa petani akan terus menanam padi. Jadi, saya minta supaya kajian dibuat supaya sampailah masanya dalam usaha kita untuk bergerak ke arah negara perindustrian ini supaya kawasan-kawasan ini dikaji semula dan difikirkan tanaman yang boleh memberi manfaat.

Kita sedia maklum dan kenyataan ini belum dapat lagi sesiapa yang menangkisnya bahawa tanaman padi adalah tanaman orang miskin dan sesiapa yang bertanam padi akan terus miskin. Tetapi Kerajaan bantu balik melalui subsidi. Kalau tanpa bantuan Kerajaan, subsidi dan sebagainya, petani-petani memang tidak dapat menampung pendapatan yang mereka dapat daripada bertani.

Kita kena maklum sekarang ini bahawa penduduk bertambah, usaha Kerajaan untuk meramaikan penduduk, ramai orang berkahwin dan sebagainya, kawasan pertanian makin kecil dan Kerajaan Negeri pula setengahnya yang hebat menggunakan kawasan pertanian untuk perumahan. Jadi, saya ingin bertanya apakah implikasi, apakah kesan daripada pihak Kerajaan-kerajaan Negeri yang meluluskan banyak projek perumahan di kawasan IADP?. Adakah ini mendatangkan kesan dari segi saliran ataupun merugikan Kerajaan kerana terpaksa berbelanja banyak untuk saliran tersebut.

Yang berikutnya, Tuan Pengerusi, ialah di bawah Program Pertanian, \$20 juta telah dibelanjakan. Jadi, di sini adalah disebut dengan nyata mengenai dusun nuklius, dusun buah-buahan, pertanian dan aktiviti pengembangan. Jadi, saya ingin bertanya, berapa banyak kawasan yang telah dibuka dengan perbelanjaan tersebut dan di manakah kawasan-kawasan yang telah dirancang oleh pihak Kerajaan untuk dibuka di masa akan datang berdasarkan kepada apa yang telah mereka belanjakan.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, ialah berhubung dengan Program Haiwan. Di sini tambahan sebanyak \$6,570,000 telah dibuat untuk pembinaan rumah kakitangan, pusat latihan dan sebagainya. Saya ingin bertanya, adakah pihak Jabatan Haiwan di Kementerian di bawah Program Haiwan ini sensitif kepada perkembangan-perkembangan ternakan yang baru terutamanya berhubung dengan latihan.

Saya dapati, Tuan Pengerusi, di beberapa buah negeri, kita tidak mahu sebut nama negeri ini, tetapi secara keseluruhannya, bahawa Jabatan Haiwan, sebagai contohnya, tidak peka dengan sejenis binatang yang amat agung, yang tinggi nilai mutu dagingnya iaitu arnab. Jadi, Yang Berhormat sendiri sebut bahawa arnab adalah merupakan daging teragung di antara daging-daging, tetapi orang kita sukar untuk makan kerana mereka tidak ketahui khasiatnya. Saya hendak tambah kepada Yang Berhormat, di antara orang yang cantik dalam dunia ini ialah orang-orang Perancis. Orang-orang Perancis makan lebih daripada 8 kg per family seminggu di sana. Di antara orang yang terkuat dalam dunia ialah orang Italy, yang kita tengok cerita "Ben Hur", orang yang badan besar-besar dan mereka merupakan orang yang paling banyak makan daging arnab. Di antara orang yang tercantik dan orang yang terkuat ialah orang-orang yang makan banyak daging arnab.

Ini perlu dikempen dan kita dapati benda ini tidak berlaku di Malaysia dan oleh sebab itu fizikal orang Malaysia belum lagi berkembang seperti fizikal bangsa-bangsa lain. Ini saya tidak mahu sentuh mana-mana pihak, sebab itu sensitif, tetapi fizikal kita masih di tahap belum tinggi lagi. Jadi, kita minta supaya Jabatan Haiwan memikirkkan.

Saya ingin bertanya adakah Jabatan Haiwan memikirkkan perkara ini kerana dari segi produksi atau dari segi pengeluaran daging arnab, kita dapati

Jabatan Haiwan tidak dapat menasihatkan cara yang betul bagaimana memelihara arnab. Contohnya adalah seperti berikut. Saya pernah pergi ke satu kawasan di Kelantan dan saya bertanya bagaimana dia menyusukan arnab. Sebenarnya, cara menyusukan arnab, arnab Malaysia bila dia beranak, kita boleh lepas ibu dia, dan ibu bagi makan arnab, sebab arnab Malaysia, ibu sayang pada anak. Tetapi arnab yang menjadi makanan utama kita ialah arnab New Zealand. Arnab New Zealand tidak suka bagi menyusu anak. Kita kena pegang sekali dua kali, baru dia mahu menyusu anak. Jadi, kalau kita biarkan sampai dua, tiga hari, anak-anak arnab akan mati. Tetapi ini kita tidak dapat nasihat yang khusus dan cara-cara sangkar arnab dibuat, sama ada patut dibuka bumbung di atasnya ataupun di sebelah tepi. Saya pakar dalam pembelaan arnab sebab saya bela banyak arnab dan dalam keadaan tertentu kadang-kadang saya lebih terpakar sedikit daripada doktor-doktor haiwan.

Doktor kulit saya lebih pandailah. Jadi, itulah saya minta supaya pihak Kementerian sensitif ataupun peka kepada ternakan-ternakan baru dan juga makanan-makanan baru rakyat Malaysia supaya rakyat Malaysia lebih sihat, bercakap dengan tertib dan tidak merapu. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kepong. Yang Berhormat bolehkah bercakap dalam 5 minit?

Dr Tan Seng Giaw: Tak boleh, Tuan Pengerusi, banyak perkara.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kita ada dua hari sahaja.

Dr Tan Seng Giaw: Memang ada dua hari, tetapi dimintanya hampir \$200 juta.

Tuan Pengerusi: Saya benarkan Yang Berhormat bercakap 5 minit sahaja.

Dr Tan Seng Giaw: 5 minit sahaja, itu tak cukup tetapi orang lain di-benarkan lebih lama lagi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat sudah bercakap beberapa kali. (*Ketawa*)

Dr Tan Seng Giaw: Tiap-tiap topik itu tak serupa, Tuan Pengerusi dan Butiran pula tak serupa.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat.

7.51 m/m.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, mengenai B.19, perbekalan tambahan sebanyak \$45,686,600 diberi kepada Kementerian sebagai bayaran balik wang pendahuluan yang dibuat oleh Lembaga Padi Negara untuk membayar subsidi harga padi. Kami telah pun membincangkan perkara ini dengan panjang lebar dalam Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 1990 di bawah Kementerian serta tajuk yang sama. Di sini kami ingin tahu sama ada bayaran subsidi harga padi yang didahulukan oleh LPN itu berupa bayaran subsidi untuk tahun ini atau tahun yang lepas atau lebih awal lagi. Jika memang bagi tahun-tahun yang lalu, mengapa hanya sekarang baru sahaja Kerajaan mengimbuh balik wang LPN? Jika ianya untuk tahun lalu, apakah penjelasan Kerajaan, mengapa wang ini tidak dilonggokkan bersama-sama dengan Tambahan Perbekalan Ketiga 1990? Jika untuk tahun yang lebih awal, jumlah ini juga harus dilonggokkan dalam Tambahan Perbekalan 1990 yang lepas, iaitu ketika Tambahan Kedua di mana subsidi harga padi diminta untuk tempoh 1980 hingga 1988. Dalam kes ketiga, iaitu bayaran balik dibuat adalah untuk tahun ini, kami difahamkan mengapa peruntukan yang disediakan di bawah Belanjawan 1991 tidak dibelanjakan, akan tetapi tambahan perbekalan diminta. Adakah peruntukan Belanjawan sudah pun habis digunakan?

Tuan Pengerusi, soalan lain ialah dari manakah LPN memperolehi wang \$45.686 juta itu untuk memberi bayaran subsidi harga padi terlebih dahulu sebelum menerima wang daripada Kerajaan? Ini satu soalan yang pokok kerana kita tak boleh ambil wang dengan begitu sahaja, tetapi kita hendak mengambil wang daripada sumber yang tertentu, yang ditetapkan.

Tuan Pengerusi, banyak perkara lagi, misalnya mengenai Butiran 08900-Rancangan-rancangan Perairan, Saliran, Mencegah Banjir dan Pemeliharaan Sungai Selangor dan juga 17100—Perparitan dan Tebatan Banjir di Kawasan Bandar, termasuk Rancangan Tebatan Banjir Kuala Lumpur. Saya mempunyai banyak masalah mengenai perkara seperti itu kerana kerja untuk memperbaiki keadaan banjir seperti di kawasan Kajang, iaitu kawasan Dewan Undangan Negeri saya, dan juga di kawasan Kepong dan seluruh Wilayah Persekutuan tidak dijalankan dengan begitu baik kerana yang pertamanya, peruntukan yang tak cukup dan ini pun rancangan-rancangan bagi Selangor, misalnya di satu Kampung Balakong di mana hampir tiap-tiap hari atau selang sehari adanya banjir, kampung itu ditenggelami air selang sehari, seperti hari ini dengan hujan..... (*Disampuk*)

Tuan Pengerusi: Sila teruskan, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Hujan yang lebat ataupun kalau tak ada hujan pun kadangkala ada banjir kerana kawasan itu kawasan di hiliran, ada kawasan-kawasan yang dimajukan di hulunya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Dr Tan Seng Giaw: Sebab itulah saya berharap dengan permintaan wang seperti ini, pihak Jabatan untuk tebatan

banjir di Selangor dan juga di Kuala Lumpur dapat menjalankan tugas dengan lebih berkesan, cekap dan lebih bermakna. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri menjawab.

7.56 m/m.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kawasan Arau dan Yang Berhormat Kawasan Kepong. Saya yakin banyak lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin memberi pandangan, tetapi disebabkan masa, kita terpaksa membenarkan hanya dua Ahli Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi, bagi menjawab mengenai dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Arau, iaitu berhubung dengan sokongan beliau kepada program ataupun Belanjawan yang dibuat oleh FAMA, jadi saya rasa sudah sewajarnya beliau sebagai Pengerusi FAMA memberi sokongan kepada program yang dibuat oleh Kementerian.

Mengenai dengan perbelanjaan sebanyak \$14 juta untuk penyelenggaraan kilang-kilang LPN, saya nyatakan di sini bahawa daripada jumlah tersebut hanya \$3 juta sahaja untuk penyelenggaraan kilang-kilang yang sedia ada, manakala yang selebihnya adalah untuk pembinaan projek-projek kecil seperti gudang beras, logi pengampit beras, logi jana-elektrik dan lain-lain lagi.

Berhubung dengan persoalan adakah lebih ekonomik kilang-kilang yang sedia ada ini diteruskan, suka saya nyatakan bahawa adalah lebih ekonomik kilang-

kilang yang sekarang ini diteruskan dan pembinaan kilang baru hanya akan dilaksanakan di tempat-tempat yang belum ada lagi kilang. Untuk makluman Yang Berhormat, kos untuk membina sebuah kilang baru adalah di antara \$20 juta hingga \$30 juta.

Mengenai dengan pandangan Yang Berhormat tentang kegiatan LPP, iaitu menyaran supaya LPP menceburkan diri dalam kegiatan-kegiatan di sektor luar pertanian, suka saya nyatakan di sini perkara ini memang telah pun berjalan. Ada di antara PPK yang telah menjalankan perniagaan mini market, umpamanya PPK Tanjong Karang dan juga ada PPK yang menjalankan perniagaan stesen minyak seperti yang terdapat di negeri Kelantan.

Berhubung dengan kawasan sama ada Kementerian akan mengkaji semula kawasan IADP, sepertimana yang saya telah jawab semasa soaljawab pada petang tadi, salah satu kawasan IADP yang telah kita kaji semula adalah kawasan IADP Endau-Rompin dan pihak Kementerian memang telah menyatakan pendirian kita kepada Pihak Berkuasa Negeri tentang bantahan kita kepada penukaran syarat tanah-tanah pertanian kepada perumahan ataupun perindustrian kerana kita telah membelanjakan peruntukan yang banyak untuk menyediakan kemudahan prasarana di kawasan-kawasan IADP yang terdapat di dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya hendak perhabis, sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi: Sedikit pun tak boleh (*Ketawa*), sudah ada usul. Usul bukan daripada saya, tetapi daripada sebelah Menteri. Esok sambung.

10283

23 JULAI 1991

10284

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:
Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Esok sambung dan sambung berkenaan dengan daging arnab jadi orang cantik, jadi orang kuat.
(Ketawa)

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertuan: Mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.00 malam.